



DALAM MAHKAMAH SESYEN 1 MELAKA

DI DALAM DAERAH NEGERI MELAKA

**[KES JENAYAH NO. : MA-61R-36 HINGGA 39-10 TAHUN 2018
& MA-61R-5 HINGGA 7-03 TAHUN 2019]**

PENDAKWA RAYA

LAWAN

**HAIRUDIN BIN NGADIRON
(NO. K/P: 751214-04-5261)**

ALASAN PENGHAKIMAN

[A] PENGENALAN

[1] Tertuduh Hairudin Bin Ngadiron (selepas ini dipanggil “OKT”) adalah seorang penjawat awam yang bertugas sebagai Penolong Jurutera di Maktab Teknik PDRM (selepas ini disebut “MTPDRM”) Bakri, Muar. Tertuduh telah dibawa ke hadapan Mahkamah ini dan telah dituduh secara rasuah memperoleh suapan dalam bentuk wang tunai, servis membaiki kereta dan juga barang-barang berharga berbentuk barang pembinaan rumah sebagai upah membantu mendapatkan kerja-kerja di Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar daripada seorang kontraktor bernama Razali bin Sawon. Projek yang terlibat adalah Pembaikan Bangunan dan Pagar Keselamatan di Pondok Pengawal Maktab Teknik PDRM Bakri Muar (No Pesanan P16000001), Kerja-kerja Pembaikan Lapang Sasar Semi Indoor 25m Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar (No. Pesanan P16000000) dan Penyelenggaraan Kolam Renang dan Kolam Junam di Kompleks



Sukan Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar (No Kontrak 145/6(MTP/KK/02/2016).

[2] Secara keseluruhannya pertuduhan yang dihadapi oleh OKT adalah:-

- (i) 8 pertuduhan di bawah Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (“Akta SPRM 2009”);
- (ii) 8 pertuduhan pilihan di bawah Seksyen 165 Kanun Keseksaan; dan
- (iii) 9 pertuduhan di bawah Seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001.

[B] PERTUDUHAN

[3] Pertuduhan terhadap Hairudin Bin Ngadiron (“OKT”) adalah seperti berikut:-

KES TANGKAP NO. MA-61R-36-10/2019

PERTUDUHAN PERTAMA (No. 1 sebagai rujukan)

Bahawa kamu pada 15 Disember 2016, di rumah yang beralamat, KM 35, Kg. Parit Gantung, 77400 Sungai Rambai Melaka di dalam Daerah Jasin, di dalam Negeri Melaka, telah secara rasuah menerima suatu suapan, iaitu wang tunai berjumlah RM200,000.00 daripada Razali Bin Sawon, Pengurus SMR Cahaya Enterprise untuk diri kamu sendiri; sebagai upah membantu mendapatkan kerja-kerja di Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar pada tahun 2016 iaitu Pembaikan Bangunan dan Pagar Keselamatan di Pondok Pengawal Maktab Teknik PDRM,

Bakri, Muar (No. Pesanan P16000001), Kerja-Kerja Pembaikan Lapang Sasar Semi Indoor 25m Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar (No. Pesanan P16000003) serta Perkhidmatan Operasi dan Penyelenggaraan Kolam Renang dan Kolam Junam di Kompleks Sukan Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar, Johor (No. Kontrak 145/6/(MT/KK/02/2016) dan dengan ini kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24 Akta yang sama.

PERTUDUHAN PILIHAN PERTAMA

*Bahawa kamu pada 15 Disember 2016, di rumah yang beralamat, KM 35, Kg. Parit Gantung, 77400 Sungai Rambai Melaka di dalam Daerah Jasin, di dalam Negeri Melaka, telah menerima untuk diri kamu suatu benda berharga iaitu wang tunai berjumlah **RM200,000.00** daripada **Razali Bin Sawon**, Pengurus SMR Cahaya Enterprise dengan tiada balasan, yan mana kamu ketahui ada hubungan dengan tugas rasmi kamu sebagai Penjawat Awam di mana kamu sebagai Penolong Jurutera berkait Pembaikan Bangunan dan Pagar Keselamatan di Pondok Pengawal Maktab Teknik PDRM, Bakri, Muar (No. Pesanan P16000001), Kerja-Kerja Pembaikan Lapang Sasar Semi Indoor 25m Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar (No. Pesanan P16000003) serta Perkhidmatan Operasi dan Penyelenggaraan Kolam Renang dan Kolam Junam di Kompleks Sukan Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar, Johor (No. Kontrak 145/6/(MT/KK/02/2016) dan dengan ini kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 165 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah seksyen yang sama.*

PERTUDUHAN KEDUA (No. 2 sebagai rujukan)

Bahawa kamu pada 19 Disember 2016, di rumah yang beralamat, KM 35, Kg. Parit Gantung, 77400 Sungai Rambai Melaka di dalam Daerah Jasin, di dalam Negeri Melaka, telah secara rasuah menerima suatu suapan, iaitu wang tunai berjumlah RM200,000.00 daripada Razali Bin Sawon, Pengurus SMR Cahaya Enterprise untuk diri kamu sendiri; sebagai upah membantu mendapatkan kerja-kerja di Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar pada tahun 2016 iaitu Pembaikan Bangunan dan Pagar Keselamatan di Pondok Pengawal Maktab Teknik PDRM, Bakri, Muar (No. Pesanan P16000001), Kerja-Kerja Pembaikan Lapang Sasar Semi Indoor 25m Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar (No. Pesanan P16000003) serta Perkhidmatan Operasi dan Penyelenggaraan Kolam Renang dan Kolam Junam di Kompleks Sukan Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar, Johor (No. Kontrak 145/6/(MT/KK/02/2016) dan dengan ini kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24 Akta yang sama.

PERTUDUHAN PILIHAN KEDUA

*Bahawa kamu pada 19 Disember 2016, di rumah yang beralamat, KM 35, Kg. Parit Gantung, 77400 Sungai Rambai Melaka di dalam Daerah Jasin, di dalam Negeri Melaka, telah menerima untuk diri kamu suatu benda berharga iaitu wang tunai berjumlah **RM200,000.00** daripada **Razali Bin Sawon**, Pengurus SMR Cahaya Enterprise dengan tiada balasan, yang mana kamu, ketahui ada hubungan dengan tugas rasmi kamu sebagai Penjawat Awam di mana kamu sebagai Penolong Jurutera berkait Pembaikan Bangunan dan Pagar Keselamatan di Pondok Pengawal Maktab Teknik PDRM, Bakri, Muar (No. Pesanan*

P16000001), Kerja-Kerja Pembaikan Lapang Sasar Semi Indoor 25m Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar (No. Pesanan P16000003) serta Perkhidmatan Operasi dan Penyelenggaraan Kolam Renang dan Kolam Junam di Kompleks Sukan Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar, Johor (No. Kontrak 145/6/(MT/KK/02/2016) dan dengan ini kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 165 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah seksyen yang sama.

PERTUDUHAN KETIGA (No. 3 sebagai rujukan)

Bahawa kamu pada 23 Januari 2017, di rumah yang beralamat, KM 35, Kg. Parit Gantung, 77400 Sungai Rambai Melaka di dalam Daerah Jasin, di dalam Negeri Melaka, telah secara rasuah menerima suatu suapan, iaitu peralatan besi bumbung bernilai RM28,772.72 daripada Razali Bin Sawon, Pengurus SMR Cahaya Enterprise melalui Nikkata Metal Roofing Industries Sdn. Bhd., untuk diri kamu sendiri; sebagai upah membantu mendapatkan kerja-kerja di Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar pada tahun 2016 iaitu Pembaikan Bangunan dan Pagar Keselamatan di Pondok Pengawal Maktab Teknik PDRM, Bakri, Muar (No. Pesanan P16000001), Kerja-Kerja Pembaikan Lapang Sasar Semi Indoor 25m Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar (No. Pesanan P16000003) serta Perkhidmatan Operasi dan Penyelenggaraan Kolam Renang dan Kolam Junam di Kompleks Sukan Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar, Johor (No. Kontrak 145/6/(MT/KK/02/2016) dan dengan ini kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24 Akta yang sama.

PERTUDUHAN PILIHAN KETIGA

*Bahawa kamu pada 23 Januari 2017, di rumah yang beralamat, KM 35, Kg. Parit Gantung, 77400 Sungai Rambai Melaka di dalam Daerah Jasin, di dalam Negeri Melaka, telah menerima untuk diri kamu suatu benda berharga iaitu **peralatan besi bumbung** bernilai RM28,772.72 daripada **Razali Bin Sawon**, Pengurus SMR Cahaya Enterprise dengan tiada balasan, yang mana kamu, ketahui ada hubungan dengan tugas rasmi kamu sebagai Penjawat Awam di mana kamu sebagai Penolong Jurutera berkait Pembaikan Bangunan dan Pagar Keselamatan di Pondok Pengawal Maktab Teknik PDRM, Bakri, Muar (No. Pesanan P16000001), Kerja-Kerja Pembaikan Lapang Sasar Semi Indoor 25m Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar (No. Pesanan P16000003) serta Perkhidmatan Operasi dan Penyelenggaraan Kolam Renang dan Kolam Junam di Kompleks Sukan Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar, Johor (No. Kontrak 145/6/(MT/KK/02/2016) dan dengan ini kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 165 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah seksyen yang sama.*

KES TANGKAP NO. MA-61R-37-10/2019**PERTUDUHAN PERTAMA (No. 4 sebagai rujukan)**

Bahawa kamu pada 20 Februari 2017, di rumah yang beralamat, KM 35, Kg. Parit Gantung, 77400 Sungai Rambai Melaka di dalam Daerah Jasin, di dalam Negeri Melaka, telah secara rasuah menerima suatu suapan, iaitu atap genting rumah bernilai RM7,208.00 daripada Razali Bin Sawon, Pengurus SMR Cahaya Enterprise melalui Chuan Lee Enterprise Sdn. Bhd., untuk diri kamu sendiri; sebagai upah membantu mendapatkan

kerja-kerja di Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar pada tahun 2016 iaitu Pembaikan Bangunan dan Pagar Keselamatan di Pondok Pengawal Maktab Teknik PDRM, Bakri, Muar (No. Pesanan P16000001), Kerja-Kerja Pembaikan Lapang Sasar Semi Indoor 25m Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar (No. Pesanan P16000003) serta Perkhidmatan Operasi dan Penyelenggaraan Kolam Renang dan Kolam Junam di Kompleks Sukan Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar, Johor (No. Kontrak 145/6/(MT/KK/02/2016) dan dengan ini kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24 Akta yang sama.

PERTUDUHAN PILIHAN PERTAMA

*Bahawa kamu pada **20 Februari 2017**, di rumah yang beralamat, KM 35, Kg. Parit Gantung, 77400 Sungai Rambai Melaka di dalam Daerah Jasin, di dalam Negeri Melaka, telah secara rasuah menerima suatu suapan, iaitu **atap genting rumah bernilai RM7,208.00 daripada Razali Bin Sawon**, Pengurus SMR Cahaya Enterprise melalui **Chuan Lee Enterprise Sdn. Bhd.**, dengan tiada balasan, yang mana kamu ketahui ada hubungan dengan tugas rasmi kamu sebagai Penjawat Awam di mana kamu sebagai Penolong Jurutera berkait Pembaikan Bangunan dan Pagar Keselamatan di Pondok Pengawal Maktab Teknik PDRM, Bakri, Muar (No. Pesanan P16000001), Kerja-Kerja Pembaikan Lapang Sasar Semi Indoor 25m Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar (No. Pesanan P16000003) serta Perkhidmatan Operasi dan Penyelenggaraan Kolam Renang dan Kolam Junam di Kompleks Sukan Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar, Johor (No. Kontrak 145/6/(MT/KK/02/2016) dan dengan ini kamu telah melakukan*

kesalahan di bawah Seksyen 165 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah seksyen yang sama.

PERTUDUHAN KEDUA (No. 5 sebagai rujukan)

Bahawa kamu pada 8 Mac 2017, di rumah yang beralamat, KM 35, Kg. Parit Gantung, 77400 Sungai Rambai Melaka di dalam Daerah Jasin, di dalam Negeri Melaka, telah secara rasuah menerima suatu suapan, iaitu kayu anjung rumah bernilai RM11,405.60 daripada Razali Bin Sawon, Pengurus SMR Cahaya Enterprise melalui Syarikat Seribu Jaya Sdn. Bhd., untuk diri kamu sendiri; sebagai upah membantu mendapatkan kerja-kerja di Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar pada tahun 2016 iaitu Pembaikan Bangunan dan Pagar Keselamatan di Pondok Pengawal Maktab Teknik PDRM, Bakri, Muar (No. Pesanan P16000001), Kerja-Kerja Pembaikan Lapang Sasar Semi Indoor 25m Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar (No. Pesanan P16000003) serta Perkhidmatan Operasi dan Penyelenggaraan Kolam Renang dan Kolam Junam di Kompleks Sukan Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar, Johor (No. Kontrak 145/6/(MT/KK/02/2016) dan dengan ini kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24 Akta yang sama.

PERTUDUHAN PILIHAN KEDUA

Bahawa kamu pada 8 Mac 2017, di rumah yang beralamat, KM 35, Kg. Parit Gantung, 77400 Sungai Rambai Melaka di dalam Daerah Jasin, di dalam Negeri Melaka, telah menerima suatu benda berharga iaitu kayu anjung rumah bernilai RM11,405.60 daripada Razali Bin Sawon, Pengurus SMR Cahaya Enterprise

melalui Syarikat Seribu Jaya Sdn. Bhd., dengan tiada balasan, yang mana kamu ketahui ada hubungan dengan tugas rasmi kamu sebagai Penjawat Awam di mana kamu sebagai Penolong Jurutera berkait Pembaikan Bangunan dan Pagar Keselamatan di Pondok Pengawal Maktab Teknik PDRM, Bakri, Muar (No. Pesanan P16000001), Kerja-Kerja Pembaikan Lapang Sasar Semi Indoor 25m Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar (No. Pesanan P16000003) serta Perkhidmatan Operasi dan Penyelenggaraan Kolam Renang dan Kolam Junam di Kompleks Sukan Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar, Johor (No. Kontrak 145/6/(MT/KK/02/2016) dan dengan ini kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 165 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah seksyen yang sama.

PERTUDUHAN KETIGA (No. 6 sebagai rujukan)

Bahawa kamu pada 31 Mac 2017, di rumah yang beralamat, KM 35, Kg. Parit Gantung, 77400 Sungai Rambai Melaka di dalam Daerah Jasin, di dalam Negeri Melaka, telah secara rasuah menerima suatu suapan, iaitu jubin lantai rumah bernilai RM10,300.00 daripada Razali Bin Sawon, Pengurus SMR Cahaya Enterprise melalui Fong Sheng Construction Sdn. Bhd., untuk diri kamu sendiri; sebagai upah membantu mendapatkan kerja-kerja di Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar pada tahun 2016 iaitu Pembaikan Bangunan dan Pagar Keselamatan di Pondok Pengawal Maktab Teknik PDRM, Bakri, Muar (No. Pesanan P16000001), Kerja-Kerja Pembaikan Lapang Sasar Semi Indoor 25m Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar (No. Pesanan P16000003) serta Perkhidmatan Operasi dan Penyelenggaraan Kolam Renang dan Kolam Junam di Kompleks Sukan Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar, Johor (No. Kontrak

145/6/(MT/KK/02/2016) dan dengan ini kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24 Akta yang sama.

PERTUDUHAN PILIHAN KETIGA

*Bahawa kamu pada 31 Mac 2017, di rumah yang beralamat, KM 35, Kg. Parit Gantung, 77400 Sungai Rambai Melaka di dalam Daerah Jasin, di dalam Negeri Melaka, telah secara rasuah menerima suatu suapan, iaitu jubin lantai rumah bernilai **RM10,300.00** daripada Razali Bin Sawon, Pengurus SMR Cahaya Enterprise melalui Fong Sheng Construction Sdn. Bhd., dengan tiada balasan, yang mana kamu ketahui ada hubungan dengan tugas rasmi kamu sebagai Penjawat Awam di mana kamu sebagai Penolong Jurutera berkait Pembaikan Bangunan dan Pagar Keselamatan di Pondok Pengawal Maktab Teknik PDRM, Bakri, Muar (No. Pesanan P16000001), Kerja-Kerja Pembaikan Lapang Sasar Semi Indoor 25m Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar (No. Pesanan P16000003) serta Perkhidmatan Operasi dan Penyelenggaraan Kolam Renang dan Kolam Junam di Kompleks Sukan Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar, Johor (No. Kontrak 145/6/(MT/KK/02/2016) dan dengan ini kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 165 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah seksyen yang sama.*

KES TANGKAP NO. MA-61R-38-10/2019

PERTUDUHAN PERTAMA (No. 7 sebagai rujukan)

Bahawa kamu pada bulan April 2017, di rumah yang beralamat, KM 35, Kg. Parit Gantung, 77400 Sungai Rambai Melaka di

dalam Daerah Jasin, di dalam Negeri Melaka, telah secara rasuah menerima suatu suapan, iaitu pintu rumah bernilai RM4,000.00 daripada Razali Bin Sawon, Pengurus SMR Cahaya Enterprise melalui Yeo Chin Boon, untuk diri kamu sendiri; sebagai upah membantu mendapatkan kerja-kerja di Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar pada tahun 2016 iaitu Pembaikan Bangunan dan Pagar Keselamatan di Pondok Pengawal Maktab Teknik PDRM, Bakri, Muar (No. Pesanan P16000001), Kerja-Kerja Pembaikan Lapang Sasar Semi Indoor 25m Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar (No. Pesanan P16000003) serta Perkhidmatan Operasi dan Penyelenggaraan Kolam Renang dan Kolam Junam di Kompleks Sukan Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar, Johor (No. Kontrak 145/6/(MT/KK/02/2016) dan dengan ini kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24 Akta yang sama.

PERTUDUHAN PILIHAN

*Bahawa kamu pada bulan **April 2017**, di rumah yang beralamat, KM 35, Kg. Parit Gantung, 77400 Sungai Rambai Melaka di dalam Daerah Jasin, di dalam Negeri Melaka, telah secara rasuah menerima suatu suapan, iaitu **pintu rumah bernilai RM4,000.00 daripada Razali Bin Sawon, Pengurus SMR Cahaya Enterprise melalui Yeo Chin Boon**, dengan tiada balasan, yang mana kamu ketahui ada hubungan dengan tugas rasmi kamu sebagai Penjawat Awam di mana kamu sebagai Penolong Jurutera berkait Pembaikan Bangunan dan Pagar Keselamatan di Pondok Pengawal Maktab Teknik PDRM, Bakri, Muar (No. Pesanan P16000001), Kerja-Kerja Pembaikan Lapang Sasar Semi Indoor 25m Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar (No. Pesanan P16000003) serta Perkhidmatan Operasi*

dan Penyelenggaraan Kolam Renang dan Kolam Junam di Kompleks Sukan Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar, Johor (No. Kontrak 145/6/(MT/KK/02/2016) dan dengan ini kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 165 Kanun Keseksaan, dan boleh dihukum di bawah seksyen yang sama.

KES TANGKAP NO. MA-61R-39-10/2018

PERTUDUHAN PERTAMA (No. 8 sebagai rujukan)

Bahawa kamu pada 15 Mac 2017, di Bengkel TH Motorsport yang beralamat di No. 12, Jalan Dato Haji Kosai, Parit Keroma, di dalam Daerah Muar, di dalam Negeri Johor, telah secara rasuah menerima suatu suapan, iaitu bayaran membaiki kenderaan jenis Toyota Landcruiser Prado dengan No. Pendaftaran JEQ 8525 bernilai RM4,200.00 daripada Razali Bin Sawon, Pengurus SMR Cahaya Enterprise melalui TH Motorsport untuk diri kamu sendiri; sebagai upah membantu mendapatkan kerja-kerja di Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar pada tahun 2016 iaitu Pembaikan Bangunan dan Pagar Keselamatan di Pondok Pengawal Maktab Teknik PDRM, Bakri, Muar (No. Pesanan P16000001), Kerja-Kerja Pembaikan Lapang Sasar Semi Indoor 25m Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar (No. Pesanan P16000003) serta Perkhidmatan Operasi dan Penyelenggaraan Kolam Renang dan Kolam Junam di Kompleks Sukan Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar, Johor (No. Kontrak 145/6/(MT/KK/02/2016) dan dengan ini kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24 Akta yang sama.

PERTUDUHAN PILIHAN

*Bahawa kamu pada 15 Mac 2017, di Bengkel TH Motorsport yang beralamat di No. 12, Jalan Dato Haji Kosai, Parit Keroma, di dalam Daerah Muar, di dalam Negeri Johor, telah secara rasuah menerima suatu suapan, iaitu **bayaran membaiki kenderaan jenis Toyota Landcruiser Prado dengan No. Pendaftaran JEQ 8525 bernilai RM4,200.00 daripada Razali Bin Sawon, Pengurus SMR Cahaya Enterprise melalui TH Motorsport dengan tiada balasan, yana mana kamu ketahi ada hubungan dengan tugas rasmi kamu sebagai Penjawat Awam di mana kamu sebagai Penolong Jurutera berkait Pembaikan Bangunan dan Pagar Keselamatan di Pondok Pengawal Maktab Teknik PDRM, Bakri, Muar (No. Pesanan P16000001), Kerja-Kerja Pembaikan Lapang Sasar Semi Indoor 25m Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar (No. Pesanan P16000003) serta Perkhidmatan Operasi dan Penyelenggaraan Kolam Renang dan Kolam Junam di Kompleks Sukan Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar, Johor (No. Kontrak 145/6/(MT/KK/02/2016) dan dengan ini kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 165 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah seksyen yang sama.***

**PERTUDUHAN DI BAWAH AKTA PENCEGAHAN
PENGUBAHAN WANG HARAM PENCEGAHAN PEMBIAYAAN
KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM 2001
(AMLATFPUAA 2001)**

KES TANGKAP NO. MA-61R-5-03/2019

PERTUDUHAN PERTAMA (No. 1 sebagai rujukan)

Bahawa kamu pada bulan Januari hingga Julai tahun 2017, di alamat KM 35, Kampung Parit Gantung, 77400 Sungai Rambai, Melaka, dalam Daerah Melaka, di dalam Negeri Melaka, telah melibatkan diri dalam transaksi penggunaan wang RM57,000.00 melalui wang tunai yang merupakan hasil daripada aktiviti haram bagi tujuan pembayaran upah menukang sebuah rumah beralamat di KM 35, Kampung Parit Gantung, 77400, Sungai Rambai, Melaka dan oleh itu, kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613).

PERTUDUHAN KEDUA (No. 2 sebagai rujukan)

Bahawa kamu pada bulan April hingga Julai tahun 2017, di alamat KM 35, Kampung Parit Gantung, 77400 Sungai Rambai, Melaka, dalam Daerah Melaka, di dalam Negeri Melaka, telah melibatkan diri dalam transaksi penggunaan wang RM38,000.00 melalui wang tunai yang merupakan hasil daripada aktiviti haram bagi tujuan pembayaran upah kerja kayu sebuah rumah beralamat di KM 35, Kampung Parit Gantung, 77400, Sungai Rambai, Melaka dan oleh itu, kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613).

PERTUDUHAN KETIGA (No. 3 sebagai rujukan)

Bahawa kamu pada bulan Mei tahun 2017, di alamat KM 35, Kampung Parit Gantung, 77400 Sungai Rambai, Melaka, dalam Daerah Melaka, di dalam Negeri Melaka, telah melibatkan diri

dalam transaksi penggunaan wang RM8,000.00 melalui wang tunai yang merupakan hasil daripada aktiviti haram bagi tujuan pembayaran upah mengecat sebuah rumah beralamat di KM 35, Kampung Parit Gantung, 77400, Sungai Rambai, Melaka dan oleh itu, kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613).

KES TANGKAP NO. MA-61R-6-03/2019

PERTUDUHAN PERTAMA (No. 4 sebagai rujukan)

Bahawa kamu pada bulan Jun tahun 2017, di alamat KM 35, Kampung Parit Gantung, 77400 Sungai Rambai, Melaka, dalam Daerah Melaka, di dalam Negeri Melaka, telah melibatkan diri dalam transaksi penggunaan wang RM1,800.00 melalui wang tunai yang merupakan hasil daripada aktiviti haram bagi tujuan pembayaran upah naik taraf meter elektrik sebuah rumah beralamat di KM 35, Kampung Parit Gantung, 77400, Sungai Rambai, Melaka dan oleh itu, kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613).

PERTUDUHAN KEDUA (No. 5 sebagai rujukan)

Bahawa kamu pada bulan Mac hingga Jun tahun 2017, di alamat KM 35, Kampung Parit Gantung, 77400 Sungai Rambai, Melaka, dalam Daerah Melaka, di dalam Negeri Melaka, telah melibatkan diri dalam transaksi penggunaan wang RM11,048.20

melalui wang tunai yang merupakan hasil daripada aktiviti haram bagi tujuan pembayaran upah pendawaian elektrik sebuah rumah beralamat di KM 35, Kampung Parit Gantung, 77400, Sungai Rambai, Melaka dan oleh itu, kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613).

PERTUDUHAN KETIGA (No. 6 sebagai rujukan)

Bahawa kamu pada bulan Mei tahun 2017, di alamat KM 35, Kampung Parit Gantung, 77400 Sungai Rambai, Melaka, dalam Daerah Melaka, di dalam Negeri Melaka, telah melibatkan diri dalam transaksi penggunaan wang RM7,050.00 melalui wang tunai yang merupakan hasil daripada aktiviti haram bagi tujuan pembelian tiga unit penghawa dingin untuk sebuah rumah beralamat di KM 35, Kampung Parit Gantung, 77400, Sungai Rambai, Melaka dan oleh itu, kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613).

KES TANGKAP NO. MA-61R-7-03/2019

PERTUDUHAN PERTAMA (No. 7 sebagai rujukan)

Bahawa kamu pada bulan Mei tahun 2017, di alamat KM 35, Kampung Parit Gantung, 77400 Sungai Rambai, Melaka, dalam Daerah Melaka, di dalam Negeri Melaka, telah melibatkan diri dalam transaksi penggunaan wang RM30,000.00 melalui wang tunai yang merupakan hasil daripada aktiviti haram bagi tujuan pembayaran deposit sebuah lori bernombor pendaftaran CBL

7119 dan oleh itu, kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613).

PERTUDUHAN KEDUA (No. 8 sebagai rujukan)

Bahawa kamu pada bulan Jun tahun 2017, di alamat KM 35, Kampung Parit Gantung, 77400 Sungai Rambai, Melaka, dalam Daerah Melaka, di dalam Negeri Melaka, telah melibatkan diri dalam transaksi penggunaan wang RM10,000.00 melalui wang tunai yang merupakan hasil daripada aktiviti haram bagi tujuan pembayaran deposit sebuah lori bernombor pendaftaran JKY5723 dan oleh itu, kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613).

PERTUDUHAN KETIGA (No. 9 sebagai rujukan)

Bahawa kamu pada 22 Jun tahun 2017, di alamat KM 35, Kampung Parit Gantung, 77400 Sungai Rambai, Melaka, dalam Daerah Melaka, di dalam Negeri Melaka, telah melibatkan diri dalam transaksi penggunaan wang RM25,000.00 melalui wang tunai yang merupakan hasil daripada aktiviti haram bagi tujuan pembayaran untuk menyelesaikan kes rasuah kamu sendiri dan oleh itu, kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613).

[4] Tertuduh telah meminta untuk dibicarakan terhadap kesemua pertuduhan yang dibacakan terhadap beliau. Perbicaraan telah

dijalankan dengan pihak Pendakwaan memanggil seramai 46 saksi pendakwaan dan sebanyak 101 eksibit telah dikemukakan oleh pihak Pendakwaan.

[5] Berdasarkan penilaian maksimum yang dibuat terhadap keseluruhan keterangan saksi-saksi pendakwaan berhubung intipati pertuduhan yang perlu dibuktikan dan setelah mempertimbangkan hujah-hujah pendakwaan dan pembelaan, Mahkamah mendapati kes *prima facie* telah dibuktikan terhadap OKT dan telah memanggil OKT membuat pembelaan terhadap kesemua pertuduhan yang dikemukakan terhadap beliau.

[6] Pada peringkat pembelaan OKT memilih untuk memberi keterangan secara bersumpah dan tiga orang saksi pihak Pembelaan telah memberi keterangan.

[7] Setelah Mahkamah mempertimbangkan keterangan saksi-saksi pihak Pembelaan dan juga setelah meneliti keseluruhan keterangan yang telah dikemukakan dalam perbicaraan ini serta hujah-hujah kedua-dua belah pihak, Mahkamah mendapati pihak Pembelaan telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah dan pihak Pendakwaan telah gagal membuktikan kes melangkaui keraguan yang munasabah terhadap kes pihak Pendakwaan bagi pertuduhan pertama dan kedua di bawah Seksyen 16(a)(A) ASPRM dan juga kesemua sembilan pertuduhan pindaan (AMLATFPUAA) 2001 di bawah Seksyen 4(1)(a). Mahkamah telah melepaskan dan membebaskan OKT dari kesemua pertuduhan tersebut.

[8] Manakala bagi pertuduhan ketiga, keempat, kelima, keenam, ketujuh dan kelapan di bawah Seksyen 16(a)(A), Mahkamah mendapati pihak Pendakwaan telah berjaya membuktikan kes melangkaui keraguan yang munasabah dan telah mensabitkan OKT di bawah pertuduhan tersebut.

[9] Terkilan dengan keputusan Mahkamah tersebut, kedua-dua pihak Pendakwaan dan Pembelaan telah membuat rayuan. Di bawah ini adalah alasan mahkamah dalam membuat keputusan tersebut.

[C] FAKTA KES

[10] Naratif kes pihak Pendakwaan secara ringkasnya ialah berdasarkan aduan SPRM, No. Aduan : 11/20917 (P77) yang dibuat oleh PPs Mohamad Hafiz Bin Ibrahim (SP25) pada 13/6/2017 Hairudin Bin Ngadiron, Penolong Jurutera JKR yang ditempatkan di Maktab Teknik PDRM Bakri (MTPDRM) Muar telah dilaporkan menerima wang rasuah berjumlah RM400,000.00 dari Syarikat Tetuan SMR Cahaya Enterprise sebagai balasan mendapatkan projek pembinaan di Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar, Johor.

[11] Pada 03.07.2017 jam lebih kurang 4.00 pagi, SP25 bersama PKPs Mohd Hasrol Bin Hashim, PPs Mohamad Aidil Bin Abdul Hamid dan PPs Nurul Fazilah Binti Mukhlas bergerak dari SPRM Segamat ke rumah Hairudin Bin Ngadiron yang terletak di KM 35, Parit Gantung, Sungai Rambai, Melaka untuk menjalankan penggeledahan di rumah Hairudin Bin Ngadiron dan tempat-tempat yang mempunyai kaitan dengan kes. Lebih kurang 6.30 pagi, mereka telah tiba di rumah Hairudin. Setibanya di sana, telah menjalankan tugas mencari wang tunai yang dipercayai disembunyikan di dalam rumahnya.

[12] Penggeledahan telah dilakukan di rumah Hairudin Bin Ngadiron diketuai oleh SP25 sendiri selaku Pegawai Penggeledah. Waran Penggeledahan (P78) telah diserahkan kepada Hairudin Bin Ngadiron sebelum memulakan penggeledahan bersama pegawai yang lain. Turut bersama sewaktu penggeledahan ialah isteri Hairudin Bin Ngadiron iaitu Rafizah Binti Kamari. Arahan diberikan kepada pegawai-

pegawai yang lain untuk mencari dokumen-dokumen berkaitan dengan kes berserta wang tunai.

[13] Hasil penggeledahan dibuat, PPs Mohamad Aidil (SP26) telah menjumpai 2 tin biskut yang disorokkan di bawah timbunan beg yang berisi dengan wang tunai di bilik utama rumah tersebut. Beliau telah meminta PPs Nurul Fazilah untuk mengira jumlah wang tersebut dan hasil pengiraan dibuat adalah berjumlah RM32,684.20. Sitaan duit dilakukan oleh PPs Nurul Fazilah Binti Mukhlas. Turut dijumpai dalam serbuan tersebut 1 laptop jenama Toshiba (warna merah) (no. 5C075508W) disita oleh PPs Nurul Fazilah Binti Mukhlas.

[14] Manakala sebuah kereta jenama Toyota Prado (JAQ 8525) milik Hairudin Bin Ngadiron telah dibawa balik ke Pejabat SPRM Segamat untuk disita. Seterusnya penggeledahan telah dilaksanakan di Maktab PDRM Bakri, Muar. PKPs Mohd Hasrol selaku Pegawai Penggeledahan telah membuat penggeledahan di Unit Pembangunan Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar di mana tempat kerja Hairudin Bin Ngadiron.

[15] Hasil siasatan yang telah dijalankan oleh SPRM mendapati Tertuduh, Hairudin bin Ngadiron telah memperoleh suapan dalam bentuk wang tunai, servis membaiki kereta dan juga barang-barang berharga berbentuk barang pembinaan rumah sebagai upah membantu mendapatkan kerja-kerja di Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar daripada seorang kontraktor bernama Razali bin Sawon. Projek yang terlibat adalah Pembaikan Bangunan dan Pagar Keselamatan di Pondok Pengawal Maktab Teknik PDRM Bakri Muar (No. Pesanan P16000001), Kerja-kerja Pembaikan Lapang Sasar Semi Indoor 25m Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar (No Pesanan P16000000) dan Penyelenggaraan Kolam Renang dan Kolam Junam di Kompleks Sukan Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar (No Kontrek 145/6(MTP/KK/02/2016)).

[D] BEBAN PEMBUKTIAN

[16] Beban pembuktian di akhir kes Pendakwaan bagi pertuduhan-pertuduhan kesalahan predikat di atas adalah pada tahap “*prima facie*” berdasarkan kepada **Seksyen 173(f) Kanun Tatacara Jenayah** yang menyatakan:-

173 Procedure in summary trials

(f)(i) When the case for the prosecution is concluded the Court shall consider whether the prosecution has made out a prima facie case against the accused.

(ii) If the court finds that the prosecution has not made out a prima facie case against the accused, the Court shall record an order of acquittal.

[17] Maksud *prima facie* mengikut undang-undang pula boleh ditemui di dalam **Seksyen 173(h) Kanun Tatacara Jenayah** yang menyatakan:-

(h) (i) If the Court finds that a prima facie case has been made out against the accused on the offence charged, the Court shall call upon the accused to enter on his defence.

(ii) If the Court finds that a prima facie case has been made out against the accused on an offence other than the offence charged which the Court is competent to try and which in the opinion of the Court it ought to try, the Court shall amend the charge.

(iii) For the purpose for subparagraphs (i) and (ii), a prima facie case is made out against the accused where the prosecution has adduced credible evidence proving each

ingredient of the offence which if unrebutted or unexplained would warrant a conviction.

[18] Di dalam kes *Looi Kow Chai v. Public Prosecutor* [2003] 1 CLJ 734, Mahkamah Rayuan melalui penghakiman YA Gopal Sri Ram JCA telah memutuskan:-

“It therefore follows that there is only one exercise that a judge sitting alone under s. 180 of the Code has to undertake at the close of the prosecution case. He must subject the prosecution evidence to maximum evaluation and ask himself the question: If I decide to call upon the accused to enter his defence and he elects to remain silent, am I prepared to convict him on the totality of the evidence contained in the prosecution case? If the answer is in the negative then no prima facie case has been made out and the accused would be entitled to an acquittal”.
[rujuk m/s 752].

[19] Di dalam kes *Balachandran v. PP* [2005] 1 CLJ 85, YA Augustine Paul JCA yang bertindak sebagai Hakim Mahkamah Persekutuan telah mengikuti otoriti yang telah diketengahkan di dalam kes *Looi Kow Chai & Anor v. PP* [2003] 1 CLJ 734 dan telah menyatakan pada m/s 99 bahawa:-

“A prima facie case is therefore one that is sufficient for the accused to be called upon to answer. This in turn means that the evidence adduced must be such that it can be overthrown only by evidence in rebuttal

.....

The result is that the force of the evidence adduced must be such that, if unrebutted, it is sufficient to induce the court to believe in the existence of the facts stated in the charge or to consider

its existence so probable that a prudent man ought to act upon the supposition that those facts exist or did happen. On the other hand, if a prima facie case has not been made out it means that there is no material evidence which can be believed in the sense as described earlier. In order to make a finding either way the court must, at the close of the case for the prosecution, undertake a positive evaluation of the credibility and reliability of all the evidence adduced so as to determine whether the elements of the offence have been established

.....

The test at the close of the case for the prosecution would therefore be: Is the evidence sufficient to convict the accused if he elects to remain silent? If the answer is in the affirmative then a prima facie case has been made out".

[E] KES PIHAK PENDAKWAAN

Pembuktian bagi Pertuduhan-Pertuduhan kesalahan di bawah Seksyen 16(a) A ASPRM 2009

[20] Untuk memudahkan rujukan, **Seksyen 16(a)A ASPRM 2009** adalah disalinkan di sini seperti berikut:-

Kesalahan menerima suapan

16. Mana-mana orang yang sendiri atau melalui atau bersama Dengan mana-mana orang lain-

(a) secara rasuah meminta atau menerima atau bersetuju untuk menerima bagi dirinya atau bagi mana-mana orang lain; atau

- (b) *secara rasuah memberikan, menjanjikan atau menawarkan kepada mana-mana orang sama ada bagi faedah orang itu atau bagi faedah orang lain, apa-apa suapan sebagai dorongan untuk atau upah bagi, atau selainnya oleh sebab:*
- (A) *mana-mana orang melakukan atau tidak melakukan apa-apa jua berkenaan dengan apa-apa dengan apa-apa perkara atau transaksi, sama ada yang sebenar atau yang dicadangkan atau yang mungkin berlaku; atau*
- (B) *mana-mana pegawai sesuatu badan awam melakukan atau tidak melakukan apa-apa jua berkenaan dengan apa-apa perkara atau transaksi, sama ada yang sebenar atau yang dicadangkan atau yang mungkin berlaku, yang dengannya badan awam itu terlibat, melakukan kesalahan.*

[21] Maksud “suapan” adalah sepertimana yang ditakrifkan di dalam **Seksyen 3 ASPRM 2009** yang menyatakan:-

3. Tafsiran

Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain –

“suapan” ertinya –

- (a) wang, derma, alang, pinjaman, fi, hadiah, cagaran berharga, harta atau kepentingan mengenai harta, iaitu apa-apa jenis harta, sama ada alih atau tak alih, faedah kewangan, atau apa-apa manfaat seumpama itu yang lain;

[22] Ringkasan pertuduhan-pertuduhan ke atas tertuduh bagi kesalahan di bawah Seksyen 16(a)A ASPRM bolehlah diringkaskan seperti berikut:-

- i. Telah secara rasuah pada 15 Disember 2016 memperoleh untuk dirinya suatu suapan iaitu **wang tunai RM200,000.00** daripada Razali bin Sawon sebagai upah mendapatkan kerja-kerja Pembaikan Bangunan dan Pagar Keselamatan di Pondok Pengawal Maktab Teknik PDRM Bakri Muar (No. Pesanan P16000001), Kerja-kerja Pembaikan Lapang Sasar Semi Indoor 25m Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar (No. Pesanan P16000000) dan Penyelenggaraan Kolam Renang dan Kolam Junam di Kompleks Sukan Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar (No. Kontrak 145/6(MTP/KK/02/2016).
- ii. Telah secara rasuah pada 19 Disember 2016 memperoleh untuk dirinya suatu suapan iaitu **wang tunai RM 200,000.00** daripada Razali bin Sawon sebagai upah mendapatkan kerja-kerja Pembaikan Bangunan dan Pagar Keselamatan di Pondok Pengawal Maktab Teknik PDRM Bakri Muar (No. Pesanan P16000001), Kerja-kerja Pembaikan Lapang Sasar Semi Indoor 25m Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar (No. Pesanan P16000000) dan Penyelenggaraan Kolam Renang dan Kolam Junam di Kompleks Sukan Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar (No. Kontrak 145/6(MTP/KK/02/2016).
- iii. Telah secara rasuah pada 23 Januari 2017 memperoleh untuk dirinya suatu suapan iaitu **peralatan besi bumbung bernilai RM 28,772.72** daripada Razali bin Sawon melalui Nikkata Metal Roofing Industries Sdn. Bhd., sebagai upah mendapatkan kerja-kerja Pembaikan Bangunan dan Pagar Keselamatan di Pondok Pengawal Maktab Teknik PDRM Bakri Muar (No. Pesanan P16000001), Kerja-kerja Pembaikan Lapang Sasar Semi Indoor 25m Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar (No. Pesanan P16000000) dan Penyelenggaraan Kolam Renang dan Kolam Junam di Kompleks Sukan Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar (No Kontrek 145/6(MTP/KK/02/2016).

- iv. Telah secara rasuah pada 20 Februari 2017 memperoleh untuk dirinya suatu suapan iaitu **atap genting bernilai RM7,208.00** daripada Razali bin Sawon, melalui Chuan Lee Enterprise Sdn. Bhd. sebagai upah mendapatkan kerja-kerja Pembaikan Bangunan dan Pagar Keselamatan di Pondok Pengawal Maktab Teknik PDRM Bakri Muar (No. Pesanan P16000001), Kerja-kerja Pembaikan Lapang Sasar Semi Indoor 25m Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar (No. Pesanan P16000000) dan Penyelenggaraan Kolam Renang dan Kolam Junam di Kompleks Sukan Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar (No. Kontrak 145/6(MTP/KK/02/2016)).
- v. Telah secara rasuah pada 8 Mac 2017 memperoleh untuk dirinya suatu suapan iaitu **kayu anjung rumah bernilai RM11,405.60** daripada Razali bin Sawon melalui Syarikat Seribu Jaya Sdn. Bhd. sebagai upah mendapatkan kerja-kerja Pembaikan Bangunan dan Pagar Keselamatan di Pondok Pengawal Maktab Teknik PDRM Bakri Muar (No. Pesanan P16000001), Kerja-kerja Pembaikan Lapang Sasar Semi Indoor 25m Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar (No. Pesanan P16000000) dan Penyelenggaraan Kolam Renang dan Kolam Junam di Kompleks Sukan Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar (No. Kontrak 145/6(MTP/KK/02/2016)).
- vi. Telah secara rasuah pada 31 Mac 2017 memperoleh untuk dirinya suatu suapan iaitu **Jubin lantai rumah bernilai RM10,300.00** daripada Razali bin Sawon melalui Fong Shen Construction Sdn Bhd sebagai upah mendapatkan kerja-kerja Pembaikan Bangunan dan Pagar Keselamatan di Pondok Pengawal Maktab Teknik PDRM Bakri Muar (No. Pesanan P16000001), Kerja-kerja Pembaikan Lapang Sasar Semi Indoor 25m Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar (No. Pesanan P16000000) dan Penyelenggaraan Kolam Renang dan Kolam

Junam di Kompleks Sukan Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar (No. Kontrak 145/6(MTP/KK/02/2016)).

- vii. Telah secara rasuah pada April 2017 memperoleh untuk dirinya suatu suapan iaitu **pintu rumah bernilai RM4,000.00** daripada Razali bin Sawon melalui Yeo Chin Boon sebagai upah mendapatkan kerja-kerja Pembaikan Bangunan dan Pagar Keselamatan di Pondok Pengawal Maktab Teknik PDRM Bakri Muar (No. Pesanan P16000001), Kerja-kerja Pembaikan Lapang Sasar Semi Indoor 25m Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar (No. Pesanan P16000000) dan Penyelenggaraan Kolam Renang dan Kolam Junam di Kompleks Sukan Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar (No. Kontrak 145/6(MTP/KK/02/2016)).
- viii. Telah secara rasuah pada 15 Mac 2017 memperoleh untuk dirinya suatu suapan iaitu bayaran **membaiki kenderaan jenis Toyota Landcruiser Prado JEQ 825 bernilai RM4,200.00** daripada Razali bin Sawon melalui TH Motorsport sebagai upah mendapatkan kerja-kerja Pembaikan Bangunan dan Pagar Keselamatan di Pondok Pengawal Maktab Teknik PDRM Bakri Muar (No. Pesanan P16000001), Kerja-kerja Pembaikan Lapang Sasar Semi Indoor 25m Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar (No. Pesanan P16000000) dan Penyelenggaraan Kolam Renang dan Kolam Junam di Kompleks Sukan Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar (No Kontrak 145/6(MTP/KK/02/2016)).

[F] **PEMBUKTIAN INTIPATI PERTUDUHAN**

[23] Untuk membuktikan kesalahan di bawah pertuduhan tersebut pihak pendakwaan perlu membuktikan elemen-elemen seperti berikut:-

- i. Tertuduh telah memperoleh suatu suapan daripada Kontraktor/Individu yang dinyatakan di dalam Pertuduhan;

- ii. Tertuduh telah memperoleh suapan tersebut secara rasuah; dan
- iii. Tertuduh telah memperoleh suapan tersebut sebagai upah membantu mendapatkan kerja-kerja di Maktab PDRM Bakri, Muar.

Intipati Pertama: Sama ada OKT ada menerima wang atau barang berharga daripada pemilik SMR Cahaya Enterprise (SP44).

MA-61R-36-010/2018

Pertuduhan Pertama dan Kedua

[24] Pihak Pendakwaan telah mengemukakan keterangan SP3 yang bertugas sebagai Ketua Bahagian Pengurusan Maktab Teknik PDRM. Beliau mengesahkan tertuduh adalah kader dari Jabatan Kerja Raya yang ditempatkan di Unit Pembangunan dan Fasiliti Maktab tersebut. Tertuduh juga dilantik sebagai Jawatankuasa sebut harga kerana pihak Jabatan bergantung kepada kepakaran beliau.

[25] Seterusnya pihak Pendakwaan telah mengemukakan keterangan Mohd Razali bin Sawon (SP44), bagi membuktikan beliau adalah tuan punya Syarikat SMR Cahaya Enterprise. Beliau mempunyai lesen kelas G2 yang membolehkan beliau memperoleh nilai kerja antara RM200,000.00 ke RM 500,000.00. Beliau mengenali OKT kerana OKT adalah sepupunya dan mula berurusan dengan OKT sejak tahun 2014 apabila SMR Cahaya Enterprise mula mendapatkan kerja di Maktab Teknik PDRM (“MTPDRM”).

[26] Menurut SP44, OKT ada berjumpa dengan beliau untuk menggunakan syarikatnya bagi mendapatkan kerja dan keuntungan akan dibahagikan mengikut bahagian masing-masing. SP44 mengesahkan dengan bantuan dan pengaruh OKT beliau telah memperoleh kerja kerja di MTPDRM sejak tahun 2014 sehingga 2016. Pada tahun 2016 kerja-kerja yang diperolehi oleh syarikat beliau dan

juga menggunakan lesen kontraktor yang lain dengan bantuan OKT adalah seperti berikut:-

- i) Kerja-kerja penyelenggaraan Kolam Renang MTPDRM selama 2 tahun dengan nilai kontrak RM 249,500.00;
- ii) Kerja-kerja baik pulih Lapang Sasar di MTPDRM dengan nilai kontrak RM 249,00.00;
- iii) Pembaikan Bangunan dan Pagar Keselamatan di Pondok Pengawal MTPDRM berjumlah RM192,300.00.

[27] Bagi kesemua kerja-kerja di MTPDRM tersebut OKT telah menggunakan pengaruhnya, memberikan maklumat dan membantu menyediakan borang sebut harga dan tender. Menurut SP44 jumlah bayaran yang beliau terima bagi kesemua kerja-kerja tersebut pada tahun 2016 keseluruhannya adalah sebanyak RM979,69.52.

[28] Menurut keterangan SP44 lagi, OKT telah mengarahkan beliau memberikan wang RM400,000.00 sebagai upah sebagai membantu SMR Cahaya Enterprise mendapatkan projek di MTPDRM Bakri Muar melalui dua transaksi pengeluaran. Pada 15/12/2016 pengeluaran wang sebanyak RM200,000.00 (P15) dibuat melalui cek tunai atas nama saksi dan menyerahkan wang tunai kepada OKT di rumahnya di Parit Gantung. Bagi permintaan dan penerimaan wang kali kedua, saksi telah mengeluarkan wang berjumlah RM 200,000.00 dari akaun Bank Islam beliau (P16) pada 19/12/2016 menggunakan cek dan menyerahkan wang secara tunai kepada OKT.

[29] Keterangan SP44 dalam Pemeriksaan Utama membuktikan bagaimana penyerahan wang telah dibuat.

“ ..Pada tahun 2016, Encik Hairudin telah mengarahkan saya memberikan wang berjumlah RM400,000.00. Encik Hairudin ada bertanya pada saya; “Duit dalam akaun ada berapa baki?”,

saya menjawab; “duit dah ada. Payment semua dah masuk”. Encik Hairudin telah mengarahkan saya mengeluarkan wang sebanyak RM200,000.00 untuk kali pertama.

Saya telah mengeluarkan wang tersebut daripada Akaun Bank Islam saya pada 15/1/2/2016 menggunakan cek tunai atas nama saya. Saya mengeluarkan wang tersebut seorang diri dan pada hari yang sama saya pergi ke rumahnya di Kampung Parit Gantung dan menyerahkan wang tersebut secara tunai kepada Encik Hairudin.

Bagi permintaan dan penerimaan wang RM200,000.00 bagi kali kedua oleh Encik Hairudin daripada saya, saya sekali lagi mengeluarkan wang RM200,000.00 dari Akaun Bank Islam. Saya telah mengeluarkan wang tersebut dari Akaun Bank Islam saya pada 19/1/2016 menggunakan cek tunai atas nama saya. Saya mengeluarkan wang tersebut seorang diri dan pada hari yang sama saya pergi ke rumahnya di Kampung Parit Gantung dan menyerahkan wang tersebut secara tunai kepada Encik Hairudin. Encik Hairudin telah menerima wang tersebut. Setelah menyerahkan wang tersebut, Encik Hairudin mengucapkan terima kasih.

Wang RM400,000.00 tersebut diserahkan kepada Hairudin berdasarkan keuntungan yang saya perolehi setelah mendapatkan kerja-kerja di Maktab dan amaun yang diberikan itu adalah arahan dan persetujuan Encik Hairudin.”

[30] Seterusnya bagi menyokong keterangan SP44 tersebut pihak pendakwaan telah mengemukakan keterangan SP2 yang bertugas sebagai pegawai Bank Islam. Beliau telah mengesahkan SMR Cahaya Enterprise adalah pemegang akaun Bank Islam akaun No. 01023010070061 di mana Razali Bin Sawon adalah pemiliknya. SP2

mengesahkan berlaku transaksi kemasukkan wang ke dalam akaun tersebut iaitu:-

- i) Pada 8/12/2016 daripada JANM Cawangan Melaka berjumlah RM 17,781.60;
- ii) Pada 9/12/2016 daripada JANM Cawangan Melaka berjumlah RM249,000.00;
- iii) Pada 13/12/2016 daripada Jeram Mulia Entreprise berjumlah RM1,876.00;
- iv) Pada 13/12/2016 daripada Jeram Mulia Enterprise berjumlah RM60,985.00;
- v) Pada 13/12/2016 daripada Jeram Mulia Enterprise berjumlah RM 60,985.00;
- vi) Pada 13/12/2016 daripada Jeram Mulia Enterprise berjumlah RM60,895.00.

[31] Saksi SP2 juga mengesahkan telah berlaku transaksi pengeluaran wang dari akaun yang sama iaitu:-

- i) Pada 15/12/2016 atas cek Bank Islam bernombor 0990034 dengan jumlah RM200,000.00;
- ii) Pada 19/12/2016 atas cek Bank Islam bernombor 099003 dengan jumlah RM200,000.00.

[32] Seterusnya SP2 juga telah mengesahkan Syarikat Jeram Mulia telah membuka akaun Bank Islam di Cawangan Muar Johor dengan No akaun 01023010046219 di mana pemilik Sarikat ialah Julia Binti Abu Samah (SP15). Berdasarkan Penyata Akaun, saksi mengesahkan terdapat transaksi kemasukan wang ke dalam akaun tersebut iaitu:-

- i. Pada 8/12/2016 daripada JANM Cawangan Melaka berjumlah RM192,300.00;
- ii. Pada 13/12/2016 daripada JANM Cawangan Melaka berjumlah RM1,8706.00;
- iii. Pada 13/12/2016 daripada JANM Cawangan Melaka berjumlah RM60,895.00;
- iv. Pada 13/12/2016 daripada JANM Cawangan Melaka berjumlah RM60,895.00;
- v. Pada 13/12/2016 daripada JANM Cawangan Melaka berjumlah RM60,895.00.

[33] SP2 juga mengesahkan terdapat transaksi pengeluaran wang dari akaun tersebut iaitu:-

- i. Pada 13/12/2016 kepada SMR Cahaya Enterprise berjumlah RM1,8706.00;
- ii. Pada 13/12/2016 kepada SMR Cahaya Enterprise berjumlah RM60,895.00;
- iii. Pada 13/12/2016 kepada SMR Cahaya Enterprise berjumlah RM60,895.00;
- iv. Pada 13/12/2016 kepada SMR Cahaya Enterprise berjumlah RM60,896.00.

[34] Daripada keterangan di atas jelas menunjukkan SP44 telah mengeluarkan wang dari akaun Bank Islam beliau untuk diberikan kepada OKT.

Pertuduhan ketiga

[35] Bagi pertuduhan di atas pihak Pendakwa telah mengemukakan keterangan Puan Ong Su Sian (SP19) yang bertugas sebagai Kerani Akaun di syarikat Nikkata Metal Roofing Sdn. Bhd. melalui *tax invoice* yang ditunjukkan kepadanya, beliau mengesahkan barang-barang yang telah dipesan oleh Syarikat SMR Cahaya Enterprise antaranya C-Channel yang diperlukan untuk atap genting. Berdasarkan invois (P67) jumlah keseluruhan harga barang-barang yang dibeli adalah RM19,358.78 (P66). Kesemua barang-barang tersebut telah dihantar ke rumah OKT di JKPP/58/25A KM5 Kampung Parit Gantung Sungai Rambai (P86- 89).

[36] Menurut saksi, pembayaran barang yang telah dipesan telah dibuat oleh syarikat SMR Cahaya Enterprise atas nama Tow Meng Liang melalui cek berjumlah RM28,772.72 yang diberikan kepada saksi. Sebab utama pembayaran dibuat atas nama Tow Meng Liang ialah untuk memudahkan mendapatkan wang tunai supaya dapat memproses barang keluar dengan cepat dan menghantarnya ke Sungai Rambai.

Keterangan SP19:

S : Kenapa pembayaran dibuat atas nama Tow Meng Liang ?

J : Sebabnya customer ini dia hendak barangnya dihantar secepat mungkin, itu sebabnya terpaksa kita kena pakai nama untuk ambil cash keluar, kita boleh proses untuk keluar barang cepat sikit dan kita boleh hantar cepat sedikit barang ke Sungai Rambai Melaka semasa kita dapat cash.

S : Siapa yang bayar cek ini kepada Mr. Tow Meng Liang?

J : Saya yang beri Tow Meng Liang.



S : Siapa yang membayar cek ini yang berjumlah RM28,772.72 kepada Tow Meng Liang?

J : SMR Cahaya Enterprise yang bayar dan beri kepada saya.

[37] Seterusnya melalui keterangan Encik Tow Meng Liang (SP28), Pengurus Syarikat Nikkata Metal Roofing Industries, beliau telah mengesahkan telah dimaklumkan oleh kakitangan beliau bahawa SMR Cahaya memerlukan barang yang dipesan dengan kadar segera dan memerlukan cek tersebut dibuat atas nama beliau.

Keterangan SP28:

S : Boleh terangkan sekali lagi, kenapa cek ini dibayar ke atas nama Tow Meng Liang iaitu nama Encik Tow sendiri dan bukan kepada Syarikat Nikkata?

J : Seperti yang saya maklumkan tadi, sebab barang ini diperlukan dengan kadar yang segera, maka saya memberikan nama saya supaya urusan tersebut boleh dijalankan dengan segera. Sekiranya cek tersebut dibuka di atas nama Nikkata, maka transaksi wang tersebut hanya boleh dilakukan dalam masa dua atau tiga hari sahaja. Sekiranya mereka memerlukan stok dengan kadar segera dan kami telah memberikan dan membekalkan stok dengan kadar segera, wang tersebut belum masuk ke dalam syarikat, kerja kami akan bertambah susah.

[38] Melalui keterangan Puan Low Moi Lee (SP29) Pengurus Jualan Syarikat Nikkata Metal Roofing Industries Sdn. Bhd, pihak Pendakwaan telah membuktikan kesemua barang yang dibeli berharga RM19,385.78 telah dihantar kes alamat rumah OKT di Sungai Rambai oleh pemandu syarikat yang bernama Hamdan.

Keterangan SP29:



- S : Jadi, barang-barang yang dinyatakan di dalam invois ini dihantar ke mana?*
- J : Hantar ke alamat JKPP/58/25A KM35, Kampung Parit Gantung, Sungai Rambai, Melaka.*
- S : Jumlah harga bagi barang-barang yang dipesan oleh Encik Razali semua sekali berapa?*
- J : Untuk invois ini, RM19,385.78 sahaja.*
- S : Bila tarikh penghantaran barang-barang ini ke alamat yang dinyatakan di dalam ID66?*
- J : Tarikh penghantaran pada 25^{hb}. Januari 2017.*
- S : Siapa yang hantar barang ke alamat yang dinyatakan di dalam ID66?*
- J : Driver Encik Hamdan.*

[39] Berhubung dengan hujah yang dikemukakan oleh Pihak Pembelaan bahawa invoice dan Delivery Order tersebut tidak ditandatangani oleh OKT sebagai bukti penghantaran, saksi menegaskan bagi pembelian tunai dimana pembeli hadir sendiri di kedai beliau, ia tidak memerlukan tandatangan. Pemandu syarikat sendiri telah mengesahkan telah menghantar barang yang dibeli ke alamat yang tercatat dalam Tax invoice berkenaan (P66-P69).

Keterangan SP29:

- S : Di bahagian Transporter, Checked and Signed By, kenapa bahagian ini tidak ditandatangani?*
- J : Untuk bahagian ini, adalah cash out. Semasa customer sampai di pejabat kami, bahagian ini tidak payah*

tandatangan sebab customer semasa sudah siap beli, dia terus ambil resit. Itu sebabnya di bawah itu sudah ada tandatangan saya sebagai Manager, bersama saya isu resit bernama Ms. Low. Itu sebab semasa customer beli, kepingan pertama Tax Invoice dia sudah ambil, yang lain kita simpan, selepas itu baru kita hantar barang.

S : Maksud Puan adalah orang di site yang terima barang dan signed. Apakah site yang dimaksudkan oleh Puan?

J : Hantar ke tempat site sana. Dekat itu alamat JKPP/58/25A KM35, Kampung Parit Gantung, Sungai Rambai, Melaka punya tempat. Selepas sudah sampai, barang turun, customer sudah terima dan signed dan sekeping resit dibawa balik ke office.

[40] Saksi juga mengesahkan Syarikat Cahaya Enterprise yang telah memesan dan membeli barang tersebut telah membuat pembayaran kepada beliau berjumlah RM28,772.72.

Keterangan SP29:

S : Siapa yang bayar cek ini kepada Mr. Tow Meng Liang?

J : Saya yang beri Tow Meng Liang.

S : Siapa yang membayar cek ini yang berjumlah RM28,772.72 kepada Tow Meng Liang?

J : SMR Cahaya Enterprise yang bayar dan beri kepada saya.

[41] Selain dari itu terdapat juga keterangan sokongan yang lain di beliau bagi membeli barangan 'hardware' bagi kegunaan pembinaan rumah OKT pada 23/1/2017 melalui Cek Bank Islam No.990044

berjumlah RM 28,772.72 bagi membeli rangka bumbung rumah di Nikkata Metal Roofing Industries Sdn. Bhd.

MA-61R-37-10/2018

Pertuduhan Keempat

[42] Pihak Pendakwaan telah mengemukakan keterangan Encik Siah Tiong Seet (SP17) pemilik Perniagaan Chuan Lee Enterprise Sdn Bhd yang menyatakan seorang bernama Razali (SP44) telah datang ke kedai beliau untuk membeli genting coklat yang jenamanya *Monier* untuk dihantar ke Parit Gantung. Encik Razali telah memesan 4,000 keping genting coklat dari beliau untuk dihantar ke rumah OKT. Jumlah 4,000 keping genting tersebut adalah RM6,800.00 campur GST berjumlah RM408.00, dan jumlah keseluruhan adalah RM7,208.00. Selepas beliau menerima pesanan daripada Encik Razali, beliau terus membuat pesanan kepada supplier beliau bernama Lau Tat, dan Lau Tat telah menghantar genting coklat itu ke rumah Encik Hairudin di Parit Gantung.

[43] Keterangan SP17 tersebut disokong oleh Encik Khairul Anwar bin Jasme SP18 seorang Supervisor di Syarikat Lau Tat yang mengesahkan barangan tersebut telah dihantar ke rumah OKT di Sungai Rambai oleh pemandu syarikat berdasarkan Delivery Order (P62-P65).

Keterangan SP17 :

S : Boleh terangkan secara ringkas apa barangan yang telah diserahkan atau dihantar kepada pelanggan di Sungai Rambai?

J : Ada lima lori yang hantar barang ini, 4 lori 3 tan dan 1 lori 1 tan, jalan sekali pergi ke site. Barangnya adalah atap genting Monier warna coklat.

S : Berjumlah 4,000 keping berdasarkan Tax Invoice dan Delivery Order?

J : Ya.

S : 4,000 keping genting coklat Monier Russet Brown ini, adakah semua barang-barang 4,000 keping ini telah berjaya dihantar kepada pelanggan di Sungai Rambai?

J : Ya.

S : Tahu atau tidak, jika kita lihat Delivery Order bertarikh 17^{hb}. Februari 2017 bernombor L7021689, L7021690, L7021691, L7021692 dan juga L7021766. Di bahagian recipient cop and signature, tahu atau tidak siapa yang signed di bahagian itu?

J : Kebiasaannya kita akan panggil driver untuk telefon customer, dan driver akan terus pergi ke site. Kebiasaannya kita akan dapat tahu secara roughly site itu dekat mana.

S : Jadi, maksud Encik Khairul, semasa driver sampai ke Sungai Rambai site, dan pelanggan itu akan tunjuk di rumah mana?

J : Ya, betul.

[44] Seterusnya saksi Puan Shankary A/P Peechmani (SP30) seorang Penolong Akauntan di Syarikat Lau Tat Sdn. Bhd. mengesahkan pada pada 17/2/2017 empat buah lori 3 tan dan sebuah lori 1 tan telah menghantar 4000 keping genting *monier russet brown* dari Bukit

Rambai ke alamat di Sg Rambai. 5 buah lori tersebut di bawa oleh 5 orang pemandu syarikat ini. Maklumat tersebut ada dinyatakan dalam *system Auto Count Accounting*.

[45] Berdasarkan maklumat tersebut saksi mengesahkan genting – genting yang dipesan oleh syarikat Chuan Lee Enterprise telah dihantar oleh lori- lori dari syarikat tersebut oleh lima orang pemandu syarikat pada tarikh yang berkenaan.

Keterangan SP30:

S : Pohon teruskan dengan perenggan 15 PSP30 Puan?

J : Saya sahkan berdasarkan dokumen tersebut 5 buah lori dari syarikat ini telah menghantar 4000 keping genting monier russet brown 104# dengan butiran berikut:

15.1 SO 041935; TDO-103846; Lori MBX 6377 dipandu oleh Murugan.

15.2 SO 041935; TDO-103649; Lori WYD7736 dipandu oleh Saufi.

15.3 SO 041935; TDO-104858; Lori KDY 7736 dipandu oleh Dharma.

15.4 SO 041935; TDO-104039; Lori MBA 7736 dipandu oleh Safian.

15.5 SO 041935; Lori JNN 7736 dipandu oleh Krishnan.

[46] Selain dari itu terdapat juga keterangan sokongan yang lain di mana saksi SP44 telah mengeluarkan wang dari akaun Bank Islam beliau bagi membeli barangan ‘hardware’ bagi kegunaan pembinaan rumah OKT pada 23/1/2017 melalui Cek Bank Islam No.990044

berjumlah RM 28,772.72 bagi membeli rangka bumbung rumah di Nikkata Metal Roofing Industries Sdn Bhd

Pertuduhan Kelima

[47] Melalui keterangan Encik Teo Choon Kaw (SP22) seorang pengurus di syarikat Seribu Jaya, beliau memberitahu mahkamah pada bulan 4 Mac 2017 Encik Razali dan Encik Hairudin ada datang ke kilang Syarikat Seribu Jaya untuk mencari bahan binaan untuk kegunaan. Barang-barang untuk rumah tersebut antaranya ialah Kayu tiang 7”x7” dengan kudak-kuda 6”x2” & 6”x3” dan batten 2”x1”, dan 2 tong cat. Semasa perbincangan antara Encik Teo, Razali dan juga Hairudin, mereka menyatakan bahan-binaan itu untuk kegunaan rumah Hairudin. Menurut saksi lagi selepas mereka mengesahkan pembelian bayaran telah dibuat oleh Encik Razali sebanyak RM 11,405.00 (P74).

[48] Menurut SP22 invois telah dikeluarkan setelah bayaran dibuat kerana barang yang dipesan adalah *custom made* dan kalau tidak dibayar akan mendatangkan masalah mendapatkan pembeli yang lain. Encik Razali (SP44) juga telah memberikan alamat penghantaran dan saksi sendiri telah menghantar barang yang dipesan ke alamat yang telah diberikan.

Keterangan SP22:

S : *Basically Encik Razali yang beri alamat?*

J : *Saya yang hantar sebab hari itu, driver saya tidak hantar, so, saya terpaksa hantar sendiri.*

S : *Jumlah invois ini adalah berjumlah RM11,405.60, betul?*

J : *Ya, betul.*

S : Kenapa invois hanya diisukan selepas bayaran dibuat.

Boleh terangkan kepada Mahkamah?

J : Sebab semua barang ini, custom made. Kalau dia tidak bayar, kita fikir semua barang ini semua orang tidak mahu.

J : Semasa pergi ke sana, ada seorang pekerja, dan selepas telefon Encik Razali, dia tidak datang, so, to make sure, barang diterima dan diturunkan, saya panggil tukang dia itu untuk signed.

J : Accurate of the address, sebab significant building, dia beri direction macam mana jalan masuk, saya terus ikut sahaja.

S : Sehingga ke hari ini, ada orang atau tidak complaint,

[49] Pihak Pendakwaan juga membuktikan terdapat pengeluaran wang tunai oleh SP44 pada 18/3/2017 melalui Cek Bank Islam No. 019354 berjumlah RM11,405.60 bagi membeli kerangka kayu dan tiang anjung rumah Hairudin.

Pertuduhan keenam

[50] Berhubung dengan pertuduhan ini pula Puan Hafizah Binti Abd Rahman (SP23) seorang Kerani yang bertugas di Syarikat Fong Sheng Construction Sdn. Bhd. menyatakan Encik Hairudin dan Encik Razali ada datang bersama ke kilang untuk membeli *tiles* bagi dapur, bilik air dan lantai. Setelah mengesahkan barang-barang yang hendak dibeli, Encik Razali telah membayar jumlah keseluruhan *tax invoice* (P75) sebanyak RM10,300.00. SP23 telah mengambil nombor telefon nama

dan alamat penghantaran di KM35, JKPP58/25A Kampung Parit Gantung, Sungai Rambai, Melaka.

[51] Perkara tersebut kemudiannya telah disahkan oleh saksi pemandu syarikat Rosman Bin Sapari (SP24) yang telah menghantar barang yang dipesan ke alamat rumah Khairudin dan telah berjumpa dengan Hairuddin di KM35 JKPP58/25A, Kampung Parit Gantung, Sungai Rambai, Melaka.

[52] Selain daripada itu, terdapat juga keterangan sokongan yang lain di mana saksi SP44 telah mengeluarkan wang dari akaun Bank Islam beliau bagi membeli barangan 'hardware' bagi kegunaan pembinaan rumah OKT pada 1/3/2017 melalui Cek Bank Islam No. 019360 berjumlah RM 20,000.00 membeli *tiles* rumah Hairudin di Fong Sheng Construction Sdn Bhd berjumlah RM10,300.00. Pihak pendakwaan telah mengemukakan satu cek Bank Islam berjumlah RM 20,000.00 daripada SMR Cahaya Enterprise kepada SP44 (P20) dan Invois Cukai Syarikat Fong Sheng Construction Sdn Bhd berjumlah RM10,3000.00 (P75) bagi membuktikan OKT telah menerima suatu suapan iaitu Jubin lantai rumah bernilai RM 10,300.00 daripada SP44 melalui Syarikat Fong Sheng Sdn Bhd.

MA-61R-38-10/2018

Pertuduhan Ketujuh

[53] Bagi pertuduhan di atas pihak pendakwaan mengemukakan keterangan saksi En Yeo Chin Boon (SP16) pemilik Syarikat Ah Hock Enterprise. Dalam keterangannya saksi menyatakan OKT dan Encik Razali (SP) telah datang ke kedai beliau dan Encik Razali telah membayar deposit sebanyak RM 4,000.00 melalui cek (P21). Selepas menerima deposit tersebut beliau telah pergi ke rumah OKT membuat ukuran dan pekerja beliau bernama Kia telah memasang pintu yang

dipesan. Baki bayaran RM1,000.00 kemudiannya telah dijelaskan oleh Razali secara tunai.

Keterangan saksi :

S : Tadi Encik Yeo juga ada menyatakan RM4,000.00 dibayar sebagai deposit, dibayar oleh siapa?

J : Seorang lagi selain daripada OKT.

S : Masih boleh ingat lagi atau tidak orang itu yang membayar RM4,000.00 kepada Ah Hock & Enterprise?

J : Kalau tidak silap saya, namanya ialah Razali.

S : Tadi Encik Yeo telah nyatakan setelah menerima deposit RM4,000.00, kamu seterusnya telah pergi membuat ukuran di rumah OKT. Selepas ukuran itu, kamu telah buat apa?

S : Tadi kamu telah menyatakan ada dua orang pelanggan datang ke kedai Ah Hock & Enterprise untuk membuat pemasangan pintu dan salah seorang pelanggan telah membayar RM4,000.00. Boleh terangkan kepada Mahkamah, selepas menerima RM4,000.00, apa tindakan lanjut yang kamu telah buat?

J : Selepas terima deposit, saya pergi ke rumah untuk membuat ukuran.

S : Selepas siap ukuran, apa tindakan seterusnya oleh kamu?

J : Selepas ukuran, kami buat pintu dan selepas itu, pekerja saya pergi ke rumah pelanggan itu untuk memasang pintu. Pekerja saya itu seorang sahaja.



S : Boleh saya tahu atau tidak dan terangkan kepada Mahkamah nama pekerja yang dinyatakan oleh Encik Yeo itu?

J : Nama pekerja saya yang saya selalu panggil Kia.

S : Tadi Encik Yeo ada menyatakan Razali telah membayar deposit RM4,000.00 kepada Encik Yeo. Jumlah keseluruhan bagi pemasangan pintu di rumah OKT adalah berapa?

J : Lebih kurang RM5,000.00 lebih.

S : Pembayaran ini adalah melalui cara apa, cek, tunai atau transaksi lain?

J : RM4,000.00 adalah dalam cek dan baki RM1,000.00 lebih, Razali bayar kepada saya dalam bentuk tunai.

[54] Selain dari itu terdapat keterangan sokongan lain di mana saksi SP44 telah mengeluarkan wang dari akaun Bank Islam beliau bagi membeli barangan ‘*hardware*’ bagi kegunaan pembinaan rumah OKT pada pada 17/4/2017 melalui Cek Bank Islam N0. 019364 berjumlah RM 4,000.00 bagi membeli pintu-pintu rumah di rumah Hairudin di Parit Gantung.

[55] Seterusnya melalui keterangan saksi En Nakiah Zaki bin Ithnin (SP27), beliau mengesahkan sebagai pekerja kepada Syarikat Ah Hock Enterprise dan telah pergi ke rumah OKT dan membuat pemasangan pintu tersebut di alamat Parit Gantung, Sungai Rambai. Kesemuanya tujuh buah pintu telah dipasang di rumah OKT. Saksi juga mengesahkan rumah yang telah beliau pergi dan membuat pemasangan pintu melalui gambar yang ditunjukkan kepada beliau (P84 A-J).

Keterangan SP27:

S : Semasa kamu pergi ke sana untuk pasang pintu, pertama kali dengan bos untuk buat ukuran, kamu ada nampak sesiapa atau tuan rumah di rumah itu?

J : Ada.

TPR : Pohon rujuk gambar kediaman Hairudin Bin Ngadiron yang beralamat di KM35, Kampung Parit Gantung, 77400, Sungai Rambai, Melaka kepada saksi.

S : Boleh camkan gambar-gambar ini?

J : Boleh.

S : Boleh terangkan gambar-gambar ini gambar apa?

J : Gambar rumah yang saya pasang pintu.

S : Boleh tunjuk kepada Mahkamah, pintu-pintu mana yang kamu pasang?

J : Pintu yang rumah tengah ini.

S : Di muka surat pertama, gambar mana?

J : Gambar pertama, yang tengah ini.

S : Seterusnya di gambar kedua ada?

J : Sama, di hadapan tiang.

S : Di muka surat kedua, ada atau tidak pintu-pintu yang disebut oleh Encik Nakiah tadi yang telah dipasang di rumah ini?

J : Pintu di hadapan in, saya pasang.

S : Gambar keempat?

- J : Tiada.*
- S : Gambar kelima di muka surat ketiga?*
- J : Ada di gambar keenam di ruang tamu itu.*
- S : Tadi kita lihat di muka surat keempat. Boleh tunjuk kepada Mahkamah pintu mana yang kamu pasang dalam rumah ini?*
- J : Tiada dalam gambar ini.*
- S : Seterusnya gambar ke-9 dan ke-10?*
- J : Ada, yang ini di gambar yang ke-10.*
- TPR : Pohon gambar-gambar tersebut ditandakan sebagai ID dahulu.*
- S : Tadi saya rujuk ID84 (A hingga J) kepada Encik Nakiah, semasa kamu pergi hantar barang ataupun pemasangan pintu, rumah apa kamu nampak, adakah rumah itu keadaannya sama seperti di dalam gambar ini?*
- J : Rumah ini dalam keadaan tidak siap sangat, ada yang belum siap dan rumah tengah ini hampir hendak siap, pintu sudah boleh dipasang.*
- S : Tadi kamu kata rumah dalam keadaan tidak siap sangat. Boleh kamu terangkan kepada Mahkamah maksud tidak siap sangat itu?*
- J : Pasal ianya tengah buat bahagian yang lain-lain, sambung ke belakang, rumah tengah itu tilesnya sudah siap dan semasa saya datang itu, memang sudah boleh dipasang.*

S : Maksudnya rumah itu sudah dibina tetapi hanya untuk pasang pintu sahaja dengan beberapa marbles, yang masih tidak siap, betul?

J : Ya, betul.

MA-61R-39-10/2018

Pertuduhan Kelapan

[56] Bagi pertuduhan di atas pihak pendakwaan telah mengemukakan keterangan saksi Encik Tan Hun Hwa (SP21), seorang mekanik yang bekerja di TH Motorsport. Menurut kererangan saksi, Encik Razali (SP44) telah menghantar ke bengkel beliau sebuah kereta Toyota Land Cruiser Prado JEQ 8525 untuk diperbaiki dan dinaiktaraf. Beliau telah menukar minyak hitam, *gear oil*, satu set *complete crush, brake, absorber*, satu *lay out kit, alarm system*, upah *oiling* dan benda-benda kecil yang lain. Beliau telah mengeluarkan dua resit yang kesemuanya berjumlah RM 4,205.00 (P70 & P71).

Keterangan saksi

S : Tadi Encik Tan telah mengatakan Toyota Prado. Adakah nama penuh jenama kereta tersebut adalah Toyota Land Cruiser Prado?

J : Ya, betul.

S : Tadi Encik Tan telah mengatakan ada seorang yang telah menghantar kereta Toyota Land Cruiser Prado ke bengkel kamu di TH Motorsport. Siapa nama orang itu?

J : Nama orang itu Razali.



- TPR : Pohon rujuk resit bernombor 0739 dan 0740 bertarikh 15^{hb}. Mac 2017 kepada saksi.*
- S : Untuk refresh memory Encik Tan, setelah melihat resit-resit ini, tahu atau tidak bila Razali hantar Toyota Land Cruiser Prado ke bengkel Encik Tan?*
- J : Lebih kurang dalam masa 9^{hb}. Mac ke 10^{hb}. Mac 2017.*
- S : Jadi ini bermakna Razali hantar dahulu kereta itu untuk repair atau servis, selepas itu, kamu hanya isukan resit ini, betul atau tidak?*
- J : Ya.*
- S : Untuk servis atau repair kereta Toyota Land Cruiser Prado ini ambil masa berapa lama?*
- J : Lebih kurang 6 hari diperlukan.*
- S : Sekarang kita lihat kedua-dua resit ini. Boleh terangkan kepada Mahkamah, apakah nombor pendaftaran bagi kereta Toyota Land Cruiser Prado ini?*
- J : JEQ8525.*
- S : Boleh secara ringkas beritahu kepada Mahkamah, apakah barang-barang yang telah dibekalkan oleh TH Motorsport kepada kereta tersebut berdasarkan resit tersebut?*
- J : Saya tukar minyak hitam, gear oil, satu set complete crush, brek, absorber, satu lay out kit, alarm system, upah oiling dan benda-benda kecil.*
- S : Berdasarkan kedua-dua resit ini adalah upah dan untuk naik taraf kereta tersebut, betul?*



J : RM2,485.00.

S : Untuk resit yang kedua?

J : RM1,720.00.

S : Untuk kemudahan Mahkamah, kedua-dua total bagi kedua-dua resit adalah sebanyak RM4,205.00, setuju atau tidak?

J : Ya, betul.

[57] Seterusnya SP44 mengesahkan beliau telah diarahkan oleh OKT untuk menghantar kenderaan tersebut ke bengkel dan telah membuat pembayaran menggunakan wang beliau.

Keterangan saksi SP44:

Jawapan : Saya mengesahkan pada 15/3/2017, saya telah mengeluarkan cek Bank Islam dengan No. 019357 dengan jumlah RM4,200.00 dan membayar ke Akaun TH Motor Sport iaitu bengkel membaiki kenderaan Encik Hairudin di bengkel yang terletak di Muar. Encik Hairudin telah mengarahkan saya menaik taraf kenderaan pacuan roda miliknya. Saya sendiri yang membawa kenderaan tersebut ke bengkel itu sendiri tanpa kehadiran Encik Hairudin. Kenderaan tersebut dibaiki dari segi:-

- a) Menukar Absorber;*
- b) Meninggikan Spring;*
- c) Menukar Clutch Plate;*
- d) Menukar Tayar 4 Buah;*

[58] Seterusnya saksi SP4 Pegawai JPJ mengesahkan bagi kenderaan JEQ 8525 Model Landcruiser Prado, SLW, keupayaan enjin 2694 S.P, nombor enjin 3RZ-1365309, nombor Casis RZJ95-9002503, buatan Toyota adalah kepunyaan Hairudin Bin Ngadiron, I.C : 75121404-5261 (P13).

[59] Bagi pertuduhan ini, pihak Pembelaan berhujah kos pembaikan kenderaan Toyota Landcruiser Prado kepunyaan OKT tersebut bukanlah satu bentuk rasuah kerana ia adalah hasil inisiatif SP44 sendiri yang berkongsi minat dengan dengan sukan permotoran dan telah pergi bersama-sama OKT dan rakan yang lain untuk memancing di Hulu Tembeling.

[60] Pada hemat saya adalah satu perkara yang tidak masuk akal SP44 sanggup mengeluarkan perbelanjaan sendiri berjumlah RM4,205.00 bagi menaik taraf dan memperbaiki kenderaan kepunyaan OKT hanya semata-mata kerana mempunyai minat yang sama. OKT sendiri mengakui dalam keterangan awal beliau yang OKT telah mengarahkan beliau membawa kenderaan tersebut ke Bengkel untuk diperbaiki.

[61] Melalui keterangan SP21 dan SP44 telah jelas menyatakan bahawa SP44 telah menghantar kenderaan OKT ke Bengkel SP21 bagi memperbaiki dan menaiktaraf kenderaan tersebut. SP21 juga mengesahkan selepas kenderaan OKT selesai diperbaiki, SP44 telah membuat pembayarn berjumlah RM4,200.00 kepada SP21 bagi kerja yang telah dilaksanakan.

(b) Intipati kedua: Tertuduh telah memperoleh suapan tersebut secara rasuah sebagai upah membantu SP44 mendapatkan kerja-kerja projek.

[62] Isu yang perlu dibincangkan seterusnya ialah samada suapan yang diterima oleh OKT adalah sebagai satu upah bagi membantu SP44 mendapatkan kerja-kerja projek yang telah dinyatakan sebelum ini. Adalah penting untuk memahami peranan yang dimainkan oleh OKT dalam membantu SP44 bagi mendapatkan kerja-kerja yang ditawarkan di Maktab Teknik PDRM.

[63] OKT merupakan seorang Penolong Jurutera Mekanikal dengan Gred J29/36 yang dipinjamkan ke Maktab Teknik PDRM bagi memberikan khidmat dan kepakaran dalam kejuruteraan mekanikal untuk keperluan dalaman JKR dan juga lain-lain agensi Kerajaan. OKT telah diarahkan melapor diri di Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar Johor sebagai Kader Kementerian Kerja Raya pada Julai 2006 selaku Penolong Jurutera Mekanikal J29/36 dan ditempatkan di Unit Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti, Kem Komandan Maktab Teknik PDRM. Sebagai jawatan kader/pinjaman, OKT adalah bertanggungjawab dari segi khidmat perunding teknik(projek pembangunan), pengurusan projek, pengurusan penyenggaraan dan khidmat perunding teknikal. Antara tugas-tugas yang dilaksanakan oleh OKT adalah seperti berikut:-

- a) Menyediakan rekabentuk sistem perkhidmatan mekanikal yang mudah;
- b) Menyediakan perkiraan-perkiraan kasar dan anggaran perkhidmatan teknikal;
- c) Mengumpul, menyusun draf dan menyediakan spesifikasi perkhidmatan mekanikal;
- d) Melukis dan menyesuaikan hasil rekabentuk ke dalam lukisan perkhidmatan mekanikal;

- e) Membuat skop kerja berdasarkan kepada keperluan pembaikan / perkhidmatan dan juga permohonan pengguna;
- f) Ahli Jawatankuasa Penilaian Teknikal yang membuat penilaian berkenaan dengan aspek teknikal seperti pengalaman kerja, kelengkapan peralatan dan lain-lain aspek teknikal ;
- g) Dilantik menjadi salah seorang Ahli Jawatankuasa Teknikal di jabatan tersebut.

[64] Menurut keterangan SP12 Puan Salina Binti Md Salleh yang bertugas sebagai Penolong Pegawai Tadbir (N29) di Maktab Teknik PDRM, Bakri, Muar, Johor selepas peruntukan diturunkan ke Maktab Teknik PDRM Bakri, prosedur untuk membuat Pengurusan Sebut Harga bagi sesuatu projek yang akan dilaksanakan di Maktab Polis Teknik Diraja Malaysia terdapat beberapa proses yang perlu dilakukan iaitu:-

- i. Permohonan / Surat Arahan / Waran Peruntukan
- ii. Proses Sebut Harga
- iii. Lantikan AJK Sebut Harga
- iv. Lantikan AJK Buka Peti Besi Sebut Harga
- v. Lantikan AJK Penilaian Sebut Harga
- vi. Lantikan AJK Penilaian Teknikal Sebut Harga
- vii. Lantikan AJK Pemilihan Sebut Harga
- viii. Iklan Sebut Harga
- ix. Daftar No Kad. Pembekal

- x. Slip Pendaftaran No. Kad. Pembekal
- xi. Daftar Ambil Dokumen Sebut Harga
- xii. Surat Akuan Hadir Taklimat dan Tapak
- xiii. Daftar Terima Dokumen Sebut Harga
- xiv. Anggaran Kos.

[65] Sebagaimana yang diterangkan oleh SP13, berdasarkan proses kerja tersebut secara tidak langsung OKT terlibat dalam proses pembidaan dengan menyediakan dokumen yang berkaitan. Selaku Penyelia kepada OKT, SP13 mengesahkan OKT terlibat dalam mengadakan taklimat dengan AJK Penilaian Sebut Harga bagi memberitahu dan menjelaskan latar belakang projek. Kepakaran OKT diperlukan bagi menjelaskan berkait aspek teknikal projek yang ditawarkan. SP13 juga mengesahkan OKT terlibat sama dalam Mesyuarat Penilaian Sebut Harga berkenaan sebagai AJK dan bertanggungjawab dalam menyediakan laporan hasil mesyuarat tersebut untuk dibawa ke dalam Mesyuarat Pemilihan Sebut Harga berdasarkan kepakaran beliau dalam aspek teknikal. Ini adalah kerana OKT adalah pegawai JKR yang ditempatkan di MTPDRM sebagai tenaga pakar. Maka, harga-harga adalah berdasarkan kepakaran dan pengetahuan OKT berdasarkan kepada buku kadar harga JKR dan pasaran semasa.

[66] Bagi ketiga-tiga projek yang terlibat atas arahan SP13, OKT akan menyediakan segala skop kerja dari segi teknikal (spesifikasi wajib dan am) seperti yang dinyatakan dalam Bill of Quantity [P36(a)-(c), P33(a)-(c) & P39(a)-(c)]. Bagi setiap projek yang ditawarkan oleh Maktab Teknik PDRM, satu pemakluman akan dibuat kepada Kontraktor-kontraktor yang berminat untuk memasuki tender tersebut. Satu sesi lawatan tapak akan diadakan di mana OKT

bertanggungjawab dalam memberikan penerangan dan penjelasan kepada Kontraktor yang hadir dalam lawatan tapak tersebut.

[67] Borang sebutharga yang diterima akan dibuka akan disemak oleh Jawatankuasa Penilaian Teknikal, di mana OKT bertindak sebagai AJK bagi memastikan permohonan tersebut memenuhi syarat kelayakan yang telah ditetapkan. Satu Laporan Teknikal akan disediakan untuk di bawa ke Jawatan Kuasa Pemilihan Sebutharga (P32,P35 & P37). Seterusnya SP13 akan membawa Laporan Penilaian Teknikal tersebut ke Jawatankuasa Pemilihan Sebutharga dimana satu laporan akan disediakan (P45,P57 & P37).

[68] Sebagai seorang Pegawai JKR yang ditugaskan memantau projek-projek yang dijalankan, kepakaran dan kemahiran OKT amat diperlukan. Perkara tersebut disahkan sendiri oleh SP13 yang menyatakan beliau memberikan kepercayaan sepenuhnya kepada OKT untuk sama-sama membantu beliau memantau dan menyelia kerja-kerja yang dilaksanakan serta dalam aspek penyediaan spesifikasi kerja dan perancangan pembangunan di MTPDRM Bakri, Muar. Atas sebab-sebab tersebutlah SP13 menurunkan tandatangan beliau pada dokumen-dokumen Pesanan Kerajaan berdasarkan pengesahan kerja siap oleh OKT.

[69] Seterusnya SP14 yang bertindak sebagai Pengerusi Pemilihan Sebutharga bagi ketiga-tiga projek tersebut akan melihat syor-syor yang telah dikemukakan oleh Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan juga Jawatankuasa Penilaian Sebutharaga untuk membuat keputusan secara sebulat suara berdasarkan:-

- a) Laporan Penilaian sebut harga / Teknikal sebut harga;
- b) Taklimat oleh Setiausaha sebut harga;

- c) Syor daripada Ahli Jawatankuasa yang lain semasa pemilihan sebut harga.

[70] Hasil daripada keputusan tersebut Kontraktor yang telah mendapat projek Lapang Sasar dan Projek Kolam Renang adalah SMR Cahaya Enterprise yang dimiliki oleh SP44 dan Kontraktor yang mendapat projek Pembaikan Pagar dan Keselamatan adalah Syarikat Jeram Mulia Enterprise yang digunakan oleh SP44 untuk membida projek berkenaan.

[71] Walaupun OKT tidak terlibat secara langsung dalam meluluskan projek-projek tersebut, beliau juga terlibat dalam menyediakan segala dokumentasi termasuk harga anggaran sebelum projek-perojek tersebut dimulakan. Perkara tersebut disahkan sendiri oleh SP12 yang menyatakan OKT terlibat dalam menyediakan anggaran kos kerja-kerja yang diluluskan. Sebelum sesuatu kerja yang dirancang dan dihantar kepada Bukit Aman untuk persetujuan harga anggaran dan spesifikasi kerja, ia akan diproses dahulu oleh OKT bagi menentukan ia mengikut kadar semasa.

[72] Seterusnya SP13 juga mengesahkan beliau akan mengarahkan OKT menyediakan spesifikasi kerja dan dokumentasi sebutharga berkenaan projek tersebut. OKT akan menyediakan dokumen anggaran pada peringkat sebut harga bermula.

[73] Perlu diambil perhatian bahawa jika dibandingkan harga anggaran yang dicadangkan oleh OKT dengan harga muktamad yang dimasuki oleh Syarikat SMR Cahaya Enterprise dan Jeram Mulia tidak banyak perbezaan antara kedua-dua harga tersebut seperti yang dinyatakan dalam eksibit [P36(a)-(c), P33(a)-(c), P39(a)-(c)].

[74] Adalah jelas daripada keterangan saksi-saksi pendakwaan bahawa, OKT telah menggunakan maklumat yang beliau perolehi semasa menyediakan dokumen projek yang berkaitan dan

kemudiannya menyalurkan maklumat sulit tersebut kepada SP44 dalam membuat anggaran harga bagi memastikan syarikat yang diwakili oleh SP44 memperolehi projek yang ditender tersebut. Perkara tersebut jelas dibuktikan apabila OKT sendiri telah membantu SP44 dalam mengisi borang Bill of Quantity (BQ) dalam membuat kiraan kiraan harga (*estimate price*).

Keterangan SP44 :

- S : Di perenggan 10, di baris kedua; Encik Hairudin juga mengisi borang sebut harga bagi kerja-kerja tersebut menggunakan nama perniagaan saya. Kenapa Encik Hairudin bantu Encik Razali mengisi borang?*
- J : Sebab beliau tahu estimate harga dan untuk dapatkan kerja untuk syarikat saya.*
- S : Kenapa dia hendak bantu kamu untuk mengisi borang?*
- J : Ulang soalan.*
- S : Soalan saya, di perenggan 10, baris kedua, Encik Razali telah menyatakan; Encik Hairudin juga mengisi borang sebut harga bagi kerja-kerja tersebut menggunakan nama perniagaan saya. Kenapa Encik Hairudin hendak membantu atau hendak mengisi borang tersebut bagi Encik Razali untuk kerja-kerja tersebut?*
- J : Untuk mendapatkan kerja tersebut.*
- S : Kenapa dia hendak tolong kamu. Saya beri satu ilustrasi. Ini merupakan satu Borang Sebut Harga, kamu nyatakan dia isi dahulu. Hairudin isi dahulu. Saya hendak tahu kenapa dia isi borang itu untuk kamu?*

J : Supaya memudahkan saya untuk menulis semula sebut harga tersebut dan supaya tidak diketahui oleh pihak Jawatankuasa lain.

[75] Seterusnya OKT juga cuba menggunakan pengaruh beliau bagi membantu SP44 mendapatkan projek-projek yang ditender di Maktab PDRM tersebut.

Keterangan SP44 :

S : Teruskan dengan perenggan 11, Pernyataan Saksi kamu?

J : Encik Hairudin memberitahu saya yang dia telah menggunakan pengaruhnya dan kepakarannya membantu saya mendapatkan kerja-kerja di Maktab tersebut. Encik Hairudin telah membantu saya menyediakan borang-borang sebut harga dan tender. Saya telah mendapatkan kerja-kerja di maktab tersebut dengan menggunakan lesen saya dan juga lesen kawan-kawan saya. Jumlah bayaran yang diterima oleh saya pada tahun 2016 adalah RM979,869.52.

[76] Menurut SP44 selepas itu beliau telah menyerahkan borang *Bill of Quantity* kepada OKT untuk diisi jumlah harga dan dan juga spesifikasi kerja dalam borang tersebut melalui pensel di rumah OKT. Selepas SP44 mendapatkan semula borang tersebut, beliau akan menggunakan pen untuk mengisi semula boring tersebut mengikut maklumat dan jumlah yang telah diisi oleh OKT untuk menghantar masuk ke peti sebut harga

[77] Melalui keterangan Ahli Jawatankuasa Penilaian Sebut harga (SP5, SP6, SP8 dan SP12) mereka dengan jelas menyatakan keputusan mereka untuk memilih Kontraktor adalah berdasarkan kepada

dokumen-dokumen yang diberikan oleh Kontraktor berpandukan kepada Borang *Bill of Quantity*.

[78] Malahan SP13 dan SP14 yang bertindak sebagai Ahli Jawatankuasa Pemilihan sebut harga mengesahkan bahawa keputusan Ahli Jawatankuasa Sebutharga membuat pilihan adalah berdasarkan kepada syor yang dibuat oleh Jawatankuasa Penilaian Teknikal yang mana OKT sendiri memainkan peranan yang penting selaku pegawai yang mempunyai kemahiran teknikal dalam membuat penilaian.

[79] SP44 telah mengesahkan beliau telah menggunakan wang sendiri bagi membeli barang keperluan pembinaan rumah OKT. Wang tersebut merupakan lebih keuntungan dalam akaun perniagaan beliau dan amaun yang dikeluarkan atas arahan OKT. SP44 mengesahkan OKT telah mengarahkan beliau membayar 5 perkara tersebut di kedai-kedai terbabit. SP44 telah menggunakan cek dan tunai bagi membayar kesemua perkara tersebut di kedai yang disebutkan di atas. Wang yang dibayar oleh SP44 bagi pihak OKT sebagai upah bagi membantu perniagaan SP44 mendapatkan kerja-kerja di Maktab tersebut.

Keterangan SP44:

S : *Teruskan dengan perenggan 28, Pernyataan Saksi kamu?*

J : *Selain dari itu, bagi hal pembinaan rumah Hairudin, saya juga telah mengeluarkan wang dari Akaun Bank Islam saya, bagi membeli barangan “hardware” bagi kegunaan pembinaan rumahnya:-*

- a) *23/1/2017; Cek Bank Islam No. 990044 = RM28,772.72 Membeli rangka bumbung rumahnya di Nikkata Metal Roofing Industries Sdn. Bhd.;*



- b) *17/2/2017; Cek Bank Islam No. 990050 = RM7,208.00 Membeli atap genting kediaman Encik Hairudin di Chuan Lee Enterprise Sdn. Bhd.;*
- c) *18/3/2017; Cek Bank Islam No. 019354 = RM11,405.60 Membeli kerangka kayu dan tiang anjung rumah Encik Hairudin dari Syarikat Seribu Jaya Sdn. Bhd.;*
- d) *31/3/2017; Cek Bank Islam No. 019360 = RM20,000.00 Membeli tile rumah Encik Hairudin di Fong Sheng Construction Sdn. Bhd. dengan jumlah RM10,300.00;*
- e) *17/4/2017; Cek Bank Islam No. 019364 = RM4,000.00 Membeli pintu-pintu rumah di rumah Encik Hairudin di Parit Gantung dari Syarikat Yeo Chin Boon.*

[80] Menurut keterangan SP44 lagi, perjanjian antara beliau dan OKT berkait pembahagian keuntungan untuk projek-projek yang beliau perolehi di Maktab PDRM, Muar merupakan Perjanjian Lisan antara beliau dan OKT bermula dari tahun 2014 sejak mula mengenali OKT sebagai Pegawai yang bertanggungjawab terhadap pembangunan dan bekalan di Maktab Teknik PDRM, Muar. Menurut SP44 adalah sukar bagi beliau memperoleh kerja-kerja di Jabatan tersebut jika tidak mengenali sesiapa. Menurut SP44 lagi oleh yang demikian, apabila OKT mencari beliau dan bertanyakan samada beliau berminat beliau teruskan menyatakan persetujuan beliau.

[81] Apa yang berlaku seterusnya OKT telah membantu mendapatkan kerja-kerja di Jabatan berkenaan untuk SMR Cahaya Enterprise. OKT ada memberitahu SP44, jika SMR Cahaya Enterprise terpilih untuk menjalankan sebarang projek, maka kebanyakan keuntungan perlu

diserahkan kepada OKT manakala sebahagian kecil diserahkan kepada SP44.

[82] Memandangkan Pihak Pendakwa telah membuktikan bahawa OKT telah menerima wang-wang /barangan tersebut daripada SP44, anggapan di bawah seksyen 50(1) ASPRM 2009 adalah terpakai.

Pembuktian bagi Pertuduhan-Pertuduhan Pilihan kesalahan di bawah seksyen 165 Kanun Keseksaan

[83] **Seksyen 165 Kanun Keseksaan** menyatakan:-

165. Penjawat awam menerima benda yang berharga, dengan tiada balasan, daripada orang yang ada kena-mengena dalam apa-apa pembicaraan atau urusan yang dijalankan oleh penjawat awam itu.

Barang siapa, yang menjadi seorang penjawat awam, menerima atau mendapat, atau bersetuju menerima atau mencuba mendapat, untuk dirinya atau untuk seseorang lain, sesuatu benda yang berharga, dengan tiada balasan atau dengan suatu balasan yang ia ketahui tidak mencukupi, daripada seseorang yang ia ketahui telah, atau sedang, atau mungkin ada kena-mengena dalam apa-apa pembicaraan atau urusan yang telah dijalankan, atau yang akan dijalankan, oleh penjawat awam itu, atau yang ada apa-apa perhubungan dengan kerja-kerja rasminya sendiri atau dengan kerja-kerja rasmi seseorang penjawat awam yang di bawahnya ia bekerja, atau daripada seseorang yang ia ketahui sebagai ada kepentingan atau bersangkutan dengan orang yang ada kena-mengena demikian itu, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai dua tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

[84] Secara keseluruhan, terdapat 8 pertuduhan dihadapi oleh tertuduh bagi suatu kesalahan di bawah Seksyen 165 Kanun Keseksaan iaitu Pertuduhan Pilihan kepada Pertuduhan Pertama sehingga Pertuduhan Kelapan. Bagi setiap pertuduhan tersebut, pihak pendakwaan perlu membuktikan:-

- i. Tertuduh adalah penjawat awam;
- ii. Tertuduh telah mendapat suatu barang berharga;
- iii. Tertuduh mendapat barang tersebut tanpa balasan; dan
- iv. Tertuduh mengetahui bahawa pemberi barang berharga tersebut mempunyai hubungan dengan tugas rasmi tertuduh.

[85] Di dalam kes *Zaini Nyak Othman v. PP* [1999] 4 CLJ 765, Mahkamah Tinggi ada menyatakan:-

“Bagi kesalahan di bawah s. 165, pihak Pendakwa mesti membuktikan:-

- (i) Tertuduh ialah seorang penjawat awam.*
- (ii) Tertuduh pada masa yang dinyatakan telah menerima suatu barang yang berharga.*
- (iii) Tertuduh menerima barang yang berharga itu tanpa balasan.*
- (iv) Tertuduh mengetahui bahawa pemberi barang tersebut mempunyai hubungan dengan tugas rasmi tertuduh.*

Di bawah s. 165, pihak pendakwa, tidak perlu membuktikan adanya elemen rasuah (sila lihat Ratanlal & Dhirajlal’s Law of Crimes, 24th edn 1997, ms 686 para. 1).”

[86] Teks di dalam **Ratanlal & Dhirajlal's Law of Crimes, 24th edn 1997** di m/s 686 para. 1 menyatakan:-

“Under this section the question of motive or reward is wholly immaterial and the acceptance of a valuable thing without consideration or with inadequate consideration from a person who has or likely to have any business to be transacted, is forbidden because though not taken as a motive or reward for showing any official favour, it is likely to influence the public servant to show official favour to the person giving such valuable thing”

[87] Menurut teks **Mallal's Penal Law, 2002 Edition** di m/s 261 pula, intipati kesalahan di bawah seksyen 165 Kanun adalah seperti berikut:

- “(a) The accused was a public servant.*
- (b) The accused accepted or obtained, or agreed to accept, or attempted to obtain, for himself or for someone else, a valuable thing.*
- (c) The accused gave no consideration for it, or gave a consideration which he knew to be inadequate.*
- (d) The person from whom the accused accepted, etc, the valuable thing was known to the accused to have been, or to be, or to be likely to be, concerned in a proceeding or business transacted or about to be transacted by himself, or which had a connection with the official functions of himself, or a public servant to whom the accused was subordinate or from a person known to the accused to be interested in, or related to, the person so concerned.”*

[88] Menurut Mallal's Penal Law juga, skop peruntukan ini adalah seperti berikut:-

“This section is directed against the taking or receiving of valuable gifts. The taking of presents by public servants, when it cannot be proved that such presents were corruptly taken, is rendered penal by this section. Under section 161 of the Code, the gratification is taken as a motive or reward for doing or for bearing to do an official act, whereas under this section the question of motive or reward is not material as the section prohibits the taking of a thing without consideration from a person having any connection with the official functions of the public servant. The principle behind this section is to prevent public servants from circumventing the prohibition against taking or receiving gratification by taking or receiving valuable gifts instead.”

[89] Teks Sohoni's Criminal Referencer Volume 2 (2nd Edition) di m/s 2476 pula menyatakan:-

“Section 165 does not require taking of gratification as a motive or reward for any specific official action, favour or service but strikes at obtaining by a public servant of any valuable thing without consideration or for a consideration which he knows to be inadequate from any person whom he knows to have been or to be or likely to be concerned in any proceeding or business or about to be transacted by such public servant or having any connection with the official functions of himself or of any public servant whom he is subordinate or from whom any person whom he knows to be interested in or related to the person so concerned.”

Tertuduh Adalah Penjawat Awam

[90] Pihak Pendakwaan telah membuktikan tertuduh adalah seorang “penjawat awam” sebagaimana kehendak Seksyen 165 Kanun Keseksaan. Melalui keterangan SP3 yang bertugas sebagai Ketua Bahagian Pengurusan maktab Teknik PDRM beliau mengesahkan tertuduh adalah kader dari Jabatan Kerja Raya yang ditempatkan di Unit Pembangunan dan Fasiliti Maktab tersebut. Tertuduh juga dilantik sebagai Jawatankuasa sebut harga kerana pihak jabatan bergantung kepada kepakaran beliau.

Tertuduh Telah Mendapat Suatu Barang Berharga

[91] Bagi kesemua pertuduhan yang dihadapi oleh tertuduh di bawah Seksyen 165 Kanun Keseksaan, “*barang berharga*” yang dinyatakan di dalam pertuduhan-pertuduhan tersebut yang dikatakan telah diterima oleh tertuduh untuk dirinya dengan tiada balasan adalah dalam bentuk “*wang tunai*”, “*bahan pembinaan rumah*” dan juga “*servis membaiki kenderaan*”. Keterangan-keterangan yang menunjukkan tertuduh telah menerima barang-barang berharga yang dimaksudkan mengikut pertuduhan masing-masing adalah seperti berikut:-

Pembuktian Pilihan Pertama, dan Pilihan Kedua di dalam kes MA-61R36-010/2018

[92] Melalui keterangan SP3 yang bertugas sebagai Ketua Bahagian Pengurusan maktab Teknik PDRM beliau mengesahkan tertuduh adalah kader dari Jabatan Kerja Raya yang ditempatkan di Unit Pembangunan dan Fasiliti Maktab tersebut. Tertuduh juga dilantik sebagai Jawatankuasa sebut harga kerana pihak jabatan bergantung kepada kepakaran beliau.

[93] Melalui keterangan Mohd Razali bin Sawon (SP44), pihak pendakwan telah membuktikan beliau adalah tuan punya syarikat SMR

Cahaya Enterprise. Beliau mempunyai lesen kelas G2 yang membolehkan beliau memperoleh nilai kerja antara RM200,000.00 ke RM500,000.00. Beliau mengenali OKT kerana OKT adalah sepupunya dan mula berurusan dengan OKT sejak tahun 2014 apabila SMR Cahaya Enterprise mula mendapatkan kerja di MTPDRM.

[94] Menurut saksi, OKT ada berjumpa dengan beliau untuk menggunakan syarikatnya bagi mendapatkan kerja dan keuntungan akan dibahagikan mengikut bahagian masing-masing.

[95] SP44 mengesahkan dengan bantuan dan pengaruh OKT beliau telah memperoleh kerja kerja di MTPDRM sejak tahun 2014 sehingga 2016. Pada tahun 2016 kerja-kerja yang diperolehi oleh syarikat beliau dan juga menggunakan lesen kontrektor yang lain dengan bantuan OKT adalah seperti berikut:-

- i) Kerja-kerja penyelenggaraan Kolam Renang MTPDRM selama 2 tahun dengan nilai kontrak RM 249,500.00;
- ii) Kerja-kerja baik pulih Lapang Sasar di MTPDRM dengan nilai kontrak RM249,00.00;
- iii) Pembaikan Bangunan dan Pagar Keselamatan di Pondok Pengawal MTPDRM berjumlah RM192,300.00.

[96] Bagi kesemua kerja-kerja di MTPDRM tersebut OKT telah menggunakan pengaruhnya, memberikan maklumat dan membantu menyediakan borang sebutharga dan tender. Jumlah bayaran yang diterima oleh SP44 bagi kesemua kerja-kerja tersebut pada tahun 2016 keseluruhannya adalah sebanyak RM979,69.52.

[97] Menurut keterangan saksi lagi, OKT telah mengarahkan beliau memberikan wang RM400,000.00 sebagai upah sebagai membantu SMR cahaya Enterprise mendapatkan projek di MTPDRM Bakri Muar melalui dua transaksi pengeluaran. Pada 15/12/2016 pengeluaran

wang sebanyak RM 200,000.00 (P15) dibuat melalui cek tunai atas nama saksi dan menyerahkan wang tunai kepada OKT di rumahnya di Parit Gantung. Bagi permintaan dan penerimaan wang kali kedua, saksi telah mengeluarkan wang berjumlah RM200,000.00 dari akaun Bank Islam beliau (P16) pada 19/12/2016 menggunakan cek dan menyerahkan wang secara tunai kepada OKT.

[98] Seterusnya bagi menyokong keterangan SP44 tersebut pihak pendakwaan telah mengemukakan keterangan SP2 yang bertugas sebagai pegawai Bank Islam. Beliau telah mengesahkan SMR Cahaya Enteprise adalah pemegang akaun Bank Islam akaun No. 01023010070061 di mana Razali Bin Sawon adalah pemiliknya. SP2 mengesahkan berlaku transaksi kemasukkan wang ke dalam akaun tersebut iaitu:-

- i) 8/12/2016 daripada JNM Cawangan Melaka berjumlah RM17,781.60;
- ii) 9/12/2016 daripada JANM Cawangan Melaka berjumlah RM249,00.00;
- iii) 13/12/2016 daripada Jeram Mulia Enteprise berjumlah RM1,876.00;
- iv) 13/12/2016 daripada Jeram Mulia Enterprise berjumlah RM60,985.00;
- v) 13/12/2016 daripada Jeram Mulia Enterprise berjumlah RM60,985.00;
- vi) 13/12/2016 daripada Jeram Mulia Enterprise berjumlah RM60,895.00.

[99] Saksi juga mengesahkan telah berlaku transaksi pengeluaran wang dari akaun yang sama iaitu:-

- i) Pada 15/12/2016 atas cek Bank Islam bernombor 0990034 dengan jumlah RM200,000.00;
- ii) Pada 19/12/2016 atas cek Bank Islam bernombor 099003 dengan jumlah RM200,000.00;

[100] Daripada pembuktian di atas jelas menunjukkan SP44 telah mengeluarkan wang dari akaun Bank Islam beliau untuk diberikan kepada OKT.

Pembuktian Pertuduhan Pilihan Ketiga di dalam kes MA-61R-36-10/2018

[101] Bagi pertuduhan di atas pihak Pendakwaan telah mengemukakan keterangan Puan Ong Su Sian (SP19) yang bertugas sebagai Kerani Akaun di Syarikat Nikkata Metal Roofing Sdn. Bhd. Melalui *tax invoice* yang ditunjukkan kepadanya beliau mengesahkan barang-barang yang telah dipesan oleh Syarikat SMR Cahaya Enterprise antaranya C-Channel yang diperlukan untuk atap genting . Berdasarkan invois (P67) jumlah keseluruhan harga barang-barang yang dibeli adalah RM19,358.78 (P66). Kesemua barang-barang tersebut telah dihantar ke rumah OKT di JKPP/58/25A KM5 Kampung Parit Gantung Sungai Rambai (P86-P89).

[102] Menurut saksi pembayaran barang yang telah dipesan telah dibuat oleh syarikat SMR Cahaya Enterprise atas nama Tow Meng Liang melalui cek berjumlah RM28,772.72 yang diberikan kepada saksi. Sebab utama pembayaran dibuat atas nama Tow Meng Liang ialah untuk memudahkan mendapatkan wang tunai supaya dapat memproses barang keluar dengan cepat dan menghantarnya ke Sungai Rambai.

Keterangan SP19:

S : Kenapa pembayaran dibuat atas nama Tow Meng Tiang?

J : Sebabnya customer ini dia hendak barangnya dihantar secepat mungkin, itu sebabnya terpaksa kita kena pakai nama untuk ambil cash keluar, kita boleh proses untuk keluar barang cepat sikit dan kita boleh hantar cepat sedikit barang ke Sungai Rambai Melaka semasa kita dapat cash.

S : Siapa yang bayar cek ini kepada Mr. Tow Meng Liang?

J : Saya yang beri Tow Meng Liang.

S : Siapa yang membayar cek ini yang berjumlah RM28,772.72 kepada Tow Meng Liang?

J : SMR Cahaya Enterprise yang bayar dan beri kepada saya.

[103] Seterusnya melalui keterangan Encik Tow Meng Liang (SP28), Pengurus Syarikat Nikkata Metal Roofing Industries beliau telah mengesahkan telah dimaklumkan oleh kakitangan beliau yang SMR Cahaya memerlukan barang yang dipesan dengan kadar segera dan memerlukan cek tersebut dibuat atas nama beliau.

Keterangan SP28:

S : Boleh terangkan sekali lagi, kenapa cek ini dibayar ke atas nama Tow Meng Liang iaitu nama Encik Tow sendiri dan bukan kepada Syarikat Nikkata?

J : Seperti yang saya maklumkan tadi, sebab barang ini diperlukan dengan kadar yang segera, maka saya memberikan nama saya supaya urusan tersebut boleh dijalankan dengan segera. Sekiranya cek tersebut dibuka di atas nama Nikkata, maka transaksi wang tersebut hanya

boleh dilakukan dalam masa dua atau tiga hari sahaja. Sekiranya mereka memerlukan stok dengan kadar segera dan kami telah memberikan dan membekalkan stok dengan kadar segera, wang tersebut belum masuk ke dalam syarikat, kerja kami akan bertambah susah.

[104] Melalui keterangan Puan Low Moi Lee (SP29) Pengurus Jualan Syarikat Nikkata Metal Roofing Industries Sdn. Bhd pihak pendakwa telah membuktikan kesemua barang yang dibeli berharga RM19,385.78 telah dihantar kes alamat rumah OKT di Sungai Rambai oleh pemandu syarikat yang bernama Hamdan.

Keterangan saksi SP29:

- S : Jadi, barang-barang yang dinyatakan di dalam inuis ini dihantar ke mana?*
- J : Hantar ke alamat JKPP/58/25A KM35, Kampung Parit Gantung, Sungai Rambai, Melaka.*
- S : Jumlah harga bagi barang-barang yang dipesan oleh Encik Razali semua sekali berapa?*
- J : Untuk inuis ini, RM19,385.78 sahaja.*
- S : Bila tarikh penghantaran barang-barang ini ke alamat yang dinyatakan di dalam ID66?*
- J : Tarikh penghantaran pada 25^{hb}. Januari 2017.*
- S : Siapa yang hantar barang ke alamat yang dinyatakan di dalam ID66?*
- J : Driver Encik Hamdan.*

[105] Saksi juga mengesahkan Syarikat Cahaya Enterprise yang telah memesan dan membeli barang tersebut telah membuat pembayaran kepada beliau berjumlah RM28,772.72.

Keterangan saksi SP29:

S : Siapa yang bayar cek ini kepada Mr. Tow Meng Liang?

J : Saya yang beri Tow Meng Liang.

S : Siapa yang membayar cek ini yang berjumlah RM28,772.72 kepada Tow Meng Liang?

J : SMR Cahaya Enterprise yang bayar dan beri kepada saya.

[106] Selain dari itu terdapat juga keterangan sokongan yang lain di mana saksi SP44 telah mengeluarkan wang dari akaun Bank Islam beliau bagi membeli barangan 'hardware' bagi kegunaan pembinaan rumah OKT pada 23/1/2017 melalui Cek Bank Islam No. 990044 berjumlah RM28,772.72 bagi membeli rangka bumbung rumah di Nikkata Metal Roofing Industries Sdn Bhd.

Pembuktian Pertuduhan Pilihan Keempat dalam kes MA-61R-37-10/2018

[107] Bagi pertuduhan ini pihak pendakwaan telah mengemukakan keterangan En Siah Tiong Seet (SP17) pemilik Perniagaan Chuan Lee Enterprise Sdn Bhd yang menyatakan seorang bernama Razali (SP44) telah datang ke kedai beliau untuk membeli genting coklat yang jenamanya *Monier* untuk dihantar ke Parit Gantung. Encik Razali telah memesan 4,000 keping genting coklat dari beliau untuk dihantar ke rumah OKT. Jumlah 4,000 keping genting tersebut adalah RM6,800.00 campur GST berjumlah RM408.00, dan jumlah keseluruhan adalah RM7,208.00. Selepas beliau menerima pesanan daripada Encik Razali, beliau terus membuat pesanan kepada supplier

beliau bernama Lau Tat, dan Lau Tat telah menghantar genting coklat itu ke rumah Encik Hairudin di Parit Gantung.

[108] Keterangan SP17 tersebut disokong oleh Encik Khairul Anwar bin Jasme SP18 seorang Supervisor di Syarikat Lau Tat yang mengesahkan barangan tersebut telah dihantar ke rumah OKT di Sungai Rambai oleh pemandu syarikat berdasarkan Delivery Order (P62-P65).

Keterangan saksi :

S : Boleh terangkan secara ringkas apa barangan yang telah diserahkan atau dihantar kepada pelanggan di Sungai Rambai?

J : Ada lima lori yang hantar barang ini, 4 lori 3 tan dan 1 lori 1 tan, jalan sekali pergi ke site. Barangnya adalah atap genting Monier warna coklat.

S : Berjumlah 4,000 keping berdasarkan Tax Invoice dan Delivery Order?

J : Ya.

S : 4,000 keping genting coklat Monier Russet Brown ini, adakah semua barang-barang 4,000 keping ini telah berjaya dihantar kepada pelanggan di Sungai Rambai?

J : Ya.

S : Tahu atau tidak, jika kita lihat Delivery Order bertarikh 17^{hb}. Februari 2017 bernombor L7021689, L7021690, L7021691, L7021692 dan juga L7021766. Di bahagian recipient cop and signature, tahu atau tidak siapa yang signed di bahagian itu?



J : Kebiasaannya kita akan panggil driver untuk telefon customer, dan driver akan terus pergi ke site. Kebiasaannya kita akan dapat tahu secara roughly site itu dekat mana.

S : Jadi, maksud Encik Khairul, semasa driver sampai ke Sungai Rambai site, dan pelanggan itu akan tunjuk di rumah mana?

J : Ya, betul.

[109] Seterusnya saksi Puan Shankary A/P Peechmani (SP30) seorang Penolong Akauntan di Syarikat Lau Tat Sdn Bhd mengesahkan pada pada 17/2/2017 empat buah lori 3 tan dan sebuah lori 1 tan telah menghantar 4000 keping genting *monier russet brown* dari Bukit Rambai ke alamat di Sg Rambai. 5 buah lori tersebut di bawa oleh 5 orang pemandu syarikat ini. Maklumat tersebut ada dinyatakan dalam *system Auto Count Accounting*.

[110] Berdasarkan maklumat tersebut saksi mengesahkan genting-genting yang dipesan oleh syarikat Chuan Lee Enterprise telah dihantar oleh lori- lori dari syarikat tersebut oleh lima orang pemandu syarikat pada tarikh yang berkenaan.

Keterangan SP30:

S : Pohon teruskan dengan perenggan 15 PSP30 Puan?

J : Saya sahkan berdasarkan dokumen tersebut 5 buah lori dari syarikat ini telah menghantar 4000 keping genting monier russet brown 104# dengan butiran berikut:

15.1 SO 041935; TDO-103846; Lori MBX 6377 dipandu oleh Murugan.



15.2 SO 041935; TDO-103649; Lori WYD7736 dipandu oleh Saufi.

15.3 SO 041935; TDO-104858; Lori KDY 7736 dipandu oleh Dharma.

15.4 SO 041935; TDO-104039; Lori MBA 7736 dipandu oleh Safian.

15.5 SO 041935; Lori JNN 7736 dipandu oleh Krishnan.

[111] Selain dari itu terdapat juga keterangan sokongan yang lain di mana saksi SP44 telah mengeluarkan wang dari akaun Bank Islam beliau bagi membeli barangan ‘hardware’ bagi kegunaan pembinaan rumah OKT pada 23/1/2017 melalui Cek Bank Islam No.990044 berjumlah RM 28,772.72 bagi membeli rangka bumbung rumah di Nikkata Metal Roofing Industries Sdn Bhd

Pertuduhan Pilihan Kelima dalam kes MA-61R-37-10/2018 (5)

[112] Melalui keterangan Encik Teo Choon Kaw (SP22) seorang pengurus di syarikat Seribu Jaya, beliau memberitahu mahkamah pada bulan 4 Mac 2017 Encik Razali dan Encik Hairudin ada datang ke kilang Syarikat Seribu Jaya untuk mencari bahan binaan untuk kegunaan. Barang-barang untuk rumah tersebut antaranya ialah Kayu tiang 7”x7” dengan kudak-kuda 6”x2” & 6”x3” dan batten 2”x1”, dan 2 tong cat. Semasa perbincangan antara Encik Teo, Razali dan juga Hairudin, mereka menyatakan bahan-bahan binaan itu untuk kegunaan rumah Hairudin. Menurut saksi lagi selepas mereka mengesahkan pembelian bayaran telah dibuat oleh En Razali sebanyak RM 11,405.00 (P74).

[113] Menurut saksi inouis telah dikeluarkan setelah bayaran dibuat kerana barang yang dipesan adalah *custom made* dan kalau tidak

dibayar akan mendatangkan masalah mendapatkan pembeli yang lain. Encik Razali juga telah memberikan alamat penghantaran dan saksi sendiri telah menghantar barang yang dipesan ke alamat yang telah diberikan.

Keterangan saksi:

S : Basically Encik Razali yang beri alamat?

J : Saya yang hantar sebab hari itu, driver saya tidak hantar, so, saya terpaksa hantar sendiri.

S : Jumlah invois ini adalah berjumlah RM11,405.60, betul?

J : Ya, betul.

S : Kenapa invois hanya diisukan selepas bayaran dibuat. Boleh terangkan kepada Mahkamah?

J : Sebab semua barang ini, custom made. Kalau dia tidak bayar, kita fikir semua barang ini semua orang tidak mahu.

J : Semasa pergi ke sana, ada seorang pekerja, dan selepas telefon Encik Razali, dia tidak datang, so, to make sure, barang diterima dan diturunkan, saya panggil tukang dia itu untuk signed.

J : Accurate of the address, sebab significant building, dia beri direction macam mana jalan masuk, saya terus ikut sahaja.

S : Sehingga ke hari ini, ada orang atau tidak complaint,

[114] Pihak Pendakwaan juga membuktikan terdapat pengeluaran wang tunai oleh SP44 pada 18/3/2017 melalui Cek Bank Islam

No.019354 berjumlah RM11,405.60 bagi membeli kerangka kayu dan tiang anjung rumah Hairudin; Syarikat Seribu Jaya Sdn Bhd.

Pertuduhan Pilihan Keenam di dalam kes MA-61R-37-010/2018

[115] Berhubung dengan pertuduhan ini pula Puan Hfizah Binti Abd Rahman (SP23) seorang kerani yang bertugas di syarikat Fong Sheng Construction Sdn Bhd menyatakan En Khairudin dan En Razali ada datang bersama ke kilang untuk membeli tiles bagi dapur, bilik air dan lantai. Setelah mengesahkan barang-barang yang hendak En Razali telah membayar jumlah keseluruhan tax invoice (P75) sebanyak RM10,300.00. SP23 telah mengambil nombor telefon nama dan alamat penghantaran di KM35, JKPP58/25A Kampung Parit Gantung, Sungai Rambai, Melaka.

[116] Perkara tersebut kemudiannya telah disahkan oleh saksi pemandu syarikat Rosman bin Sapari (SP24) yang telah menghantar barang yang dipesan ke alamat rumah Khairudin dan telah berjumpa dengan Khairuddin di KM35 JKPP58/25A, Kampung Parit Gantung, Sungai Rambai, Melaka.

[117] Selain dari itu terdapat juga keterangan sokongan yang lain di mana saksi SP44 telah mengeluarkan wang dari akaun Bank Islam beliau bagi membeli barangan 'hardware' bagi kegunaan pembinaan rumah OKT pada 1/3/2017 melalui Cek Bank Islam No. 019360 berjumlah RM 20,000.00 membeli tile rumah Hairudin di Fong Sheng Construction Sdn Bhd berjumlah RM 10,300.00

Pertuduhan Pilihan Ketujuh

[118] Bagi pertuduhan di atas pihak pendakwaan mengemukakan keterangan saksi En Yeo Chin Boon (SP16) pemilik syarikat Ah Hock Enterprise. Dalam keterangannya saksi menyatakan OKT dan En

Razali (SP) telah datang ke kedai beliau dan En Razali telah membayar deposit sebanyak RM 4,000.00 melalui cek (P21). Selepas menerima deposit tersebut beliau telah pergi ke rumah OKT membuat ukuran dan pekerja beliau bernama Kia telah memasang pintu yang dipesan. Baki bayaran RM1,000.00 kemudiannya telah dijelaskan oleh Razali secara tunai.

Keterangan saksi

S : Tadi Encik Yeo juga ada menyatakan RM4,000.00 dibayar sebagai deposit, dibayar oleh siapa?

J : Seorang lagi selain daripada OKT.

S : Masih boleh ingat lagi atau tidak orang itu yang membayar RM4,000.00 kepada Ah Hock & Enterprise?

J : Kalau tidak silap saya, namanya ialah Razali.

S : Tadi Encik Yeo telah nyatakan setelah menerima deposit RM4,000.00, kamu seterusnya telah pergi membuat ukuran di rumah OKT. Selepas ukuran itu, kamu telah buat apa?

S : Tadi kamu telah menyatakan ada dua orang pelanggan datang ke kedai Ah Hock & Enterprise untuk membuat pemasangan pintu dan salah seorang pelanggan telah membayar RM4,000.00. Boleh terangkan kepada Mahkamah, selepas menerima RM4,000.00, apa tindakan lanjut yang kamu telah buat?

J : Selepas terima deposit, saya pergi ke rumah untuk membuat ukuran.

S : Selepas siap ukuran, apa tindakan seterusnya oleh kamu?

J : Selepas ukuran, kami buat pintu dan selepas itu, pekerja saya pergi ke rumah pelanggan itu untuk memasang pintu. Pekerja saya itu seorang sahaja.

S : Boleh saya tahu atau tidak dan terangkan kepada Mahkamah nama pekerja yang dinyatakan oleh Encik Yeo itu?

J : Nama pekerja saya yang saya selalu panggil Kia.

S : Tadi Encik Yeo ada menyatakan Razali telah membayar deposit RM4,000.00 kepada Encik Yeo. Jumlah keseluruhan bagi pemasangan pintu di rumah OKT adalah berapa?

J : Lebih kurang RM5,000.00 lebih.

S : Pembayaran ini adalah melalui cara apa, cek, tunai atau transaksi lain?

J : RM4,000.00 adalah dalam cek dan baki RM1,000.00 lebih, Razali bayar kepada saya dalam bentuk tunai.

[119] Selain dari itu terdapat keterangan sokongan lain di mana saksi SP44 telah mengeluarkan wang dari akaun Bank Islam beliau bagi membeli barangan ‘hardware’ bagi kegunaan pembinaan rumah OKT pada pada 17/4/2017 melalui Cek Bank Islam No. 019364 berjumlah RM4,000.00 bagi membeli pintu-pintu rumah di rumah Hairudin di Parit Gantung.

[120] Seterusnya melalui keterangan saksi En Nakiah bin Ithnin (SP), beliau mengesahkan sebagai pekerja kepada syarikat Ah Hock Enterprise dan telah pergi ke rumah OKT dan membuat pemasangan pintu tersebut di alamat Parit Gantung, Sungai Rambai. Kesemuanya tujuh buah pintu telah dipasang di rumah OKT. Saksi juga

mengesahkan rumah yang telah beliau pergi dan membuat pemasangan pintu melalui gambar yang ditunjukkan kepada beliau (P84 A-J).

Keterangan saksi:

S : Semasa kamu pergi ke sana untuk pasang pintu, pertama kali dengan bos untuk buat ukuran, kamu ada nampak sesiapa atau tuan rumah di rumah itu?

J : Ada.

TPR : Pohon rujuk gambar kediaman Hairudin Bin Ngadiron yang beralamat di KM35, Kampung Parit Gantung, 77400, Sungai Rambai, Melaka kepada saksi.

S : Boleh camkan gambar-gambar ini?

J : Boleh.

S : Boleh terangkan gambar-gambar ini gambar apa?

J : Gambar rumah yang saya pasang pintu.

S : Boleh tunjuk kepada Mahkamah, pintu-pintu mana yang kamu pasang?

J : Pintu yang rumah tengah ini.

S : Di muka surat pertama, gambar mana?

J : Gambar pertama, yang tengah ini.

S : Seterusnya di gambar kedua ada?

J : Sama, di hadapan tiang.

- S : Di muka surat kedua, ada atau tidak pintu-pintu yang disebut oleh Encik Nakiah tadi yang telah dipasang di rumah ini?*
- J : Pintu di hadapan in, saya pasang.*
- S : Gambar keempat?*
- J : Tiada.*
- S : Gambar kelima di muka surat ketiga?*
- J : Ada di gambar keenam di ruang tamu itu.*
- S : Tadi kita lihat di muka surat keempat. Boleh tunjuk kepada Mahkamah pintu mana yang kamu pasang dalam rumah ini?*
- J : Gambar pertama, yang tengah ini.*
- S : Seterusnya gambar ke-9 dan ke-10?*
- J : Ada, yang ini di gambar yang ke-10.*
- TPR : Pohon gambar-gambar tersebut ditandakan sebagai ID dahulu*
- S : Tadi saya rujuk ID84 (A hingga J) kepada Encik Nakiah, semasa kamu pergi hantar barang ataupun pemasangan pintu, rumah apa kamu nampak, adakah rumah itu keadaannya sama seperti di dalam gambar ini?*
- J : Rumah ini dalam keadaan tidak siap sangat, ada yang belum siap dan rumah tengah ini hampir hendak siap, pintu sudah boleh dipasang.*

- S : Tadi kamu kata rumah dalam keadaan tidak siap sangat. Boleh kamu terangkan kepada Mahkamah maksud tidak siap sangat itu?*
- J : Pasal ianya tengah buat bahagian yang lain-lain, sambung ke belakang, rumah tengah itu tilesnya sudah siap dan semasa saya datang itu, memang sudah boleh dipasang.*
- S : Maksudnya rumah itu sudah dibina tetapi hanya untuk pasang pintu sahaja dengan beberapa marbles, yang masih tidak siap, betul?*
- J : Ya, betul.*

Pertuduhan Pilihan Kelapan

[121] Bagi pertuduhan di atas pihak pendakwaan telah mengemukakan keterangan saksi Encik Tan Hun Hwa (SP), seorang mekanik yang bekerja di TH Motorsport. Menurut kererangan saksi En Razali telah menghantar ke bengkel beliau sebuah kereta Toyota Land Cruiser Prado JEQ 8525 untuk diperbaiki dan dinaiktaraf. Beliau telah menukar minyak hitam, gear oil, satu set *complete crush*, brek, *absorber*, satu *lay out kit*, *alarm system*, upah *oiling* dan benda-benda kecil yang lain. Beliau telah mengeluarkan dua resit yang kesemuanya berjumlah RM 4,205.00 (P70 & P71).

Keterangan saksi:

- S : Tadi Encik Tan telah mengatakan Toyota Prado. Adakah nama penuh jenama kereta tersebut adalah Toyota Land Cruiser Prado?*
- J : Ya, betul.*

- S : Tadi Encik Tan telah mengatakan ada seorang yang telah menghantar kereta Toyota Land Cruiser Prado ke bengkel kamu di TH Motorsport. Siapa nama orang itu?*
- J : Nama orang itu Razali.*
- TPR : Pohon rujuk resit bernombor 0739 dan 0740 bertarikh 15^{hb}. Mac 2017 kepada saksi.*
- S : Untuk refresh memory Encik Tan, setelah melihat resit-resit ini, tahu atau tidak bila Razali hantar Toyota Land Cruiser Prado ke bengkel Encik Tan?*
- J : Lebih kurang dalam masa 9^{hb}. Mac ke 10^{hb}. Mac 2017.*
- S : Jadi ini bermakna Razali hantar dahulu kereta itu untuk repair atau servis, selepas itu, kamu hanya isukan resit ini, betul atau tidak?*
- J : Ya.*
- S : Untuk servis atau repair kereta Toyota Land Cruiser Prado ini ambil masa berapa lama?*
- J : Lebih kurang 6 hari diperlukan.*
- S : Sekarang kita lihat kedua-dua resit ini. Boleh terangkan kepada Mahkamah, apakah nombor pendaftaran bagi kereta Toyota Land Cruiser Prado ini?*
- J : JEQ8525.*
- S : Boleh secara ringkas beritahu kepada Mahkamah, apakah barang-barang yang telah dibekalkan oleh TH Motorsport kepada kereta tersebut berdasarkan resit tersebut?*

J : Saya tukar minyak hitam, gear oil, satu set complete crush, brek, absorber, satu lay out kit, alarm system, upah oiling dan benda-benda kecil.

S : Berdasarkan kedua-dua resit ini adalah upah dan untuk naik taraf kereta tersebut, betul?

J : RM2,485.00.

S : Untuk resit yang kedua?

J : RM1,720.00.

S : Untuk kemudahan Mahkamah, kedua-dua total bagi kedua-dua resit adalah sebanyak RM4,205.00, setuju atau tidak?

J : Ya, betul.

[122] Seterusnya saksi SP4 pegawai JPJ mengesahkan bagi kenderaan JEQ 8525 Model Lancruiser Prado, SLW, keupayaan enjin 2694 S.P, nombor enjin 3RZ-1365309, nombor Casis RZJ95-9002503, buatan Toyota adalah kepunyaan Hairudin Bin Ngadiron, I.C : 75121404-5261 (P13) .

Tertuduh Mendapat Barang Tersebut Tanpa Balasan

[123] Berhubung pembuktian elemen ketiga ini, keterangan semua saksi-saksi telah menyatakan OKT telah menerima barang-arang berharga tanpa balasan yang merupakan wang tunai dan juga barang-barang berbentuk peralatan untuk membina rumah.

[124] Kesemua saksi tersebut telah mengesahkan bahawa tertuduh telah menerima wang-wang tunai tersebut daripada mereka secara peribadi. Tiada apa-apa balasan yang telah diberikan oleh tertuduh kepada mereka.

[125] Oleh yang demikian, adalah dapatan mahkamah bahawa elemen ketiga ini telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan bagi kesemua pertuduhan bagi kesalahan di bawah seksyen 165 Kanun Keseksaan.

Tertuduh mengetahui bahawa pemberi barang berharga tersebut mempunyai hubungan dengan tugas rasmi tertuduh

[126] Adalah tidak dipertikaikan bahawa pada masa kejadian OKT merupakan seorang penjawat awam iaitu Penolong Jurutera yang ditempatkan di Komandan Maktab Teknik PDRM 84200 Bakri, Muar Johor. Perkara tersebut disahkan oleh SP3 dan perakuan jawatan beliau dalam eksibit P11.

[127] Ketika OKT menerima barang-barang berharga tersebut OKT mengetahui ia mempunyai hubungan dengan tugas rasmi OKT. Bagi membuktikan elemen ini, pihak pendakwaan telah merujuk kepada keterangan saksi-saksi seperti berikut:

- (a) Bagi Pertuduhan Pilihan Pertama dan Pertuduhan Pilihan Kedua di dalam kes 61R-36-10/2018:

Keterangan SP44 yang disokong oleh keterangan-keterangan eksibit-eksibit dokumen Cek Bank Islam P15, P16;

- (b) Bagi Pertuduhan Pilihan ketiga dalam kes 61R-36-10/2018: Keterangan SP11 yang disokong oleh keterangan-keterangan SP44, SP19, SP20, SP28, SP29 dan eksibit-eksibit dokumen (P66-P69), (P84(A) – (I);

- (c) Bagi Pertuduhan Pilihan Keempat di dalam kes 61R-37-10/2018:



Keterangan SP44 yang disokong oleh keterangan-keterangan SP17, SP31, SP32, SP33 serta eksibit-eksibit dokumen P60-P65;

- (d) Bagi Pertuduhan Pilihan Kelima di dalam kes 61R-37-10/2018:

Keterangan SP44 yang disokong oleh keterangan-keterangan SP22, serta eksibit-eksibit dokumen P19, P72, P73 & P74;

- (e) Bagi Pertuduhan Pilihan Keenam di dalam kes 61R-37-10/2018:

Keterangan SP44 yang disokong oleh keterangan-keterangan SP23, SP24, serta eksibit-eksibit P20, P75;

- (f) Bagi Pertuduhan Pilihan Ketujuh di dalam kes 61R-38-10/2018:

Keterangan SP44 yang disokong oleh keterangan-keterangan SP16, SP24 serta eksibit-eksibit dokumen P21, P84(a) – (j);

- (g) Bagi Pertuduhan Pilihan Kelapan di dalam kes 61R-39-10/2018:

Keterangan SP44 yang disokong oleh keterangan-keterangan SP21, serta eksibit-eksibit dokumen P22, P70, P71 P13;

- (h) Bagi kesemua Pertuduhan di dalam kes 61R-14&15-09/2016:

Keterangan SP22 yang disokong oleh keterangan-keterangan SP2, SP3, SP20 dan SP21 serta eksibit-eksibit dokumen P11, P52, P52A, D53, P54, P54A dan P55.

[G] ISU-ISU LAIN YANG BERBANGKIT

Pertuduhan Seksyen 16(a)(A) Yang Cacat dan Defektif

[128] Pihak Pembelaan telah membangkitkan isu kesemua pertuduhan di bawah Seksyen 16(a)(A) adalah cacat dan defektif kerana pertuduhan menyatakan OKT menerima upah daripada SP44 Pemilik Syarikat Cahaya Enterprise kerana membantu mendapatkan projek Kerja Pembaikan Bangunan dan Pagar Keselamatan sedangkan yang memenangi tender tersebut adalah Syarikat Jeram Mulia Enterprise. Menurut Pembelaan Pihak Pendakwaan gagal dalam memasukkan nama syarikat yang sebenar yang memenangi salah satu projek dalam pertuduhan iaitu Projek Kerja Pembaikan Bangnan dan Pagar Keselamatan di Maktab PDRM dan seterusnya gagal mematuhi Seksyen 156 KTJ.

[129] Pada pendapat Mahkamah ia adalah dakwaan yang tidak berasas. Pertuduhan tersebut adalah sah dan teratur serta telah mematuhi kehendak seksyen 152 Kanun Tatacara Jenayah tentang bentuk pertuduhan, butir-butir mengenai masa, tempat dan orang dan bila cara melakukan kesalahan mesti dinyatakan. Pertuduhan tersebut jelas menunjukkan butir-butir kesalahan yang telah dilakukan.

[130] Adalah tidak dinafikan OKT telah menggunakan syarikat kepunyaan SP44 dalam mendapatkan kerja-kerja tersebut dan SP44 telah memberi keterangan dalam mahkamah bagaimana syarikat beliau telah digunakan oleh OKT. Berhubung syarikat Jeram Mulia pula ia telah dijelaskan oleh SP44 dan juga tuan punya syarikat SP15 bagaimana syarikat tersebut digunakan dalam mendapatkan tender.

[131] Mahkamah berpendapat OKT tidak dikelirukan dengan pertuduhan yang dikemukakan kepada beliau. Isu yang penting dalam perbicaraan ini ialah OKT telah menggunakan kedudukan beliau sebagai Penolong Jurutera di Maktab Teknik PDRM bagi membantu SP44 mendapatkan projek-projek yang dinyatakan dalam pertuduhan dan seterusnya mendapat upah dari bantuan yang telah diberikan. Saksi-saksi pendakwaan terutamanya SP44 telah menjelaskan secara terperinci bagaimana peranan yang dimainkan oleh OKT bagi mendapatkan kerja-kerja yang ditawarkan dan kegagalan memasukkan nama syarikat Jeram Mulia tidak mejejaskan kes pihak Pendakwaan kerana ia hanya melibatkan satu satu projek sahaja.

[132] Mahkamah ini juga mendapati dakwaan pertuduhan yang defektif tidak pernah dibangkitkan oleh peguam bela pada peringkat awal perbicaraan dan isu ini hanya dibangkitkan semasa hujahan di akhir peringkat pendakwaan. Mahkamah mendapati dakwaan pertuduhan defektif yang didakwa oleh peguam bela tidak mengakibatkan berlaku apa-apa kegagalan keadilan atau salah laksana keadilan (*failure of justice or miscarriage of justice*). Sekiranya terdapat apa-apa kesilapan atau ketinggalan dalam pertuduhan tersebut sepertimana yang didakwa oleh peguam bela, mahkamah ini berpendapat peruntukan seksyen 165 KTJ atau Seksyen 422 KTJ boleh diguna pakai, yang dinyatakan seperti berikut:

S. 156 Kesan kesilapan

Kesilapan dalam menyatakan, sama ada kesalahan atau butir-butir yang dikehendaki disebutkan dalam pertuduhan itu, dan ketinggalan daripada memperihalkan kesalahan atau butir-butir itu tidak boleh dianggap pada mana-mana peringkat kes itu, sebagai material, kecuali tertuduh itu sebenarnya telah terkeliru oleh sebab kesilapan atau ketinggalan itu.

S. 422 Luar aturan tidak membatalkan prosiding

Tertakluk kepada peruntukan yang terkandung dalam Bab ini tiada pendapat, hukuman atau perintah yang telah dijatuhkan atau dibuat oleh mahkamah yang mempunyai bidang kuasa kompeten hendaklah diakas atau ditukar dengan sebab –

- (a) apa-apa kesilapan, ketinggalan, atau luar aturan dalam aduan, sanksi, keizinan, saman, waran, pertuduhan, penghakiman atau prosiding lain sebelum atau semasa perbicaraan atau dalam apa-apa siasatan atau prosiding lain di bawah Kanun ini;*
- (b) ketiadaan apa-apa sanksi; atau*
- (c) penerimaan atau penolakan yang tidak wajar apa-apa keterangan, melainkan jika kesilapan, ketinggalan, luar aturan, ketiadaan, atau penerimaan atau penolakan yang tidak wajar keterangan tersebut telah mengakibatkan kegagalan dari segi keadilan.*

Lorensus Tukan v. Public Prosecutor [1988] 1 MLJ 251; [1988] 1 CLJ 143, Kiew Foo Mui & Ors v. Public Prosecutor [1996] 1 CLJ 14; [1995] 3 MLJ 505,

[133] Atas alasan tersebut mahkamah memutuskan hujah yang dibangkitkan oleh pihak Pembelaan tersebut adalah tidak bermerit dan ditolak.

Isu Mengenai Keterangan Rakan Sejenayah

[134] Rujukan adalah juga dibuat kepada peruntukan **seksyen 52 ASPRM** yang menyatakan seperti berikut:

52. Keterangan rakan sejenayah dan ejen provokasi

(1) *Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis atau rukun undang-undang yang berlawanan, dalam mana-mana prosiding terhadap mana-mana orang atas sesuatu kesalahan di bawah Akta ini—*

(a) *tiada saksi boleh dianggap sebagai rakan sejenayah hanya semata-mata kerana saksi itu telah—*

(i) *menyetujui terima, menerima, memperoleh, meminta, bersetuju untuk menyetujui terima atau menerima, atau cuba untuk memperoleh apa-apa suapan daripada mana-mana orang;*

(ii) *memberikan, menjanjikan, menawarkan atau bersetuju untuk memberikan apa-apa suapan; atau*

(iii) *telah dengan apa-apa cara terlibat dalam pelakuan kesalahan itu atau tahu tentang pelakuan kesalahan itu;*

[135] Adalah jelas melalui peruntukan subperenggan 52(1)(a)(ii) Akta SPRM 2009 tersebut bahawa fakta yang menunjukkan SP44 telah bersekongkol dengan OKT dalam melakukan rasuah semata-mata tidak menjadikan SP44 sebagai rakan sejenayah OKT. Ini bermakna keterangan SP44 hendaklah dinilai seperti keterangan saksi biasa yang lain. Jikapun SP44 hendak dianggap sebagai rakan sejenayah OKT, subseksyen 52(2) Akta SPRM 2009 pula dengan jelasnya memperuntukkan dua prinsip yang terpakai iaitu:-

(i) *“a conviction for any offence under this Act solely on the uncorroborated evidence of any accomplice or agent provocateur shall not be illegal”*; dan

- (iii) *“no such conviction shall be set aside merely because the court which tried the case has failed to refer in the grounds of its judgment to the need to warn itself against the danger of convicting on such evidence “.*

[136] Kedudukan keterangan seseorang saksi yang terlibat dalam perlakuan kesalahan di bawah undang-undang berkaitan rasuah telah dijelaskan dengan terperinci oleh Ahmad Maarop HMT (pada ketika itu) dalam *PP lwn. Rahiman Selamat & Kes Yang Lain* [2003] 1 LNS 754; [2015] 3 CLJ 92. Peruntukan Seksyen 52 Akta SPRM 2009 ini hampir sama keseluruhan peruntukannya dengan Seksyen 44 Akta Pencegahan Rasuah 1997 (“APR 1997”), yang dibincangkan dalam *Rahiman Selamat* itu. Oleh itu prinsip yang dijelaskan dalam kes itu adalah terpakai bagi maksud Seksyen 52 Akta SPRM 2009. Dalam kes *Rahiman Selamat*, Mahkamah juga telah membincangkan secara mendalam mengenai perbezaan antara peruntukan Seksyen 44 APR 1997, yang merupakan undang-undang mengenai rasuah yang terpakai pada waktu itu, dengan Seksyen 18 Akta Pencegahan Rasuah 1961 yang digantikan oleh APR 1997. Prinsip pertama yang diputuskan *Rahiman Selamat* adalah sebagaimana berikut:-

[57] *... APR 1997 tidak mengekalkan peruntukan di bawah s. 18 APR 1961. Sebaliknya, APR 1997 telah mengadakan peruntukan di bawah s. 44. Seperti yang dapat dilihat, peruntukan di bawah s. 44(1)(a) APR 1997 adalah jauh lebih luas dari peruntukan di bawah s. 18 APR 1961....*

[58] *Perkataan-perkataan “telah dengan apa-apa cara terlibat dalam perlakuan kesalahan itu atau tahu tentang perlakuan kesalahan itu” yang jelas di bawah s. 44(1)(a)(iii) APR 1997 itu adalah amat luas makna dan jangkauannya. Tiada terdapat kesamaran di dalam perkataan-perkataan yang telah digunakan itu. Di dalam mentafsir sesuatu akta Parlimen, di mana*

perkataan-perkataan yang digunakan adalah jelas, maka kaedah tafsiran literal dan strict hendaklah digunakan. (Lihat Malayan Banking Bhd v. The International Tin Council & anor & Another case [1989] 2 CLJ 961; [1989] 1 CLJ (Rep) 87; [1989] 3 MLJ 286, di ms. 288 (SC), Becke v. Smith [1836] 2 M & W 191, ms. 199, Sukma Darmawan Sasmitaat Madja v. Ketua Pengarah Penjara Malaysia & Anor [1999] 2 CLJ 707; [1999] 2 MLJ 241 (FCJ)). Oleh itu dalam mentafsir s. 44(1)(a) APR 1997 kaedah tafsiran yang wajar digunakan ialah kaedah tafsiran literal dan strict. Dalam penghakiman saya peruntukan itu membawa erti bahawa penglibatan seseorang itu dalam pelakuan kesalahan itu dengan apa-apa jua cara sekali pun tidak menjadikannya seorang rakan sejenayah.”

[137] Prinsip kedua yang diputuskan dalam *Rahiman Selamat* adalah ekoran peruntukan undang-undang mengenai rasuah yang menetapkan bahawa penglibatan seseorang dalam pelakuan kesalahan di bawah undang-undang mengenai rasuah itu tidak menjadikannya seorang rakan sejenayah, maka peruntukan Seksyen 133 Akta Keterangan mengenai penerimaan keterangan rakan sejenayah yang tidak disokong adalah tidak terpakai. Perenggan yang berkenaan dalam keputusan Ahmad Maarop HMT (pada ketika itu) dalam *Rahiman Selamat* (*supra*) mengenai perkara ini yang digunapakai oleh Mahkamah ini adalah seperti berikut:-

“[59] Dengan menggunakan perkataan-perkataan “walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis atau rukun undang-undang yang berlawanan” di bawah s. 44(1) APR 1997, peruntukan di bawah seksyen tersebut mengatasi mana-mana undang-undang yang lain (Undang-undang bertulis dan rukun undang-undang yang berlawanan). Di bawah s. 44(1)(a) APR 1997, perbezaan di antara seorang yang hanya telah membuat “improper payment” dengan seorang yang telah melakukan apa

yang dikategorikan sebagai “some more infamous part” dalam sesuatu transaksi pemberian suapan secara rasuah, yang dijelaskan dalam kes Daimon Banda v. PP, nampaknya tidak lagi terpakai. Sama ada seseorang itu hanya telah membuat “improper payment” atau telah melakukan apa yang dikategorikan sebagai “some more infamous part”, atau telah dengan apa-apa cara terlibat dalam perlakuan kesalahan itu, dia tidak boleh dianggap sebagai rakan sejenayah. Jika seseorang itu tidak boleh dianggap rakan sejenayah, maka peruntukan di bawah s. 133 Akta Keterangan 1950 dan rukun undang-undang yang diputuskan oleh penghakiman-penghakiman mahkamah tentang kaedah-kaedah penerimaan keterangan rakan sejenayah yang tidak disokong tidak lagi terpakai.”

[138] Berdasarkan alasan-alasan di atas, Mahkamah memutuskan hujah pihak pembelaan bahawa SP44 adalah rakan sejenayah adalah tidak bermerit dan ditolak.

Anggapan Seksyen 50 ASPRM 2009 Terpakai Bagi Pertuduhan Seksyen 16(a)(A) ASPRM 2009 Dan Seksyen 165 Kanun Keseksaan

[139] Sehubungan dengan itu bagi pertuduhan-pertuduhan bagi kesalahan di bawah Seksyen 16(a)(A) ASPRM 2009 dan Seksyen 165 Kanun Keseksaan, adalah dapatan mahkamah bahawa peruntukan anggapan di bawah Seksyen 50 ASPRM 2009 adalah terpakai setelah pihak pendakwaan berjaya membuktikan tertuduh telah menerima benda berharga.

[140] Seksyen 50(3) ASPRM 2009 menyatakan:-

50. Anggapan dalam kesalahan tertentu

- (3) Jika dalam mana-mana prosiding terhadap mana-mana orang atas sesuatu kesalahan di bawah seksyen 165 Kanun Keseksaan adalah dibuktikan bahawa orang itu telah menyetuju terima atau cuba untuk memperoleh apa-apa benda berharga tanpa balasan atau dengan balasan yang orang itu tahu tidak memadai, orang itu hendaklah dianggap telah berbuat demikian dengan mengetahui hal keadaan yang dinyatakan dalam butir kesalahan itu, melainkan jika akasnya dibuktikan.

[141] Dengan pemakaian peruntukan anggapan undang-undang di bawah seksyen 50(3) ASPRM, beban untuk membuktikan akasnya adalah berpindah kepada pihak pembelaan yang perlu mematahkannya pada tahap imbangan kebarangkalian. Prinsip-prinsip di dalam kes *Attan bin Abdul Gani v. PP* [*supra*], *PP v. Yuvaraj* [*supra*] dan *Ravindran a/l Kandasamy v. PP* [*supra*] sepertimana yang telah diujahkan terdahulu adalah terpakai juga di sini.

[142] Pada peringkat bagi membuktikan suatu pertuduhan bagi kesalahan di bawah Seksyen 165 Kanun Keseksaan, tiada keperluan bagi pihak pendakwaan untuk membuktikan elemen niat rasuah. Rujukan kepada teks-teks undang-undang yang telah dinyatakan di atas serta penghakiman di dalam kes *Zaini Nyak Othman v. PP* [*supra*] yang menyatakan:

“Di bawah s. 165, pihak pendakwa, tidak perlu membuktikan adanya elemen rasuah”

[143] Adalah dapatan mahkamah bahawa kesemua saksi-saksi yang telah menyatakan mereka telah menyerahkan wang tunai dan barang-barang binaan rumah yang telah diterima oleh tertuduh sendiri tersebut adalah saksi-saksi yang kompeten di bawah Seksyen 118 Akta Keterangan 1950 dan tiada keperluan di dalam undang-undang supaya

keterangan mereka disokong oleh apa-apa keterangan sokongan yang lain.

[144] Berhubung kredibiliti saksi utama pendakwaan SP44, hampir keseluruhan pertuduhan terhadap OKT amat bergantung kepada keterangan SP44. Mahkamah mendapati kredibiliti SP44 apabila diuji dengan keterangan saksi pendakwaan yang lain serta dokumen yang berkaitan jelas menunjukkan SP44 adalah seorang saksi yang kredibel boleh dipercayai.

[H] KESIMPULAN

[145] Setelah Mahkamah mempertimbangkan segala keterangan saksi-saksi pihak Pendakwaan serta hujah-hujah kedua-dua belah pihak, berdasarkan penilaian maksima, Mahkamah memutuskan pihak Pendakwaan telah berjaya membuktikan kes *prima facie* terhadap kesemua lapan pertuduhan utama di bawah Seksyen 16(a)(A) ASPRM 2009. Dengan itu mahkamah memanggil OKT untuk membuat pembelaan terhadap kesemua lapan pertuduhan tersebut.

Pembuktian Pertuduhan-Pertuduhan Di Bawah AMLATFPUAA 2001

[146] Di dalam kes-kes No. MA-61R-5-03/2019, MA-61R-6-03/2019 dan MA-61R-7-03/2019, tertuduh telah dituduh dengan sembilan pertuduhan kesalahan-kesalahan pengubahan wang haram di bawah Seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan Dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA).

[147] **Seksyen 4(1) AMLATFPUAA** menyatakan seperti berikut:-

4. Kesalahan perubahan wang haram.

(1) Mana-mana orang yang –

- (a) melibatkan diri, secara langsung atau tidak langsung, dalam transaksi yang melibatkan hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan;*
- (b) memperoleh, menerima, memiliki, menyembunyikan, memindahkan, mengubah, menukar, membawa, melupuskan atau menggunakan hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan;*
- (c) mengalihkan dari atau membawa masuk ke dalam Malaysia, hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan; atau*
- (d) merahsiakan, menyembunyikan atau menghalang pemastian sifat sebenar, sumber, lokasi, pergerakan, pelupusan, hakmilik, hak berkenaan dengan, atau pemunyaan, hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan, melakukan kesalahan perubahan wang haram dan apabila disabitkan boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima belas tahun dan juga boleh didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan itu pada masa kesalahan itu dilakukan atau lima juta ringgit, yang mana yang lebih tinggi.*

[148] “Hasil daripada aktiviti haram” ditafsirkan di dalam **Seksyen 3 AMLATFPUAA** sebagai:-

“Hasil **daripada aktiviti haram**” ertinya mana-mana harta, atau apa-apa kelebihan ekonomi atau keuntungan ekonomi daripada harta itu, di dalam atau di luar Malaysia:-

- (a) yang keseluruhannya atau sebahagiannya—
 - (i) diperoleh atau didapati, secara langsung atau tidak langsung, oleh mana-mana orang daripada apa-apa aktiviti haram;
 - (ii) diperoleh atau didapati daripada pelupusan atau urusan lain dengan harta yang disebut dalam subperenggan (i); atau
 - (iii) diperoleh dengan menggunakan harta yang diperoleh atau didapati oleh mana-mana orang melalui mana-mana pelupusan atau urusan lain yang disebut dalam subperenggan (i) atau (ii); atau
- (b) yang, keseluruhannya atau sebahagiannya, disebabkan oleh apa-apa hal keadaan seperti sifat, nilai, lokasi atau tempat penemuannya, atau masa, cara atau tempat pemerolehannya, atau orang yang daripadanya harta itu diperoleh, atau perkaitannya dengan harta lain yang disebut dalam subperenggan (a)(i), (ii) atau (iii), boleh dengan semunasabahnya dipercayai adalah harta yang termasuk dalam ruang lingkup subperenggan (a)(i), (ii) atau (iii).

[149] Manakala “aktiviti haram” itu sendiri pula diberikan tafsiran seperti berikut di bawah Seksyen 3 AMLATFPUAA:

“**Aktiviti haram**” ertinya:-

- (a) apa-apa aktiviti yang merupakan mana-mana kesalahan berat atau mana-mana kesalahan berat asing; atau
- (b) apa-apa aktiviti yang bersifat sedemikian, atau yang berlaku dalam hal keadaan sedemikian, yang aktiviti itu mengakibatkan atau menyebabkan pelakuan mana-mana kesalahan berat atau mana-mana kesalahan berat asing, tidak kira sama ada aktiviti itu, keseluruhannya atau sebahagiannya, berlaku di dalam atau di luar Malaysia;

[150] Apakah yang menjadi “kesalahan berat”? Menurut tafsiran di dalam Seksyen 3 AMLATFPUAA, ia bermaksud:-

“Kesalahan berat” ditakrifkan sebagai:-

- (a) mana-mana kesalahan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua;
- (b) percubaan untuk melakukan mana-mana kesalahan itu; atau
- (c) persubahatan mana-mana kesalahan itu.

[151] Berdasarkan tafsiran di atas serta merujuk kepada Jadual Kedua AMLATFPUAA 2001, adalah dapatan mahkamah bahawa kesalahan-kesalahan di bawah Seksyen 16(a) ASPRM 2009 dan di bawah Seksyen 165 Kanun Keseksan yang dihadapi oleh tertuduh adalah “kesalahan berat” sebagaimana kehendak AMLATFPUAA 2001.

[I] BEBAN PEMBUKTIAN

[152] Beban pembuktian di akhir kes Pendakwaan bagi pertuduhan-pertuduhan kesalahan di bawah AMLATFPUAA adalah pada tahap “*prima facie*” berdasarkan kepada **Seksyen 173(f) Kanun Tatacara Jenayah**.

[153] Walau bagaimanapun, Seksyen 70 AMLATFPUAA 2001 menyatakan:-

70. Standard pembuktian

- (1) Apa-apa persoalan fakta yang diputuskan oleh mahkamah dalam prosiding di bawah Akta ini hendaklah diputuskan berdasarkan imbangan kebarangkalian.
- (2) Subseksyen (1) tidak terpakai berhubung dengan apa-apa persoalan fakta yang hendak dibuktikan oleh pihak pendakwaan dalam mana-mana prosiding bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiari di bawahnya.

[154] Berdasarkan peruntukan seksyen ini, beban bagi pihak pendakwaan untuk membuktikan apakah “aktiviti haram” (*unlawful activity*) yang telah dilakukan oleh tertuduh hanyalah berdasarkan kepada standard imbangan kebarangkalian sahaja. Di dalam kes di hadapan Mahkamah sekarang, soalan yang perlu ditanya oleh Mahkamah yang mulia ini ialah adakah tertuduh telah buat atau tidak buat kesalahan-kesalahan memperoleh rasuah atau menerima barang berharga dengan tiada balasan daripada pihak yang ada kena-mengena dengan tugas beliau sebagai seorang penjawat awam?

[155] Mahkamah perlu menjawab soalan ini bukan pada standard *prima facie* atau melampaui keraguan munasabah tetapi pada tahap imbangan kebarangkalian sahaja. Tiada juga keperluan untuk satu sabitan bagi suatu kesalahan predikat dibuat terlebih dahulu sebelum Mahkamah yang mulia ini membuat kesimpulan mengenai perkara ini.

[156] Penghakiman Mahkamah Rayuan di dalam kes *Azmi Osman v. PP & Another Appeal* [2015] 9 CLJ 845 ada dinyatakan seperti berikut:-

“[33] It is clear to our mind that the offence as defined under s. 3 of the AMLATFA is aimed at any person who knowingly engages in proceeds of an unlawful activity. The offence is concerned with the proceeds of an unlawful activity. In other words, it is a post-predicate offence activity of knowingly dealing with the unholy fruits of an unlawful activity. As such, for such an offence of money laundering to stick on an accused person under s. 4(1)(a) of the AMLATFA, it is not necessary that he must first be convicted with the predicate serious offence from which the proceeds were derived. Section 4(2) of the AMLATFA expressly provides for that. That statutory provision is couched in the following terms: “A person may be convicted of an offence under subs. (1) irrespective of whether there is a conviction in respect of a serious offence or that a prosecution has been initiated for the commission of a serious offence or foreign serious offence.” His culpability that attracts criminality is premised upon the fact that he is knowingly concerned with the illegal proceeds from the unlawful activity.”

**Nota:* Rujukan undang-undang di dalam penghakiman tersebut adalah kepada AMLATFA 2001 iaitu Akta AMLATFPUAA yang asal sebelum ia dipinda dan mula berkuatkuasa pada 6 November 2014. Kedudukan undang-undang terkini mengenai tiadanya keperluan untuk sabitan bagi kesalahan predikat sebelum sabitan di bawah AMLATFPUAA dibuat adalah sepertimana digariskan di dalam seksyen 4(4) AMLATFPUAA yang menyatakan:

4. Kesalahan perubahan wang haram.

(1)

(2)

- (3)
- (4) Seseorang boleh disabitkan atas suatu kesalahan di bawah subseksyen (1) tanpa mengira sama ada terdapat suatu sabitan berkenaan dengan suatu kesalahan berat atau kesalahan berat asing atau suatu pendakwaan telah dimulakan bagi pelakuan suatu kesalahan berat atau kesalahan berat asing.

[157] Mengenai isu pembuktian kes-kes di bawah AMLATFPUAA serta bagaimana peruntukan seksyen 4(4) AMLATFPUAA telah digunakan oleh Mahkamah, kes *PP v. Gan Kiat Bend & Another case* [2011] 8 CLJ 951 yang telah diputuskan oleh Mahkamah Sesyen juga boleh dijadikan panduan. Di m/s 967 hingga 968 dan m/s 972 hingga 973 penghakiman kes tersebut telah dinyatakan:-

“In dealing with the ingredient of serious offence I am fully mindful of s. 4(2) of the AMLA which reads:

- (2) *A person may be convicted of an offence under subsection (1) irrespective of whether there is a conviction in respect of a serious offence or foreign serious offence or that a prosecution has been initiated for the commission of a serious offence or foreign serious offence.*

The effect of s. 4(2) of the AMLA is very wide and far reaching. Section 4(2) clearly provides that both the accused or for that matter any person need not to be charged for the commission of a serious offence. Even if the accused or any person is charged for such an offence it need not be that the accused or the person charged must be convicted of the serious offence for purposes of the s. 4(1) of the AMLA offence. What is required for purposes of s. 4(1) of the AMLA is that the unlawful act in the serious offence such as an act of forgery, forgery of a valuable security,

using as genuine a forged document or cheating is committed is sufficient. In other words, there is no requirement to prove who committed the serious offence or that the person who committed it must be charged or convicted of that offence. However drastic s. 4(2) of the AMLA may sound this is the intention of the legislature. The intended purpose of the anti money laundering laws is to recover proceeds obtained from any unlawful activity.”

[158] Kes *PP v. Gan Kiat Bend* telah dirujuk dan disahkan pada 30.8.2013 oleh Yang Arif Tuan Kamardin Hashim, Hakim Mahkamah Tinggi (2), Kuala Lumpur di dalam kes rayuan *Wong Pei Hur v. PP* (Kes Rayuan no.42(S)-62-05/2012) yang mana rayuan perayu/OKT juga adalah terhadap sabitan dan hukuman di bawah seksyen 4(1) AMLATFA 2001 telah ditolak oleh Mahkamah Tinggi dan keputusan Mahkamah perbicaraan dikekalkan.

[159] Keterangan saksi-saksi pendakwaan di dalam kes yang dibicarakan ini telah dengan jelas menyatakan tertuduh telah memperoleh suapan secara rasuah daripada SP44. Secara alternatif, tertuduh juga telah ditunjukkan menerima benda berharga dengan tiada balasan daripada SP44. Ini telah dibuktikan melalui keterangan SP44 dan saksi-saksi terlibat dalam pembuktian kes-kes predikat.

[160] Atas standard imbalan kebarangkalian, pihak pendakwaan telah berjaya menunjukkan yang tertuduh memang terlibat di dalam aktiviti haram, iaitu aktiviti memperoleh rasuah yang merupakan suatu kesalahan di bawah Seksyen 16(a) ASPRM 2009 dan menerima barang berharga dengan tiada balasan daripada pihak yang ada kena-mengena dengan tugas beliau sebagai seorang penjawat awam yang merupakan suatu kesalahan di bawah Seksyen 165 Kanun Keseksaan. Kedua-dua kesalahan ini adalah disenaraikan di dalam Jadual Kedua

AMLATFPUAA dan oleh itu ia adalah suatu “kesalahan berat” mengikut kehendak AMLATFPUAA.

Pembuktian Pertuduhan Pertama Dalam Kes 61R-5-03/2019

[161] Seterusnya SP46 yang bertugas sebagai pegawai Penyiasat telah menyatakan hasil siasatan beliau OKT telah menggunakan sebahagian wang yang diperolehi dari SP44 untuk tujuan pengubahsuaian rumah OKT.

Keterangan SP46:

*“..Berdasarkan keterangan saksi dan dokumen, saya percaya intipati di bawah Seksyen 4 (1) (b) AMLATFPUAA 2001 telah dibuktikan kerana Hairudin telah menggunakan sebahagian daripada RM400,000.00 untuk pengubah suaian di rumahnya iaitu di KM35, Kampung Parit Gantung, Sungai Rambai, Melaka. Antaranya ialah pembayaran tukang rumah iaitu kepada Tuyono sebanyak RM57,000.00, pembayaran bagi upah tukang kayu iaitu kepada Abdullah sebanyak RM38,000.00, pembayaran bagi upah mengecat iaitu kepada Mohd Azhar sebanyak RM8,000.00, pembayaran bagi naik taraf meter elektrik iaitu kepada Yahya sebanyak RM1,800.00, pembayaran bagi upah kerja pendawaian elektrik kepada Noorjura sebanyak RM11,048.20, pembayaran bagi pembelian penghawa dingin kepada Junizzan sebanyak RM7,050.00, pembayaran deposit lori CBL 7119 kepada Azmi Bin Ngadiman berjumlah RM30,000.00, pembayaran deposit lori JKY 5723 sebanyak RM10,000.00 dan juga pembayaran kepada Shabanu Binti Baba sebanyak RM25,000.00. Jumlah keseluruhan ialah **RM187,898.20.**”*

[162] Seterusnya melalui keterangan SP34 yang mengesahkan pada Januari 2017, OKT telah membayar sejumlah RM57,000.00 secara tunai kepada SP34 bagi membina dapur OKT di alamat KM35, Kampung Parit Gantung, 77400 Sungai Rambai, Melaka dan SP34 telah mengesahkan rumah tersebut setelah ditunjukkan gambar P84(a-j).

[163] Seterusnya SP35 mengesahkan beliau telah dihubungi oleh OKT untuk dilantik sebagai tuang rumah beliau dan OKT telah menyerahkan wang sebanyak RM57,000.00 dengan disaksikan oleh pekerja beliau bernama Guli, Ahmad dan Andri.

Keterangan SP35:

S : Teruskan dengan perenggan 7, Pernyataan Saksi kamu?

J : Kerja-kerja membina dapur tersebut mengambil masa 6 bulan hingga 7 bulan. Setiap bulan kami akan meminta bayaran kepada Encik Hairudin bagi kerja-kerja yang telah kami lakukan berjumlah lebih kurang RM8,000.00. RM8,000.00 ini merupakan upah saya dan 3 orang lagi rakan saya untuk kerja membina dapur rumah Hairudin.

Saya sahkan saya mengambil bayaran sebanyak RM8,000.00 daripada Encik Hairudin dari bulan pertama hingga bulan keenam. Namun pada bulan ketujuh, Encik Hairudin hanya membayar RM2,000.00 sahaja kerana beliau memerlukan wang untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri. Selepas raya, saya datang dan meminta Encik Hairudin membayar baki wang sebanyak RM6,000.00 lagi, namun beliau menyatakan bahawa pihak SPRM telah menjalankan siasatan ke atas beliau dan kesemua akaun beliau tidak ada duit lagi.

[164] Berdasarkan keterangan tersebut telah membuktikan jumlah RM57,000.00 adalah wang yang diambil oleh OKT dari hasil RM400,000.000 yang diberikan oleh SP44 kepada OKT.

Pembuktian Pertuduhan Kedua Dalam Kes 61R-5-03/2019

[165] Bagi pertuduhan tersebut pihak pendakwaan telah mengemukakan keterangan SP36 yang mengesahkan telah menerima pembayaran sebanyak RM 38,000.00 dari OKT secara tunai bagi upah bagi memasang kerja-kerja kayu di rumah OKT di Kampung Parit Gantung, Sungai Rambai Melaka.

Keterangan SP36:

J : Lebih kurang seminggu sebelum Aidilfitri, kerja-kerja lantai dan “frame” hampir siap dan Hairudin meminta saya untuk mengira jumlah keseluruhan kos. Saya mengatakan kepadanya jumlah keseluruhan kerja-kerja iaitu membuat kerja-kerja siling kayu, membuat siling gantung, tiang hiasan dan “skirting” kayu dan kerja-kerja lantai dan “frame” adalah sebanyak RM43,000.00. Pada hari yang sama juga, Hairudin telah memberikan saya wang RM7,000.00 untuk kerja yang dibuat oleh saya. Jumlah yang masih berbaki di tangan Hairudin ialah RM15,000.00.

Seingat saya, lebih kurang 2 hari sebelum Aidilfitri, saya berjumpa dengan Hairudin di rumahnya untuk mendapatkan lebih bayaran saya sebanyak RM15,000.00 kerana kerja-kerja saya telah siap sepenuhnya. Semasa perjumpaan tersebut, Hairudin meminta saya untuk mengurangkan harga tersebut kepada RM38,000.00. Saya

meminta masa untuk membuat pengiraan semula. Keesokan harinya, saya memaklumkan kepada Hairudin, saya bersetuju untuk mengurangkan harga kerja-kerja ini kepada RM38,000.00. Jadi, jumlah keseluruhan yang berbaki ialah RM10,000.00. Hairudin menjelaskan jumlah tersebut kepada saya secara tunai pada hari yang sama.

[166] Berdasarkan keterangan tersebut telah membuktikan jumlah RM 38,000.00 adalah wang yang diambil oleh OKT dari hasil RM 400,000.000 yang diberikan oleh SP44 kepada OKT.

Pembuktian Pertuduhan Ketiga Dalam Kes 61R-5-03/2019

[167] Bagi pertuduhan di atas SP37 telah mengesahkan pada bulan Mei 2017 beliau telah menerima wang dari OKT sebanyak RM8,000.00 bagi upah mengecat rumah kepunyaan OKT. di KM 35, Kampung Parit Gantung, Sungai Rambai Melaka.

Keterangan SP37:

J : Dalam tempoh 2 minggu setelah siap 80% kerja-kerja mengecat rumah Hairudin, Hairudin telah berjumpa dengan saya dan bertanya mengenai harga yang perlu dibayar olehnya setelah tolak wang pendahuluan RM3,000.00. Pada mulanya, saya menetapkan harga upah keseluruhan RM10,000.00, tetapi tidak dipersetujui oleh Hairudin kerana padanya terlalu mahal. Saya mengurangkan harga kepada RM8,000.00 dan dipersetujui oleh Hairudin.

Selesai kerja-kerja mengecat rumah Hairudin, Hairudin menjelaskan wang upah berbaki RM5,000.00 kepada saya

secara tunai sebelum raya. Seingat saya, wang upah RM8,000.00 yang saya peroleh itu, saya gunakan untuk membeli barang-barang cat lebih kurang RM4,500.00 dan upah pekerja sebanyak RM2,500.00 dan bakinya adalah keuntungan saya.

[168] SP37 telah mengesahkan gambar-gambar yang dikemukakan kepada beliau bahawa rumah yang terlibat adalah rumah kepunyaan OKT. Keterangan SP37 telah disokong dengan keterangan SP41 yang mengesahkan beliau bersama dengan SP37 telah melakukan kerja-kerja mengecat tersebut.

[169] Berdasarkan keterangan tersebut telah membuktikan jumlah RM8,000.00 adalah wang yang diambil oleh OKT dari hasil RM400,000.000 yang diberikan oleh SP44 kepada OKT.

Pembuktian Pertuduhan Keempat Dalam Kes 61R-6-03/2019

170] Berdasarkan keterangan SP34, beliau mengesahkan pada bulan Jun 2017 beliau telah menerima RM1,800.00 dari OKT sebagai bayaran perkhidmatan pengendorsan meter di rumah OKT di Kampung Parit Gantung, Sungai Rambai, Melaka. Keterangan SP34 tersebut telah disokong oleh keterangan SP42 yang telah memberikan perkhidmatan pengendorsan meter di rumah OKT.

Keterangan SP34:

S : Teruskan dengan perenggan 4, Pernyataan Saksi kamu itu?

J : Kesemua dokumen-dokumen ini diserahkan oleh Rosli kepada saya bagi tujuan permohonan kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB). Kemudian, saya hantar dokumen ini kepada TNB Sungai Rambai dan pihak TNB

mengeluarkan invois bagi tujuan pembayaran deposit yang diperlukan. Seingat saya ketika itu, rumah Hairudin ialah Lot Banglo dan deposit yang dikenakan oleh TNB ialah RM1,200.00.

Seterusnya saya tunjukkan invois tersebut kepada Hairudin sendiri dan saya juga kenakan caj perkhidmatan saya sebanyak RM600.00. Hairudin terus menyerahkan RM1,800.00 kepada saya untuk saya jelaskan bayaran bagi pihak Hairudin dan saya juga telah terima bayaran bagi perkhidmatan saya. Saya membuat bayaran di TNB Muar dan resit saya serahkan kepada Hairudin semula.

[171] Keterangan SP34 telah disokong oleh SP42 di mana SP42 telah mengesahkan bahawa SP34 telah memberikan perkhidmatan pengendorsan meter di rumah OKT. Berdasarkan keterangan tersebut telah membuktikan jumlah RM1,800.00 adalah wang yang diambil oleh OKT dari hasil RM 400,000.000 yang diberikan oleh SP44 kepada OKT.

Pembuktian Pertuduhan Kelima Dalam Kes 61R-6-03/2019

[172] Bagi pertuduhan ini pihak pendakwaan telah membuktikan OKT telah melibatkan diri dalam transaksi penggunaan wang tunai RM11,048.20 daripada aktiviti haram bagi pembayaran upah pendakwaan elektrik sebuah rumah beralamat di KM35, Kampung Parit Gantung, Sungai Rambai Melaka.

Keterangan SP11:

S : *Saya rujuk kepada kamu perenggan 15 d baris 5, Encik telah menyatakan; Setelah siap kerja elektrik di bangunan*

tersebut saya memberitahu kepada Encik Hairudin dan Encik Hairudin akan berhubung dengan kontraktor bagi projek tersebut. Tidak lama selepas itu Razali bin Sawon menelefon saya bertanyakan harga bagi kerja tersebut. Soalan saya, kenapa Razali Bin Sawon menelefon kepada Encik, boleh ceritakan semasa itu?

J : Semasa saya beritahu Encik Hairudin harga itu, selepas itu Razali telefon saya, tanya harga. Saya tidak tahu Razali itu siapa, dan pada masa dia membayar RM6,500.00 cek itu, saya ada bertanya kepada dia, kenapa dia bayar, tetapi dia tidak jawab. Saya tidak tahu kaitan dia dengan projek itu.

[173] Seterusnya SP46 yang bertugas sebagai pegawai Penyiasat telah menyatakan hasil siasatan beliau OKT telah menggunakan sebahagian wang yang diperolehi dari SP44 untuk tujuan pengubahsuaian rumah OKT.

Keterangan SP46:

“..Berdasarkan keterangan saksi dan dokumen, saya percaya intipati di bawah Seksyen 4 (1) (b) AMLATFPUAA 2001 telah dibuktikan kerana Hairudin telah menggunakan sebahagian daripada RM400,000.00 untuk pengubah suaian di rumahnya iaitu di KM35, Kampung Parit Gantung, Sungai Rambai, Melaka. Antaranya ialah pembayaran tukang rumah iaitu kepada Tuyono sebanyak RM57,000.00, pembayaran bagi upah tukang kayu iaitu kepada Abdullah sebanyak RM38,000.00, pembayaran bagi upah mengecat iaitu kepada Mohd Azhar sebanyak RM8,000.00, pembayaran bagi naik taraf meter elektrik iaitu kepada Yahya sebanyak RM1,800.00, pembayaran bagi upah kerja pendawaian elektrik kepada Noorjura sebanyak

*RM11,048.20, pembayaran bagi pembelian penghawa dingin kepada Junizzan sebanyak RM7,050.00, pembayaran deposit lori CBL 7119 kepada Azmi Bin Ngadiman berjumlah RM30,000.00, pembayaran deposit lori JKY 5723 sebanyak RM10,000.00 dan juga pembayaran kepada Shabanu Binti Baba sebanyak RM25,000.00. Jumlah keseluruhan ialah **RM187,898.20.**”*

Pembuktian Pertuduhan Keenam Dalam Kes 61R-6-03/2019

[174] Bagi pertuduhan ini OKT telah melibatkan diri transaksi penggunaan wang sebanyak RM7,050.00 bagi pembelian tiga unit penghawa dingin untuk sebuah rumah di KM 35, Kampung Parit Gantung, Sungai Rambai, Melaka.

[175] Mahkamah merujuk kepada keterangan SP46 yang menyatakan hasil siasatan beliau OKT terlibat dalam pembayaran penghawa dingin sebanyak RM7,050.00.

[176] Manakala SP10 yang terlibat memasang penghawa dingin tersebut dalam keterangan beliau menyatakan setelah beliau mendapat bayaran sebanyak RM 12,000.00 daripada Razali SP46 telah membuat pesanan penghawa dingin yang berkenaan.

Keterangan SP10 menyatakan:

J : Pada bulan November 2016, Encik Hairudin mengarahkan saya untuk mengambil sub kerja-kerja pemasangan penghawa dingin di Lapang Sasar Semi Indoor 25M Maktab Teknik PDRM Bakri Muar dan di Bangunan Pondok Pengawal Maktab Teknik PDRM Bakri Muar. Projek ini dijalankan oleh kontraktor daripada Syarikat SMR Cahaya Enterprise bagi Lapang Sasar Semi Indor

dan Jeram Mulia Enterprise bagi Bagunan Pondok Pengawal. Saya bersetuju untuk menerima kerja-kerja pemasangan penghawa dingin ini setelah saya membuat semakan harga di kedai.

Selepas itu, Encik Hairudin memaklumkan kepada saya untuk berurusan terus dengan Encik Razali iaitu daripada kontraktor SMR Cahaya Enterprise berkaitan dengan pembayaran 5 buah penghawa dingin ini. Saya membuat panggilan kepada Encik Razali dan memberitahu jumlah RM12,000.00 perlu disediakan bagi kerja-kerja sub pemasangan penghawa dingin ini dan dia bersetuju.

Saya telah menerima wang daripada Kontraktor Encik Razali secara berperingkat iaitu RM6,000.00 didepositkan ke dalam akaun bank Maybank saya dan RM6,000.00 lagi diberikan secara tunai melalui pekerja Encik Razali. Selepas saya menerima bayaran RM12,000.00 daripada Encik Razali, saya membuat pesanan sebanyak 5 buah penghawa dingin untuk dipasangkan di dua tempat projek ini.

Pembuktian Pertuduhan Ketujuh Dalam Kes 61R-7-03/2019

[177] Berdasarkan keterangan SP39 beliau mengesahkan pada bulan Mei 2017 OKT telah membayar beliau sebanyak RM 30,000.00 secara tunai sebagai deposit untuk membeli kenderaan jenama Hino No. Pendaftaran CBL 7119.

Keterangan SP39:

J : Selepas pembinaan tempat Rem Sawit ini telah siap dibina, Hairudin ada berjumpa dengan saya untuk meminta pertolongan saya bagi mencarikan sebuah lori bagi pengangkutan buah sawit. Pada masa yang sama, saya mencadangkan kepada Hairudin untuk beli lori yang didaftarkan di bawah syarikat iaitu SMR Cahaya Enterprise iaitu lori jenama HINO berwarna putih No. Pendaftaran CBL 7119 dengan harga RM50,000.00. Walaupun lori ini didaftarkan di bawah nama SMR Cahaya Enterprise, tetapi sebenarnya lori ini adalah milik saya kerana saya menggunakan nama Syarikat SMR Cahaya Enterprise untuk membuat pinjaman bank dan saya tetap membayar ansuran bulanan lori ini kepada Syarikat SMR Cahaya Enterprise. Hairudin memberitahu kepada saya dia bersetuju dan akan membuat bayaran permulaan RM30,000.00 dan baki RM20,000 lagi apabila lori tersebut diserahkan kepadanya.

[178] Seterusnya SP46 yang bertugas sebagai pegawai Penyiasat telah menyatakan hasil siasatan beliau OKT telah menggunakan sebahagian wang yang diperolehi dari SP44 untuk deposit pembayaran lori JKY 5723.

Keterangan SP46:

“..Berdasarkan keterangan saksi dan dokumen, saya percaya intipati di bawah Seksyen 4 (1) (b) AMLATFPUAA 2001 telah dibuktikan kerana Hairudin telah menggunakan sebahagian daripada RM400,000.00 untuk pengubah suaian di rumahnya iaitu di KM35, Kampung Parit Gantung, Sungai Rambai, Melaka. Antaranya ialah pembayaran tukang rumah iaitu kepada Tuyono sebanyak RM57,000.00, pembayaran bagi upah tukang kayu iaitu kepada Abdullah sebanyak RM38,000.00,

*pembayaran bagi upah mengecat iaitu kepada Mohd Azhar sebanyak RM8,000.00, pembayaran bagi naik taraf meter elektrik iaitu kepada Yahya sebanyak RM1,800.00, pembayaran bagi upah kerja pendawaian elektrik kepada Noorjura sebanyak RM11,048.20, pembayaran bagi pembelian penghawa dingin kepada Junizzan sebanyak RM7,050.00, pembayaran deposit lori CBL 7119 kepada Azmi Bin Ngadiman berjumlah RM30,000.00, pembayaran deposit lori JKY 5723 sebanyak RM10,000.00 dan juga pembayaran kepada Shabanu Binti Baba sebanyak RM25,000.00. Jumlah keseluruhan ialah **RM187,898.20.**”*

[179] Berdasarkan keterangan tersebut Pihak Pendakwan telah membuktikan jumlah RM 30,000.00 tersebut yang dibayar oleh OKT kepada SP39 sebagai deposit kenderaan Hino No. pendaftaran CBL 7119 adalah wang yang diberikan oleh SP44 kepada OKT sebanyak RM400.000.00 bagi tujuan membantu SP44 dalam membina dan mendapatkan projek-projek Maktab Teknik.

Pembuktian Pertuduhan Kelapan Dalam Kes 61R-7-03/2019

[180] Berdasarkan keterangan SP40 beliau mengesahkan pada bulan Jun 2017, OKT telah membayar RM 10,000.00 kepada SP40 secara tunai sebagai deposit membeli kenderaan jenama Daihatsu /Delta V116-ha No. Pendaftaran JKY 5723. Walaupun pembeli bagi kenderaan tersebut adalah isteri kepada OKT, keterangan yang ada membuktikan OKT yang telah membuat pembayaran sebanyak RM10,000.00 kepada SP40 sebagai Wang deposit pembelian kenderaan tersebut. Malahan OKT sendiri telah menjadi saksi dalam perjanjian pembelian kenderaan terlibat (P94).

Keterangan SP40:

S : Teruskan dengan perenggan 5, Pernyataan Saksi kamu itu?

J : Sekitar Mei 2017 saya berniat untuk menjual lori saya kerana lori tersebut tidak bersesuaian dengan kerja mengangkut buah sawit. Saya bercadang untuk membeli kargo bagi urusan perniagaan saya. Lori yang saya telah jual kepada Hairudin bernombor JKY 5723 jenama Daihatsu / Delta V116-HA. Lori tersebut dibeli oleh saya sejak Februari 2017 dan perancangan saya ialah menjualnya kepada Hairudin pada 2/6/2017. Walau bagaimanapun saya masih belum menukar hak milik lori tersebut ketika Hairudin mengambil lori JKY 5723 daripada saya kerana Hairudin belum menjelaskan bayaran penuh. Ketika lori tersebut masih di atas nama 'D'Urus Enterprise.

Saya telah menerima panggilan telefon sekitar penghujung Mei 2017 dari Hairudin. Semasa perbincangan tersebut, saya telah membuka tawaran bagi menjual lori tersebut dengan harga RM40,000.00. Setelah perbincangan tersebut, akhirnya saya bersetuju dengan harga yang Hairudin tawarkan bagi pembelian lori tersebut dengan kadar harga RM37,000.00. Namun begitu, Hairudin hanya bersetuju membeli lori tersebut dengan ansuran sahaja bersama deposit sebanyak RM10,000.00. Saya setuju dengan cadangan Hairudin. Saya telah meminta Hairudin menyediakan surat perjanjian bagi pembelian lori dan akan berjumpa dengan Hairudin pada masa akan datang. Selepas itu perbualan telefon tamat. Surat perjanjian antara saya dan juga Hairudin telah disediakan oleh Hairudin sendiri.

[181] Berdasarkan transaksi P94 membuktikan terdapatnya perjanjian jual beli yang melibatkan nama isteri OKT digunakan. Walaupun OKT hanya sebagai saksi tetapi bayaran yang dibuat adalah menggunakan wang yang diberikan oleh OKT sendiri kepada SP40 sebagai deposit bagi membeli kenderaan jenama Daihatsu No. Pendaftaran JKY 5723.

[182] Berdasarkan keterangan tersebut telah membuktikan jumlah RM10,000.00 adalah wang yang diambil oleh OKT dari hasil RM400,000.000 yang diberikan oleh SP44 kepada OKT.

Pembuktian Pertuduhan Kesembilan Dalam Kes 61R-7-03/2019

[183] Bagi pertuduhan di atas SP43 mengesahkan pada 22 Jun 2017, OKT telah membayar RM 25,000.00 kepada sayarikat Jujur Restu Enterprise kepunyaan isteri SP43 untuk membantu OKT menyelesaikan kes rasuah yang beliau hadapi.

Keterangan SP43:

J : Berkaitan kes ini, saya mengaku ada meminta RM25,000.00 daripada Hairudin Bin Ngadiron. Seingat saya, saya minta wang ini seminggu sebelum Hari Raya Aidilfitri. Saya minta wang ini daripada Hairudin kerana mahu membantu Hairudin berkaitan dengan kes SPRM. Saya mengaku saya mengambil kesempatan ke atas Hairudin dan mahu membalas dendam. Saya tahu dia mempunyai wang yang banyak.

Hairudin ada menelefon saya sebelum bulan puasa. Dia beritahu saya dia sedang menghadapi masalah. Pemilik Syarikat SMR Cahaya Enterprise iaitu Razali Bin Sawon sedang disiasat oleh SPRM. Dia beritahu saya dia takut

ada mempunyai hubung kait dengan masalah tersebut dan minta bantuan saya sekiranya saya dapat membantu dia menyelesaikan masalah itu. Oleh kerana saya berdendam dengannya saya ambil kesempatan untuk menipu.

Sehari selepas saya beritahu dia saya boleh cuba membantu menyelesaikan masalah dia, dia ada menghubungi saya melalui panggilan telefon minta nombor akaun bank. Saya memberi nombor akaun Maybank Syarikat Jujur Restu Enterprise iaitu nombor: 564548137742. Syarikat Jujur Restu Enterprise adalah milik isteri kedua saya. Syarikat ini menjalankan perniagaan yang melibatkan kerja-kerja pembersihan, pembaikan dan penyelenggaraan bangunan.

Saya beri dia nombor akaun syarikat isteri saya kerana saya hanya mempunyai satu akaun bank sahaja yang saya gunakan untuk kemasukan gaji dan elaun iaitu di Bank Simpanan Nasional (BSN). Pada hari yang sama juga, seingat saya petang, Hairudin memberitahu saya dia sudah memasukkan RM25,000.00 ke dalam akaun Jujur Restu Enterprise. Hairudin ada menghantar gambar slip kemasukan duit melalui aplikasi whatsapp. Selepas itu, saya tidak lagi menghubunginya.

[184] Transaksi tersebut telah disokong dengan keterangan SP43 yang menyatakan jumlah Wang RM 25,000.00 telah dibayar kepada beliau bagi menyelesaikan kes rasuah OKT.

Inferens di bawah peruntukan seksyen 4(2)(a) AMLATFPUAA

4. Kesalahan pengubahan wang haram.

(1)

- (2) Bagi maksud subseksyen (1), boleh disimpulkan daripada mana mana hal keadaan hakikat objektif bahawa:-
- (a) orang itu tahu, mempunyai sebab untuk mempercayai atau mempunyai syak yang munasabah bahawa harta itu ialah hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan; atau
 - (b) orang itu tanpa alasan yang munasabah tidak mengambil langkah yang munasabah untuk menentukan sama ada atau tidak harta itu ialah hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan.

[185] Adalah dapatan Mahkamah bahawa penggunaan inferens di bawah peruntukan Seksyen 4(2)(a) AMLATFPUAA ini bukanlah untuk membuktikan elemen “hasil daripada aktiviti haram” tetapi sekadar untuk membuktikan pengetahuan ataupun *mens rea* tertuduh. Keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan dan juga keterangan-keterangan dokumentar yang dikemukakan telah pun memadai untuk Mahkamah membuat inferens bahawa tertuduh sebenarnya mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa wang-wang dan barang-barang pembinaan rumah yang OKT terima adalah hasil daripada aktiviti haram iaitu memperoleh suapan secara rasuah yang merupakan suatu kesalahan di bawah Seksyen 16(a)(A) ASPRM 2009 dan menerima barang berharga dengan tiada balasan daripada pihak yang ada kena-mengena dengan tugas beliau sebagai seorang penjawat awam yang merupakan suatu kesalahan di bawah Seksyen 165 Kanun Keseksaan.

[186] Berdasarkan keterangan-keterangan yang ada, Mahkamah membuat inferens menggunakan peruntukan Seksyen 4(b) AMLATFPUAA bahawa tertuduh tanpa alasan yang munasabah telah tidak mengambil langkah yang munasabah untuk menentukan sama ada atau tidak wang-wang dan barang berharga yang beliau terima

adalah hasil daripada aktiviti haram yang beliau terima dari SP44 sebagai upah dalam dalam membida atau mendapatkan projek-projek yang terlibat yang merupakan kesalahan di bawah seksyen 16(a)(A) ASPRM 2009 dan Seksyen 165 Kanun Kesiksaan yang merupakan kesalahan berat dalam jadual kedua Akta AMLA. Wang tersebut telah digunakan oleh OKT untuk membuat pembayaran bagi pembinaan rumah OKT dan juga membayar deposit bagi kenderaan-kenderaan tersebut.

[187] Penghakiman Mahkamah Rayuan di dalam kes *Azmi Osman v. PP & Another Appeal* [*supra*] ada dinyatakan seperti berikut:-

“[35] As was alluded to earlier, it is immaterial that he, or for that matter anyone, is not convicted for the predicate serious offence. It is money laundering, for example, if he engages in any manner involving proceeds of an unlawful activity if he, without reasonable excuse, fails to take steps to ascertain whether or not the property is the proceeds of an unlawful activity. The law recognises the difficulty that the investigation may face in absolutely establishing the direct nexus between the accused and the illegal proceeds from the unlawful activity. That was the reason as to why the definition of money laundering has been couched in the manner that appears under s. 3 of the AMLATFA in which para. (aa) imputes knowledge of the proceeds being from an unlawful activity viewed from an objective factual circumstance, and under para. (bb) in respect of a natural person, his conduct, where he had without reasonable excuse failed to take steps to ascertain that the monies are not proceeds of an unlawful activity, namely a duty is cast on him to take steps to ascertain the nature of the proceeds, in terms of their lawfulness or legitimacy. With respect, we agree with the learned deputy on this issue on the

true effect of paras. (aa) and (bb) being the mens rea element in the definition of money laundering under s. 3 of the AMLATFA.

*[36] Those paras. (aa) and (bb) define the mens rea necessary to turn the preceding actus reus (conduct) into a money laundering offence. It does not excuse wilful blindness on the part of the accused person. There is no room for safe harbours, where proceeds of an unlawful activity may find itself quietly nestling in so-called bank accounts of “innocent” account holders. A bank account holder must be vigilant and must take steps to ensure that monies that are received in his account are not proceeds of any unlawful activity and that he knows that the source of those monies is lawful, lest he runs afoul of AMLATFA and runs the risk of being charged for an offence of money laundering. The doctrine of wilful blindness imputes knowledge to an accused person who has his suspicion aroused to the point where he sees the need to inquire further, but he deliberately chooses not to make those inquiries. Professor Glanville Williams has succinctly described such a situation as follows: “He suspected the fact; he realised its probability but he refrained from obtaining the final confirmation because he wanted in the event to be able to deny knowledge. This, and this alone is wilful blindness.” (Glanville Williams, *Criminal Law* 157, 2nd edn, 1961). Indeed, in the context of anti-money laundering regime, feigning blindness, deliberate ignorance or wilful ignorance is no longer bliss. It is no longer a viable option. It manifests criminal intent.”*

**Nota:* Rujukan undang-undang di dalam penghakiman tersebut adalah kepada AMLATFA 2001 iaitu Akta AMLATFPUAA yang asal sebelum ia dipinda dan mula berkuatkuasa pada 6 November 2014. Kedudukan undang-undang terkini bagi

seksyen 3 (aa) dan (bb) AMLATFA adalah sepertimana digariskan di dalam seksyen 4(2)(a) dan (b) AMLATFPUAA.

[188] Mengenai persoalan bagaimana suatu inferens boleh dibuat oleh Mahkamah, rujukan dibuat kepada kes kes yang telah diputuskan oleh Mahkamah Rayuan iaitu *Ang Kok San v. Pendakwa Raya* [2013] 1 LNS 181 di m/s 13, para [28] yang menyatakan:-

“On the issue of how inferences are to be drawn, the same learned judge in a subsequent decision of PP v. Reza Mohd Shah b. Ahmad Shah [2002] 4 MLJ 13 observed as follows:

“Thus, in drawing inferences from proved facts, the court is entitled to infer knowledge on the part of a person on the assumption that such a person has the ordinary understanding expected of him. The court is not concerned with the knowledge of a reasonable man but with reasonable inferences to be drawn from a situation. There are many circumstances from which knowledge can be inferred. One instance is the inference to be drawn from the act of a person absconding or fleeing from the scene of a crime.”

[189] Sebagaimana kehendak Seksyen 70(1) AMLATFPUAA yang telah digariskan di atas, persoalan fakta ini iaitu sama ada harta-harta tersebut adalah hasil daripada aktiviti haram atau tidak hendaklah diputuskan oleh Mahkamah yang mulia ini berdasarkan standard *on a balance of probabilities* atauimbangan kebarangkalian.

Isu Mengenai Pertuduhan AMLATFPUAA Yang Cacat Dan Defektif

[190] Berhubung dengan pertuduhan yang melibatkan kesalahan Seksyen 4(1) (b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram Pencegahan Pembiayaan Keganasan Dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001, Pihak Pembelaan membangkitkan isu pertuduhan sepatutnya dilakukan di bawah seksyen 4(1)(a) AMLA dan bukannya Seksyen 4(1)(b). Ini adalah kerana seksyen 4 membahagikan kesalahan kepada a, b, c, dan d.

4(1) Mana-mana orang yang-

- (a) melibatkan diri, secara langsung atau tidak langsung, dalam transaksi yang melibatkan hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan;*
- (b) memperoleh, menerima, memiliki, menyembunyikan, memindahkan, mengubah, menukar, membawa, melupuskan atau menggunakan hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan;*
- (c) mengalihkan dari atau membawa masuk ke dalam Malaysia, hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan; atau*
- (d) merahsiakan, menyembunyikan atau menghalang pemastian sifat sebenar, sumber, lokasi, pergerakan, pelupusan, hakmilik, hak berkenaan dengan, atau pemunyaan, hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan,*

[191] Pertuduhan yang dikenakan terhadap OKT ialah “...telah melibatkan diri dalam transaksi penggunaan wang...” sedangkan perkataan tersebut tidak wujud dalam seksyen 4(1)(b) tetapi sebaliknya wujud dalam seksyen 4(1)(a).

[192] Mahkamah telah meneliti peruntukkan Seksyen 4(1)(b) AMLATFPUAA 2001 yang hanya memperutukkan perkataan “*memperoleh, menerima, memiliki, menyembunyikan, memindahkan, mengubah, membawa, melupuskan, menggunakan, mengalihkan dari membawa masuk ke Malaysia hasil daripada sesuatu aktiviti haram*” “Seksyen 4(1)(b) tidak memperutukkan perkataan “*telah melibatkan diri dalam transaksi.....*” seperti dalam pertuduhan .

[193] Mahkamah berpendapat bahawa pertuduhan yang dihadapkan ke atas OKT hendaklah mematuhi kehendak s. 152(2) Kanun Tatacara Jenayah. Ini adalah untuk memastikan OKT mengetahui apa yang dipertuduhkan dan berupaya untuk menjawab dan membela diri terhadap pertuduhan tersebut dengan sebaik mungkin. Pertuduhan yang defektif akan menyebabkan OKT akan diprejudis dengan serius dan mengakibatkan salah laksana keadilan yang substantial.

[194] Dalam hal tersebut saya merujuk dan menggunakan keputusan Mahkamah Rayuan dalam *Mohd Haikal Mohd Khatib Saddaly & Ors v. Public Prosecutor* [2011] 5 CLJ 369; [2009] 4 MLJ 305 yang memberi panduan keadaan-keadaan yang membolehkan Mahkamah menganggap sesuatu pertuduhan sebagai *irregularity* dan boleh diperbetulkan dengan menggunakan s. 422 Kanun Prosedur Jenayah, seperti berikut:-

“[174] *The curative powers of Criminal Procedure Code cannot be doubted. Some salient examples would suffice:-*

- (a) *that according to Moh Yee Chong (f) & Anor v. Public Prosecutor [1955] 1 LNS 71; [1955] MLJ 115, a defective charge amounts to an irregularity which could not possibly be said to have occasioned a failure of justice and is curable under Criminal Procedure Code;*

- (b) *that according to See Yew Poo v. Public Prosecutor [1948] 1 LNS 62; [1949] MLJ 131; and Lee Chin Kee v. Public Prosecutor [1935] MLJ 157, duplicity of charges are mere irregularities and they are considered curable under Criminal Procedure Code provided such duplicity has not occasioned a failure of justice;*
- (c) *that errors and omissions in a charge are mere irregularities that are curable under Criminal Procedure Code, for examples:*
- (i) *in Wong Ah Kee v. Public Prosecutor [1948] 1 LNS 107; [1949] MLJ 68, the word 'knowingly' was left out in the charge and it did not embarrass the accused in making his defence and was considered as an irregularity and curable as such; and*
- (ii) *in Public Prosecutor v. Ginder Singh & Chet Singh [1948] 1 LNS 43; [1948] MLJ 194, the charge contained an omission of the place and the wrong weight of the product and it was held to be an irregularity curable under Criminal Procedure Code.*
- (d) *That according to Ramalingam Pillay v. The Crown [1905] 9 SSLR 99 (HC), the failure to amend a charge is an irregularity which is curable since it has not occasioned a failure of justice;*
- (e) *That according to Wee Toon Boon v. Public Prosecutor [1976] 1 LNS 171; [1976] 2 MLJ 191; [1975 - 1977] 1 SLR 498, the failure to state the particulars in the charge amounts to an irregularity which is curable; and*

(f) *That according to Regina v. Koomah [1808 - 84] 3 Ky 67, a conviction under the wrong clause of an Ordinance is an irregularity which is curable.*”

[195] Berdasarkan kepada hujah tersebut saya berpuashati terdapatnya keterangan yang mencukupi untuk membuktikan satu kes prima facie di bawah seksyen 4(1)(a) AMLATFPUAA 2001 dan bukannya seksyen 4(1)(b). Dengan itu saya telah bertindak untuk meminda pertuduhan asal kepada seksyen 4(1)(a) dan memanggil OKT membuat pembelaan terhadap pertuduhan pindaan tersebut.

[J] KESIMPULAN

[196] Setelah Mahkamah meneliti dan mempertimbangkan segala keterangan saksi-saksi pihak Pendakwaan dan serta hujah-hujah kedua-dua belah pihak, Mahkamah memutuskan berdasarkan penilaian maksimum terdapatnya keterangan yang mencukupi bagi mewujudkan kes *prima facie* di bawah Seksyen 4(1)(a) AMLATFPUAA 2001 dan bukannya di bawah seksyen 4(1)(b) AMLATFPUAA 2001. Dengan itu mahkamah memanggil OKT membuat pembelaan terhadap kesemua Sembilan pertuduhan pindaan di bawah seksyen 4(1)(a) AMLATFPUAA 2001.

[197] Kesemua sembilan pertuduhan pindaan telah dibacakan kepada OKT dan OKT minta dibicarakan dan memilih untuk tidak memanggil saksi-saksi lain atau memanggil semula saksi-saksi yang telah memberi keterangan dan meneruskan pembelaan sebagaimana yang dinyatakan dalam peruntukan Seksyen 162.

“*Whenever a charge is altered or added by the Court after the commencement of the trial the prosecutor and the accused shall be allowed to recall or re-summon and examine, with reference to the*

alteration or addition, any witness who may have been examined, and may also call any further evidence which may be material.”

[198] Mahkamah telah memberi pilihan kepada OKT untuk membuat pembelaan dan beliau memilih untuk memberi keterangan secara bersumpah.

[K] KES PIHAK PEMBELAAN

[199] Pada peringkat pembelaan, naratif jalur pembelaan OKT telah secara khusus dijelaskan oleh OKT secara bersumpah bahawa beliau mula berkhidmat dalam sektor Kerajaan bermula di Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar pada 10.7.2006 dengan jawatan Pembantu Teknik Mekanikal Gred J29. OKT telah meletak jawatan sebagai Penolong Jurutera Mekanikal Gred J29/36 pada 25.8.2017. OKT telah berkahwin dengan Rafizah Binti Kamari (SD2) pada tahun 2002 dan menjalankan kerja sampingan pengurusan kebun seluas lebih kurang 20 ekar. Kebun sawit ini ada yang dimiliki keluarga, pajakan dan penerokaan tanah rizab sungai sepertimana dinyatakan dalam Eksibit D105, D106, D107 dan D108.

[200] Menurut OKT beliau tidak mempunyai kuasa untuk sebarang keputusan di peringkat Unit ataupun Jabatan. Keputusan di peringkat Unit diputuskan secara perbincangan kumpulan bersama ASP Mohd Khairuddin Bin Mohd Raya dan adakalanya dibuat oleh ASP Mohd Khairuddin Bin Mohd Raya secara bersendirian.

[201] Bagi AJK Penilaian Sebut Harga, peranan OKT hanya berperanan secara bersama menyemak dan menilai dalam aspek teknikal sahaja. Manakala bagi AJK Pemilihan Sebut Harga, OKT tidak pernah dilantik dan tidak pernah terlibat dalam AJK Pemilihan Sebut Harga. OKT tidak boleh mempengaruhi AJK Pemilihan Sebut Harga dalam menentukan pemilihan kontraktor. OKT tidak pernah

dipanggil dan tidak pernah hadir dalam mesyuarat pemilihan sebut harga untuk memberi pandangan berkaitan teknikal.

[202] OKT ada memberi tunjuk ajar cara-cara mengisi borang dokumen sebut harga kepada semua kontraktor yang membuat rujukan kepada OKT termasuk SP44, namun tidak lebih daripada itu. OKT menafikan terlibat dalam memberi maklumat berkaitan anggaran kos sebut harga dan maklumat berkaitan sebut harga kepada mana-mana kontraktor yang mengambil bahagian dalam mana-mana sebut harga di Maktab Teknik PDRM, Bakri, Muar, Johor.

[203] Menurut OKT beliau hanya terlibat dalam memantau kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor dengan arahan Kem Komandan dan mengesahkan projek-projek berikut:-

- (a) Projek Kerja-Kerja Pembaikan Bangunan Dan Pagar Keselamatan Di Pondok Pengawal Maktab Teknik PDRM;
- (b) Projek Pembaikan Lapang Sasar Semi Indoor 25M Maktab Teknik PDRM, Bakri, Muar, Johor;
- (c) Projek Perkhidmatan Operasi Dan Penyelenggaraan Kolam Renang Dan Kolam Junam Di Kompleks Sukan Maktab Teknik PDRM, Bakri, Muar, Johor.

[204] Berhubung dengan saksi SP44 OKT menyatakan beliau mengenali SP44 sekitar tahun 2007 iaitu ketika SP44 bekerja dengan syarikat abangnya iaitu Shari bin Sawon yang memperoleh kerja pembaikan kecemasan saluran kumbahan rosak di blok Asrama Maktab Teknik PDRM.

[205] Berhubung dengan Syarikat Tulip Sinergi Enterprise pula ia didaftarkan atas nama Noraisah Binti Kamari, SD3 iaitu adik kandung isteri OKT, SD2 pada tahun 2013. SD2 menyertai syarikat ini sebagai rakan kongsi pada tahun 2015.

[206] Sepanjang pengetahuan OKT, syarikat tersebut menjalankan perniagaan pengurusan pertanian, pembinaan dan kosmetik. OKT dan SD2 ada melabur di dalam syarikat ini iaitu dalam bentuk wang yang diperolehi melalui pinjaman bank, pinjaman daripada individu dan juga hasil pertanian iaitu sawit. Tujuan pelaburan adalah supaya untuk mendapat keuntungan dan membantu akaun Syarikat Tulip Sinergi Enterprise menjadi lebih kukuh jika ingin memasuki tender. Selain itu, sebagai tempat simpanan wang sementara untuk membaiki rumah yang akan dibuat pada masa akan datang kerana pinjaman bank dibuat pada masa kadar faedah bank yang rendah.

[207] Di antara tahun 2008 hingga 2013, OKT ada membuat pinjaman bank sebanyak lebih kurang RM250,000.00. Pinjaman dibuat di Bank Rakyat, Bank Simpanan Nasional dan MBSB. SD2 juga ada membuat pinjaman bank lebih kurang berjumlah RM275,000.00 di Bank Simpanan Nasional dan Bank Rakyat di antara tahun 2012 hingga 2017. Wang yang dipinjam dari bank ini dilaburkan ke dalam Akaun Syarikat Tulip Sinergi Enterprise dan sebahagiannya untuk membiayai kos membaiki rumah.

[208] OKT juga menunjukkan adanya geran tanah bagi tanaman kelapa sawit untuk menunjukkan kemampuan kewangan secara bulanan yang diperolehinya dan SD2 selain gaji-gaji tetap yang diterima sebagai Penjawat Awam bersama SD2.

[209] OKT telah kemukakan eksibit-eksibit berikut sebagai sokongan (D105,D106,D107,D108,D109,D110,D111 & D112) yang membawa jumlah total sebanyak RM250,000.00.

[210] Pada bulan Julai tahun 2015, SP44 ada meminta pertolongan OKT berkaitan dia kesempitan wang dan tiada modal untuk menjalankan perniagaannya dan untuk membiayai projek yang dijalankan oleh syarikatnya iaitu SMR Cahaya Enterprise.

[211] OKT bersetuju untuk memberi pinjaman kepadanya atas dasar hubungan saudara. Walau bagaimanapun, OKT memberitahu SP44 agar memulangkan pinjaman wang dengan kadar segera apabila dia telah menerima bayaran hasil dari projek yang dijalankan oleh syarikatnya iaitu SMR Cahaya Enterprise kerana OKT ingin memperbaiki rumah.

[212] Pada masa itu SP44 telah berjanji untuk memulangkannya sebaik sahaja menerima bayaran hasil projeknya. Pada masa itu juga SP44 bersetuju secara lisan untuk membantu OKT menguruskan dan menjadi kontraktor utama untuk kerja-kerja memperbaiki rumah OKT.

[213] OKT telah memberi SP44 pinjaman wang melalui persetujuan adik ipar SD3 melalui Akaun Syarikat Tulip Sinergi. Menurut OKT jumlah keseluruhan wang yang dipinjam oleh SP44 ialah sebanyak RM520,000.00 dan fakta tersebut telah diakui oleh SP44. OKT telah mengemukakan "*Cheque Butt*" Tulip Sinergi Enterprise – D102 bagi menyokong pembelaannya.

[214] Menurut OKT lagi beliau telah melantik SP44 sebagai kontraktor utama untuk mengubah suai dan memperbaiki rumah tersebut. OKT telah meminta SP44 mempercepatkan bayaran balik pinjamannya. Walau bagaimana pun, SP44 telah gagal untuk memulangkan wang yang dipinjam dengan alasan belum menerima apa-apa bayaran hasil daripada projek. SP44 juga meminta OKT memberinya wang sekiranya hendak memulakan kerja-kerja memperbaiki rumah OKT sebanyak RM80,000.00. OKT telah menyerahkan wang melalui satu keping cek kepada SP44 pada 16/11/2016 bernilai RM80,000.00 bagi tujuan membiayai keperluan kewangan syarikatnya dan juga untuk memulakan kerja-kerja memperbaiki rumah OKT.

[215] Walau bagaimanapun, setelah menerima wang tersebut, SP44 masih tidak memulakan kerja-kerja memperbaiki rumah OKT dan setelah mendesak SP44 untuk memulakan kerja-kerja memperbaiki rumah kerana

OKT telah memberinya wang pendahuluan untuk membeli barang-barang binaan. OKT telah mengemukakan “Cheque Butt” Tulip Sinergi Enterprise bernombor 236769 bertarikh 16/11/2019 berjumlah RM80,000.00.

[216] Menurut hujah OKT lagi jumlah keseluruhan wang yang diterima oleh SP44 bagi tujuan pinjaman, modal pembiayaan projek dan bayaran pendahuluan barang membaiki rumah ialah sebanyak RM600,000.00.

[217] Sumber kewangan OKT dan SD2 untuk membiayai kerja-kerja membaiki rumah juga melibatkan Pinjaman peribadi Bank Rakyat oleh SD2 pada Mei 2017 berjumlah **RM75,000.00**; Wang dari Akaun Syarikat Tulip Sinergi Enterprise, Penyata Akaun baki berakhir 31 Disember 2016 berjumlah **RM90,026.41**; Simpanan hasil wang gaji OKT dan SD2 ;Simpanan tunai hasil jualan sawit dari tahun 2012 hingga Mei 2017 berjumlah lebih kurang **RM50,000.00**.

[218] Pihak Pembelaan berhujah pengetahuan OKT berhubung segala transaksi wang yang wujud dalam kes ini adalah berpunca dari sumber kewangan yang sah dan telah dijelaskan dan tidak sama sekali berhubung kait dengan sumber haram menurut Akta.

[219] OKT mengaku menerima barang binaan untuk membaiki rumah OKT sebagaimana dakwaan SP44 kerana OKT telah membayar kos membaiki rumah kepadanya. 5 Namun OKT menafikan pengesahan penerimaan barang binaan dan kuantiti yang dihantar ke rumahnya.

[220] OKT menafikan dia ada menyalurkan maklumat berkaitan sebut harga di Maktab Teknik PDRM kepada SP44 dan tidak pernah membantu SP44 bagi mendapatkan sebarang projek di Maktab Teknik PDRM. Keterangan SP44 juga tiada sokongan dari mana-mana keterangan.

[221] OKT juga tidak pernah menulis dokumen sebut harga untuk SP44 dengan pensel dan akan dipadam olehnya serta ditulis semula dengan pen atau dakwat. SP44 juga mengakui beliau merupakan orang terakhir atau “final” serta berkuasa penuh ketika mengisi dokumen sebut harga. Mohd Hasrol Bin Hashim iaitu Pegawai Penyiasat SPRM juga gagal dalam kenyataannya di Mahkamah untuk mengemukakan bukti dokumen, saksi mata dan saksi bebas bagi isu ini.

[L] DAPATAN MAHKAMAH

[222] Undang-undang berkaitan dengan beban pembuktian yang diperlukan dari pihak pembelaan bagi membuktikan kes pembelaan dan seterusnya menafikan kes *prima facie* yang telah ditimbulkan oleh pihak pendakwaan adalah ‘settled law’ dan telah dibuktikan dalam banyak kes terdahulu.

[223] Seksyen 182A Kanun Tatacara Jenayah menghendaki Mahkamah menimbangkan kesemua keterangan yang dikemukakan di Mahkamah dan hendaklah memastikan sama ada pihak Pendakwaan telah membuktikan kesnya sehinggalah tiada keraguan yang munasabah seperti yang telah diputuskan dalam kes kes [*Balachandran v. PP* [2005] 1 CLJ 85] ; [*PP v. Saimin & Ors* [1971] 1 LNS 115] .

[224] Adalah undang-undang yang mantap bahawa OKT adalah berhak untuk dibebaskan sekiranya keterangan yang dikemukakan dalam pembelaannya menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pihak Pendakwaan.

[225] Bagi kesemua pertuduhan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (ASPRM), pembelaan OKT adalah pada tahapimbangan keberangskalian sepertimana dinyatakan seksyen 50 ASPRM 229). OKT perlu memberikan penjelasan yang jujur sebagaimana diputuskan ke Mahkamah Persekutuan dalam

[*Thavanathan a/l Balasubramaniam v. PP* [1997] 2 MLJ 401]; [*Ku Yahya Ku Bahri v. PP* [2000] 3 CLJ 162].

[226] Bagi pertuduhan di bawah AMLA pula prosiding berdasarkan seksyen 70 AMLATFAPUAA 2001 hendaklah diputuskan berdasarkanimbangan keberangkalan, sepertimana yang telah dijelaskan dalam kes [*Azmi bin Osman v. PP* [2015] 9 CLJ 845 ; [*Hairul Afizul v. PP* [2009] 1 CLJ 280] ; [*PP v. Kuala Dimensi Sdn Bhd & Ors* [2019] 3 CLJ 650].

[227] Telah diputuskan dalam kes [*Ganapathy A/L Rengasamy v. PP* [1998] 2 CLJ 1]:-

“Seberapa lemah sekalipun sesuatu pembelaan, hakim-hakim perbicaraan, sebagai hakim-hakim bagi fakta dan juga undang-undang tidak seharusnya mengenyepikan pembelaan itu semata-mata atas dasar bahawa saksi-saksi pihak pendakwaan harus dipercayai dan bukannya pihak pembelaan. Di mana undang-undang meletakkan bebanan memberikan penjelasan ke atas seorang tertuduh, dan penjelasan diberikan, yang mana jika ianya konsisten dengan ketidak-bersalahan, maka mahkamah berkewajipan untuk menimbangkan samada ianya berkemungkinan benar, walaupun tidak yakin dengan kebenarannya.”

**[M] SAMADA OKT TELAH BERJAYA MEMATAHKAN
ANGGAPAN DAN MENIMBULKAN KERAGUAN
TERHADAP KES PENDAKWAAN**

**Pertuduhan 1 Dan 2 Kesalahan Di Bawah Seksyen 16(a)(A)
ASPRM 2009 Menerima Wang Rasuah RM400,000.00 Daripada
SP44**

[228] Adalah tidak dinafikan bahawa keterangan mengenai suapan yang diterima oleh OKT daripada SP44 pada tarikh dan tempat yang tertera pada pertuduhan adalah bergantung sepenuhnya pada keterangan SP44. Keterangan yang boleh mengaitkan OKT dengan pertuduhan tersebut adalah berdasarkan pengakuan SP44 bahawa beliau telah menyerahkan wang RM400,000.00 kepada OKT dan terdapatnya kemasukan dan pengeluaran wang secara tunai dari akaun kepunyaan SP44 Pemilik SMR Cahaya berdasarkan eksibit Cek Bank Islam (P15 & P16) bertarikh 15-12-2016 dan 19-12-2016.

[229] SP44 ketika disoal balas oleh Peguambela mengakui beliau telah berbohong dengan pihak Bank dalam memberikan alasan pengeluaran wang tersebut dengan menyatakan pada belakang cek tersebut “*untuk bayar barang-barang kerja pembaikan lapang sasaran di Maktab Teknik PDRM Bakri Muar Johor*”. Alasan beliau menyatakan sedemikian adalah kerana bagi pengeluaran jumlah yang melebihi RM50,000 SMR Cahaya perlu menyatakan tujuan dibelakang cek tersebut.

Keterangan SP44:

S : Perenggan 25 ini; Wang RM200,000.00 ini saya serahkan kepada Encik Hairudin sebagai upah membantu mendapatkan SMR Cahaya Enterprise untuk memohon kerja-kerja di Maktab Teknik PDRM, Bakri, Muar.

Walaupun tertera di belakang cek tersebut, Bayar Untuk Kerja Dewan, Supply Besi Structure. Itu adalah syarat bank untuk keluarkan duit tersebut. Cadangan saya kepada Encik Razali ini, yang tulis Bayar Untuk Kerja Dewan, Supply Besi Structure itu siapa?

J : Saya.

S : Kamu sendiri yang tulis bukan, dan tidak ada kena mengena langsung perkataan ataupun apa-apa kata-kata yang merujuk kepada tertuduh, betul?

J : Ya, betul.

S : Saya juga cadangkan kepada Encik Razali bahawa, Encik Hairudin ini dia tidak pernah pun suruh yang macam itu sebab di perenggan yang selanjutnya, kamu ada cakap; Hairudin juga telah mengarahkan menulis perkara ini di cek tersebut kerana Hairudin tidak mahu namanya tertera di sebarang dokumen kewangan yang melibatkan perniagaan saya. Saya cadangkan kepada kamu yang dia tidak ada suruh pun cakap macam itu, betul?

J : Betul.

S : Selanjutnya ini Encik Razali, kita pergi ke perenggan 26 dan 27. Perenggan 26 dan 27 ini juga merujuk kepada cek yang kedua, saya rasa cek yang kedua iaitu RM200,000.00. Saya merujuk khusus kepada perenggan 27; RM200,000.00 diserahkan oleh saya kepada Hairudin sebagai upah mendapatkan SMR Cahaya Enterprise kerja-kerja projek, walaupun tertera di belakang cek tersebut Untuk Bayar Barang-barang Kerja Untuk Membaiki Lapang Sasar Maktab Teknik PDRM, Bakri, Muar. Yang tulis di belakang cek ini siapa?

J : Saya.

S : Kamu yang tulis dan sebagaimana yang kamu setuju tadi, Hairudin ini pun tidak ada suruh kamu tulis macam ini, betul?

J : Betul, sebab itu akaun saya dan itu adalah syarat bank.

[230] Keterangan SP44 tersebut ternyata bercanggah dengan keterangan beliau semasa di soal oleh Timbalan Pendakwa Raya di mana SP44 menyatakan OKT lah yang telah mengarahkan beliau menulis tujuan wang dikeluarkan di belakang cek tersebut. Persoalan seterusnya ialah adakah benar OKT telah mengarahkan SP44 mengeluarkan wang simpanan tersebut dan menyerahkan kepada beliau. Tiada saks-saksi bebas dan bukti dokumentar yang dapat meyakinkan mahkamah bahawa wang RM 400,000.00 telah diserahkan kepada OKT.

[231] Hakim perbicaraan dalam kes [*Ah Mee v. PP* [1967] 1 LNS 3 menyatakan bentuk-bentuk keterangan sokongan (*corroborative evidence*) bukan sahaj terhadap kepada keterangan lisan dari saksi yang bebas (*independant*) malahan turut merangkumi '*established facts and the logic of established facts*'.

[232] '*Independent corroboration*' adalah satu bentuk keterangan yang bukan sahaja keterangan yang dapat membuktikan jenayah telah berlaku, namun ianya mampu untuk membuktikan bahawa OKT adalah pihak yang melakukan jenayah tersebut.

[233] SP44 sendiri mengakui ketika disoal balas oleh peguambela OKT bahawa beliau pernah berhutang dengan OKT. Sebagai seorang Kontraktor yang banyak menggunakan modal sudah tentu terdapat banyak aliran wang masuk dan keluar dalam akaun tersebut.

Keterangan SP44 :

S : *Di sepanjang Encik Razali berniaga sebagai seorang kontraktor, setuju dengan saya, bahawa Encik Razali ada meminjam wang dengan Encik Hairudin Bin Ngadiron?*

J : *Ya, ada.*

S : Setuju dengan saya bahawa, Encik Razali meminjam wang daripada Encik Hairudin Bin Ngadiron ataupun tertuduh ini, namun wang itu dikeluarkan melalui akaun Tulip Sinergi Enterprise kepada Encik Razali, setuju atau tidak setuju?

J : Setuju .

S : Setuju dengan saya bahawa, Encik Razali ada meminjam wang daripada OKT atau Orang Kena Tuduh ini dan wang itu diberikan oleh Syarikat Tulip Sinergi Enterprise?

J : Setuju.

Mahkamah :Ulang semula soalan tadi.

S : Setuju dengan saya pada 31.7.2015, Encik Razali ada menerima melalui cek HSBC, daripada Tulip Sinergi Enterprise berjumlah RM50,000.00 ini?

J : Setuju.

TPR : Apakah tarikhnya itu?

Peguambela : Saya ulangi tarikhnya itu pada 31.7.2015.

S : Setuju dengan saya pada 4.8.2015, Encik Razali ada pinjam juga daripada OKT ini dan wang juga dikeluarkan daripada Tulip Sinergi Enterprise, wang berjumlah RM50,000.00?

J : Setuju.

S : Setuju dengan saya bahawa, Encik Razali juga pada 1.9.2015 ada pinjam wang daripada Encik Hairudin, juga berjumlah RM50,000.00?

J : Setuju.



S : Setuju dengan saya bahawa, pada 29.01.2016, satu cek telah dikeluarkan sebagai pinjaman dari Tulip Sinergi Enterprise kepada SMR Cahaya Enterprise iaitu syarikat kamu berjumlah RM40,000.00?

J : Yang itu, saya tidak pasti.

S : Yang ini kamu tidak pasti?

J : Ya, yang RM40,000.00 itu.

S : Setuju dengan saya pada 15.7.2016, Encik Razali juga ada meminjam wang daripada Encik Hairudin ini melalui akaun Tulip Sinergi ini berjumlah RM50,000.00?

J : Setuju.

S : Setuju dengan saya bahawa, pada 29.7.2016 melalui Syarikat SMR Cahaya ada meminjam wang sebanyak RM100,000.00 daripada Encik Hairudin?

J : Setuju.

S : Setuju dengan saya pada 18.8.2016, Encik Razali juga ada menerima wang daripada Tulip Sinergi ke dalam akaun SMR Cahaya ini sebanyak RM130,000.00?

J : Setuju.

S : Setuju dengan saya bahawa, pada 15.11.2016 kamu ada meminjam wang daripada OKT ini melalui syarikat kamu, wang berjumlah RM50,000.00?

J : Setuju.

S : Setuju dengan saya pada 16.11.2016, Hairudin ada menyerahkan kepada kamu melalui Tulip Sinergi, wang berjumlah RM80,000.00 untuk modal kerja?

J : Setuju.

S : Setuju dengan saya bahawa, kesemua jumlah yang kamu setujui tadi, kecuali wang yang kamu tidak pasti tadi, jumlahnya RM40,000.00, jumlah keseluruhan pinjaman wang yang kamu pinjam daripada Hairudin ini adalah berjumlah RM560,000.00, betul?

J : Ya.

[234] Berdasarkan kepada pengakuan SP44 tersebut bahawa beliau pernah berhutang dengan OKT sehingga mencecah jumlah RM560,000.00 adalah tidak mustahil SP44 mempunyai pergerakan keluar masuk wang yang banyak dalam akaun bank beliau . Adalah dapatan mahkamah keterangan SP44 tidak mempunyai sokongan yang bebas dan terdapatnya beberapa keraguan kerana tiada siapa yang dapat mengesahkan siapa yang mengarahkan SP44 mengeluarkan wang dan juga samada wang RM400,000.00 tersebut telah di serahkan kepada OKT oleh SP44 di rumahnya.

[235] Pihak Pendakwaan dalam hujahnya balasnya cuba menyakinkan mahkamah bahawa dalam transaksi penyerahan wang rasuah pada kebiasaanya sukar untuk mendapatkan saksi dan juga dokumen yang boleh membuktikan penyerahan tersebut dan telah merujuk mahkamah kepada seksyen 134 Akta Keterangan 1950 yang menyatakan tiada bilangan saksi yang tertentu dikehendaki dalam mana-mana kes untuk membuktikan sesuatu fakta [*Balachandran v. PP* [2005] 1 CLJ 85].

[236] Dalam kes yang dibicarakan di hadapan saya ini , keterangan terdapatnya transaksi pengeluaran wang berjumlah RM400,000.00 dari akaun SP44 tidak cukup untuk dijadikan bukti bahawa wang tersebut

telah diserahkan kepada OKT. Walaupun ketika serbuan dilakukan di rumah OKT telah menjumpai sejumlah wang ia gagal dikaitkan dengan wang RM400,000.00 yang kononnya diberikan kepada OKT. Wang terlibat tidak dibuat penandaan ataupun mempunyai catitan nombor siri. Memang diakui terdapat kemasukan wang RM400,000.00 ke dalam akaun syarikat SP44 tetapi ia tidak menjelaskan apa-apa inference kerana sememangnya jumlah yang diterima oleh SP44 adalah bayaran yang diterima dari kerja-kerja yang telah dilaksanakan oleh syarikat beliau.

[237] Pada hemat mahkamah adalah tidak selamat untuk bergantung sepenuhnya kepada keterangan SP44 semata-mata dalam mensabitkan kesalahan OKT dalam pertuduhan tersebut kerana tidak terdapatnya keterangan sokongan yang lain. Malahan terdapat pula beberapa keraguan sama ada benar OKT ada menerima wang RM400.000.00 tersebut. Mahkamah berpendapat faedah keraguan patut diberikan kepada OKT.

[238] Berdasarkan alasan-alasan di atas mahkamah mendapati pihak Pembelaan telah berjaya mematahkan anggapan yang dikenakan terhadap beliau dan seterusnya menimbulkan keraguan terhadap kes pihak Pendakwaan. Pihak Pendakwaan telah gagal membuktikan kes melangkaui keraguan yang munasabah. Dengan itu mahkamah melepaskan dan membebaskan OKT terhadap pertuduhan pertama dan kedua. di bawah seksyen 16(a)(A) ASPRM 2009.

Pertuduhan 3 Hingga 8 Kesalahan Di Bawah Seksyen 16(a)(A) ASPRM 2009

[239] Berhubung pertuduhan di atas pihak pendakwaan telah membuktikan OKT telah menerima barang-barang seperti yang telah dinyatakan dalam pertuduhan. Melalui keterangan saks-saksi

Pendakwaan telah dibuktikan OKT telah membuat pesanan terhadap barang-barang berkenaan dan telah selamat dihantar ke alamat rumah OKT di KM35, Parit Gantung, Sungai Rambai Melaka.

[240] Pembelaan yang dikemukakan oleh OKT ialah kesemua bayaran kos ubahsuai rumah OKT berjumlah RM61,686.32 adalah berpunca dari wang RM80,000.00 yang diserahkan oleh OKT kepada SP44 melalui cek Tulip Sinergi Enterprise (D102) pada bulan November 2016 dan bukannya wang milik SP44 sendiri ataupun Syarikat SMR Cahaya Enterprise yang dikatakan sebagai rasuah. Malahan menurut OKT lagi wang yang sepatutnya dibayar untuk kos ubahsuai rumah OKT sebaliknya telah digunakan untuk membayar upah-upah pekerja SP44. Tindakan tersebut membuktikan SP44 sendiri yang sesuka hati membuat keputusan sendiri dan membuktikan beliau seorang yang tidak amanah dan jujur. Maka sebab itulah SP44 terpaksa menggunakan duitnya sendiri untuk membayar semua kos-kos membaik pulih rumah OKT dan tindakan tersebut telah disalahtafsirkan oleh SPRM.

[241] Walau bagaimanapun, ketika SP44 diasak dan diajukan soalan mengenai isu wang RM80,000.00 tersebut oleh peguam OKT, SP44 menafikan cadangan peguambela tersebut dan menjelaskan wang tersebut telah diberikan kepada beliau sebagai wang membayar gaji pekerja dan bukan bertujuan membayar kos membina rumah OKT . Penafian SP44 tersebut sekaligus meruntuhkan pembelaan yang cuba dicadangkan oleh pihak pembelaan

[242] Mahkamah juga bersetuju dengan hujah Timbalan Pendakwa Raya terpelajar bahawa terdapat percanggahan dalam pembelaan yang dikemukakan oleh pihak Pembelaan berhubung barang-barang pembinaan rumah yang diterima oleh OKT. Pada asasnya pembelaan yang dikemukakan oleh pihak pembela tidak konsisten di mana pada awalnya cuba menafikan penerimaan barang-barang binaan daripada

SP44. Kemudian dalam versi yang lain menyatakan pembelaan mengakui penerimaan barang-barang tersebut tetapi ia dibayar melalui cek (D12) berjumlah RM80,000.00.

[243] Pihak Pembelaan juga cuba membangkitkan isu mengenai tulisan yang terdapat di belakang cek bagi tujuan cek dikeluarkan. Adalah tidak dinafikan bahawa cek-cek tersebut (P15 & P16) telah dikeluarkan atas nama Mohd Razali bin Sawon dan dibelakang cek-cek tersebut dinyatakan tujuan cek tersebut dikeluarkan.

[244] Mahkamah bersetuju dengan hujah pihak pembelaan terdapat dua versi berbeza yang dikemukakan oleh SP44. Pada awalnya semasa SP44 di soal oleh Timbalan Pendakwaraya yang terpelajar, menyatakan beliau telah diarahkan oleh OKT untuk menulis tulisan dibelakan cek tersebut bagi mengelakkan OKT terlibat dalam perniagaan SP44. Walau bagaimanapun ketika disoal balas oleh Peguambela, SP44 menafikan beliau telah diarahkan oleh OKT dan sebaliknya bersetuju dengan cadangan peguambela yang beliau melakukan tindakan tersebut atas kehendak beliau sendiri.

[245] Walau bagaimanapun isu yang dibangkitkan oleh pihak Pembelaan tersebut tidak menjejaskan kes pihak pendakwaan kerana SP44 sendiri telah menjelaskan bahawa bagi cek yang melebihi RM50,000.00, SMR Cahaya perlu menyatakan tujuan cek tersebut dikeluarkan kerana ia syarat yang ditetapkan oleh Bank Islam. SP44 dalam pemeriksaan semula juga telah menjelaskan perkataan *structure besi* telah ditulis di belakang cek kerana wang beliau yang terkumpul adalah melalui projek-projek Maktab Teknik.

[246] Justeru niat sebenar SP44 menulis alasan kenapa cek tersebut dikeluarkan telah dijelaskan secara jujur dalam pemeriksaan balas beliau. Tidak timbul isu SP44 telah memberikan keterangan yang bercanggah.

[247] Mahkamah berpendapat percanggahan yang terdapat dalam keterangan SP44 tidak menjadikan beliau seorang saksi yang tidak boleh dipercayai dan seterusnya menjadikan keterangan beliau tidak boleh diterima sebagaimana yang diputuskan dalam kes [*Mohamed Alias v. Public Prosecutor* [1981] 1 LNS 200].

“..The fact that there are discrepancies in a witness’s testimony does not straightaway make him unreliable witness and make the whole of his evidence unacceptable. It is open to the court having observed the demeanour of the witness and after careful consideration of such discrepancies to accept part of the witness evidence if it considers them to be true..”

[248] Mahkamah juga bersetuju dengan hujah Pihak Pendakwaan bahawa OKT telah gagal menunjukkan sebarang penyata bank dan juga saksi-saksi bebas bagi menyokong wang tersebut telah dikeluarkan dari syarikat Tulip Sinergi Enterprise kepada SP44 bagi tujuan mengubah suai rumah OKT. Sebaliknya OKT hanya mengemukakan pernyataan akaun Syarikat Tulip Sinergi Enterprise bertarikh 31-1-2017 (D114) & (D115) yang tidak menunjukkan apa-apa transaksi.

[249] Daripada keterangan SP44 jelas membuktikan bahawa cek tersebut bukan digunakan untuk membeli barang-barang binaan rumah OKT tetapi sebaliknya digunakan bagi tujuan modal perniagaan syarikat SP44 untuk membayar gaji pekerja SP44.

[250] Rumusan yang boleh dibuat oleh Mahkamah ialah pembelaan OKT adalah merupakan suatu pemikiran terkemudian dan penemuan baru yang tidak wujud dan sengaja direka oleh OKT tanpa sokongan mana-mana bukti dan dokumen yang bebas.

[251] Seterusnya berhubung hujah Pembelaan bahawa OKT tidak mempunyai kuasa untuk sebarang keputusan di peringkat Unit ataupun Jabatan di mana keputusan di peringkat Unit diputuskan secara

perbincangan kumpulan bersama ASP Mohd Khairuddin Bin Mohd Raya dan adakalanya dibuat oleh ASP Mohd Khairuddin Bin Mohd Raya secara bersendirian, ia telah dijelaskan sebelum ini bahawa OKT memang terlibat secara tidak langsung dalam membuat keputusan dan mengetahui maklumat dalaman untuk memastikan SP44 mendapat projek yang ditawarkan.

[252] Sebagaimana yang diterangkan oleh SP13, berdasarkan proses kerja tersebut OKT secara tidak langsung terlibat dalam proses pembidaan dengan menyediakan dokumen yang berkaitan. Selaku Penyelia kepada OKT, SP13 mengesahkan OKT terlibat dalam mengadakan taklimat dengan AJK Penilaian Sebut Harga bagi memberitahu dan menjelaskan latar belakang projek. Kepakaran OKT diperlukan bagi menjelaskan berkait aspek teknikal projek yang ditawarkan. SP13 juga mengesahkan OKT terlibat sama dalam Mesyuarat Penilaian Sebut Harga berkenaan sebagai AJK dan bertanggungjawab dalam menyediakan laporan hasil mesyuarat tersebut untuk dibawa ke dalam Mesyuarat Pemilihan Sebut Harga berdasarkan kepakaran beliau dalam aspek teknikal.

[253] Ini adalah kerana OKT adalah pegawai JKR yang ditempatkan di MTPDRM sebagai tenaga pakar. Maka, harga-harga adalah berdasarkan kepakaran dan pengetahuan OKT berdasarkan kepada buku kadar harga JKR dan pasaran semasa.

[254] Bagi ketiga-tiga projek yang terlibat atas arahan SP13, OKT telah menyediakan segala skop kerja dari segi teknikal (spesifikasi wajib dan am) seperti yang dinyatakan dalam Bill of Quantity [P36(a)-(c), P33(a)-(c) & P39(a)-(c)]. Bagi setiap projek yang ditawarkan oleh Maktab Teknik PDRM, satu pemakluman akan dibuat kepada Kontraktor-kontraktor yang berminat untuk memasuki tender tersebut. Satu sesi lawatan tapak akan diadakan dimana OKT

bertanggungjawab dalam memberikan penerangan dan penjelasan kepada Konterktor yang hadir dalam lawatan tapak tersebut.

[255] Walaupun OKT tidak terlibat secara langsung dalam meluluskan projek-projek tersebut, beliau juga terlibat dalam menyediakan segala dokumentasi termasuk harga anggaran sebelum projek-perojek tersebut dimulakan. Perkara tersebut disahkan sendiri oleh SP12 yang menyatakan OKT terlibat dalam menyediakan anggaran kos kerja-kerja yang diluluskan. Sebelum sesuatu kerja yang dirancangkan dan dihantar kepada Bukit Aman untuk persetujuan harga anggaran dan spesifikasi kerja, ia akan diproses dahulu oleh OKT bagi menentukan ia mengikut kadar semasa.

[256] Rujukan dibuat terhadap s. 19 ASPRM 2009 yang memperuntukkan:-

19. (1) Jika dalam mana-mana prosiding terhadap mana-mana ejen bagi apa-apa kesalahan di bawah perenggan 17(a) adalah dibuktikan bahawa dia telah secara rasuah meminta, menyetujui terima, memperoleh atau bersetuju untuk menyetujui terima atau cuba untuk memperoleh apa-apa suapan sedangkan dia ada sebab untuk mempercayai atau mengesyaki bahawa suapan itu telah diminta atau ditawarkan sebagai suatu dorongan atau upah supaya dia melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan atau supaya dia memberikan atau tidak memberikan apa-apa sokongan atau tentangan kepada mana-mana orang berhubungan dengan hal ehwal atau perniagaan prinsipalnya, ejen itu melakukan suatu kesalahan di bawah perenggan itu walaupun-

(a) dia tidak mempunyai kuasa, hak atau peluang untuk berbuat demikian, untuk memberikan yang sedemikian atau untuk tidak memberikan yang sedemikian;

- (b) *dia telah menerima suapan itu tanpa niat untuk berbuat demikian, untuk memberikan yang sedemikian atau untuk tidak memberikan yang sedemikian;*
- (c) *dia telah tidak sebenarnya berbuat demikian, memberikan yang sedemikian atau tidak memberikan yang sedemikian; atau*
- (d) *perbuatan, sokongan atau tentangan itu tidak ada hubungan dengan hal ehwal atau perniagaan prinsipalnya.*

[257] Berdasarkan peruntukan s. 19(1) ASPRM 2009 yang membuat anggapan bahawa OKT masih boleh disabitkan dengan pertuduhan di bawah s. 17(a) ASPRM jika elemen pertuduhan dibuktikan, walaupun ditunjukkan yang OKT tidak mempunyai kuasa bagi menentukan projek yang terlibat. Mahkamah ini memutuskan bahawa s. 19(1) ASPRM 2009 ini adalah terpakai terhadap OKT.

[258] Berdasarkan hujah-hujah di atas mahkamah mendapati Pihak Pembelaan telah gagal menyangkal anggapan yang telah dikenakan terhadap beliau dan seterusnya gagal menimbulkan sebarang keraguan terhadap kes pihak pendakwaan melibatkan pertuduhan ketiga hingga kelapan di bawah Seksyen 16(a)(A) ASPRM 2009. Pihak Pendakwaan telah berjaya membuktikan kes melangkaui keraguan yang munasabah. Dengan itu mahkamah mensabitkan kesalahan OKT terhadap pertuduhan ketiga hingga ke lapan tersebut.

[N] PERTUDUHAN AMLATFPUAA 2001

[259] Bagi pertuduhan AMLATFPUAA 2001 pula, Mahkamah berpuas hati pihak Pembelaan telah mengemukakan pembelaan yang bermerit bahawa OKT sememangnya berkeupayaan dari segi

kewangan untuk membiayai kos pembinaan rumah yang dinyatakan dalam pertuduhan.

[260] Persoalan seterusnya pada peringkat ini adalah, adakah naratif versi pihak Pembelaan pada peringkat ini adalah satu bentuk pembelaan yang bersifat *'bare denial'* dan *'afterthought'* dan tidak pernah dicadangkan kepada mana-mana saksi Pendakwaan sepertimana dakwaan pihak Pendakwaan.

[261] Adalah dapatan Mahkamah bahawa, pembelaan OKT berkaitan 'pinjaman wang oleh SP44 dan pernyataan kepada pegawai siasatan oleh SP44 berkenaan hutang tersebut' telah dicadangkan pada awal kes pendakwaan semasa SP44 memberi keterangan.

[262] Pembelaan yang dibawa oleh OKT adalah jelas satu pembelaan yang kredibel dan tidak bersifat penafian semata-mata atau *'afterthought'*. Versi pembelaan OKT telah dicadangkan sejak di kes pihak Pendakwaan. Saksi pihak pendakwaan terutamanya SP44 telah disoal balas oleh pihak Pembelaan selari dengan versi naratif pihak Pembelaan bahawa OKT mempunyai kemampuan dalam membiayai pembiayaan membuat rumah beliau.

[263] Seterusnya versi lengkap pembelaan dikemukakan setelah OKT dipanggil membela diri. OKT telah memberikan penjelasan yang munabah dalam pembelaan beliau dan disokong secara kukuh dan kredibel.

[264] Dalam pembelaannya, OKT telah membuktikan Syarikat Tulip Sinergi Enterprise adalah kepunyaan adik kandung isteri beliau (SD2) dan beliau menyertai syarikat ini sebagai rakan kongsi pada tahun 2015. Syarikat tersebut menjalankan perniagaan pengurusan pertanian, pembinaan dan kosmetik. OKT dan SD2 mengakui mereka telah membuat pelaburan dalam syarikat tersebut dalam bentuk wang yang diperolehi melalui pinjaman bank, pinjaman daripada individu dan

juga hasil pertanian iaitu sawit bagi tujuan mendapat keuntungan dan membantu akaun Syarikat Tulip Sinergi Enterprise menjadi lebih kukuh jika ingin memasuki tender dan juga sebagai tempat simpanan wang sementara untuk membaiki rumah pada masa hadapan.

[265] Bagi membuktikan OKT mempunyai kemampuan kewangan yang cukup bagi membiayai kos pembinaan rumah tersebut beliau telah menunjukkan kepada mahkamah beberapa pinjaman Bank yang telah beliau buat sekitar tahun 2008 hingga 2017 di mana beliau telah berjaya mengumpul sebanyak RM250,000.00 dan RM275,000.00 dan telah dilaburkan ke dalam sayarikat Tulip Sinergi Enterprise dan sebahagiannya untuk belanja membuat rumah. Bagi membuktikan perkara tersebut, OKT telah mengemukakan eksibit-eksibit yang berkaitan.

DOKUMEN SOKONGAN	EKSIBIT
Geran Tanah Bernombor H.S (M) : 136 (Tanaman Sawit)	D105
Geran Tanah No. Hakmilik : 783 (Tanaman Sawit)	D106
Geran Tanah No. Hakmilik : 1780 (Tanaman Sawit)	D107
Surat Perjanjian Pajakan Tanah Dan Hasil Sawit Selama 10 Tahun	D108



Permohonan Kemudahan Pembiayaan Peribadi I-Aslah (Istimewa)-B/Anggota Bank Rakyat OKT Sebanyak RM37,000.00	D109
Tawaran Kemudahan Pembiayaan Peribadi-i BSN Aflah Scop Kepada OKT Berjumlah RM37,000.00	D110
Penyata Akaun Pinjaman MBSB OKT	D111
Tawaran Kemudahan Pinjaman Peribadi Bank Simpanan Nasional – Skim Kakitangan Awam Persekutuan (SKAP) Atas Nama Rafizah Binti Kamari Berjumlah RM200,000.00	D112
Permohonan Kemudahan Pembiayaan Peribadi – i Aslah Bank Rakyat Rafizah Binti Kamari	D113
“Cheque Butt” Bagi Syarikat Tulip Sinergi Enterprise yang merupakan keratan cek kepada Mohd Razali Bin Sawon berjumlah RM80,000.00	D102

Penyata Akaun Bertarikh 31 Januari 2017 Syarikat Tulip Sinergi Enterprise	D114
Penyata Akaun Bank HSBC Syarikat Tulip Sinergi Enterprise Bertarikh 30 April 2017	D115

[266] Seterusnya OKT dan SD2 telah membuktikan kepada mahkamah keupayaan beliau untuk membiayai kerja-kerja membaiki rumah seperti berikut:-

- (a) Pinjaman peribadi Bank Rakyat oleh SD2 pada Mei 2017 berjumlah **RM75,000.00**;
- (b) Wang dari Akaun Syarikat Tulip Sinergi Enterprise, Penyata Akaun baki berakhir 31 Disember 2016 berjumlah **RM90,026.41**;
- (c) Simpanan hasil wang gaji OKT dan SD2:
 - Gaji OKT (purata) = **RM3,000.00**
 - Gaji SD2 (purata) = **RM5,000.00**
 - Purata simpanan tunai sebulan = RM500 + RM500 = **RM1,000.00**
 - Jumlah simpanan 5 tahun = RM1,000.00 x 60 bulan = **RM60,000.00**
- (d) Simpanan tunai hasil jualan sawit dari tahun 2012 hingga Mei 2017 berjumlah lebih kurang **RM50,000.00**.

Pengiraan Minima :

20 ekar x 0.5 tan = 10 tan x RM200.00 (minima) =
RM2,000.00/bulan

Jumlah hasil 5 tahun = RM2,000.00 x 60 bulan = **RM120,000**

[267] Mahkamah juga mendapati OKT telah berjaya menimbulkan keraguan terhadap kes pihak pendakwaan apabila pihak pembelaan berjaya membuktikan bahawa SP44 sememangnya ada berhutang dengan OKT. Isu mengenai hutang tersebut telah diakui oleh SP44 sendiri ketika disoal balas oleh Peguambela OKT dan sepanjang perbicaraan berlangsung tiada keterangan telah dikemukakan bagi menentukan samada hutang tersebut telah dijelaskan atau belum.

[268] Isu mengenai hutang ini adalah sangat penting bagi membuktikan bahawa OKT mempunyai keupayaan dari segi kewangan untuk membiayai projek-projek pembinaan rumah beliau di alamat KM 35 Kampung Parit Gantung, Sungai Rambai, Melaka dan seterusnya menafikan beliau telah menggunakan wang haram RM400,000.00 yang kononnya beliau perolehi dari SP44.

[269] Sebagaimana yang dinyatakan oleh OKT pada bulan Julai tahun 2015, SP44 ada meminta pertolongan beliau kerana kesempitan wang untuk menjalankan perniagaannya dan untuk membiayai projek yang dijalankan oleh syarikatnya iaitu SMR Cahaya Enterprise.

[270] OKT telah memberi SP44 pinjaman wang melalui persetujuan adik ipar SD3 melalui Akaun Syarikat Tulip Sinergi seperti berikut:-

- (a) Cek tunai Akaun Syarikat Tulip Sinergi Enterprise kepada Mohd Razali Bin Sawon pada 31/7/2015 bernilai RM50,000.00;
- (b) Cek tunai Akaun Syarikat Tulip Sinergi Enterprise kepada Mohd Razali Bin Sawon pada 7/8/2015 bernilai RM50,0000.00;

- (c) Cek tunai Akaun Syarikat Tulip Sinergi Enterprise kepada Mohd Razali Bin Sawon pada 1/9/2015 bernilai RM50,000.00;
- (d) Cek Akaun Syarikat Tulip Sinergi Enterprise kepada Mohd Razali Bin Sawon melalui Akaun Syarikat SMR Cahaya Enterprise pada 29.1.2016 bernilai RM40,000.00;
- (e) Cek Akaun Syarikat Tulip Sinergi Enterprise kepada Mohd Razali Bin Sawon melalui Akaun Syarikat SMR Cahaya Enterprise pada 15/7/2016 bernilai RM50,000.00;
- (f) Cek Akaun Syarikat Tulip Sinergi Enterprise kepada Mohd Razali Bin Sawon melalui Akaun Syarikat SMR Cahayar Enterprise pada 29/7/2016 bernilai RM100,000.00;
- (g) Cek Akaun Syarikat Tulip Sinergi Enterprise kepada Mohd Razali Bin Sawon melalui Akaun Syarikat SMR Cahaya Enterprise pada 18/8/2016 bernilai RM130,000.00;
- (h) Cek Akaun Syarikat Tulip Sinergi Enterprise kepada Mohd Razali Bin Sawon melalui Akaun Syarikat SMR Cahaya Enterprise pada 15/11/2016 bernilai RM50,000.00.

[271] Menurut OKT jumlah keseluruhan wang yang dipinjam oleh SP44 ialah sebanyak RM520,000.00 dan fakta tersebut telah diakui oleh SP44. OKT telah mengemukakan “Cheque Butt” Tulip Sinergi Enterprise-D102 bagi menyokong pembelaannya .

[272] Adalah dapatan saya bahawa OKT telah berjaya membuktikan kepada mahkamah beliau mempunyai sumber kewangan yang mencukup untuk membeli semua harta yang terlibat. Berdasarkan sumber keewangan yang ada berserta dengan keupayaan beliau memberikan pinjaman kewangan kepada SP44 dalam jumlah yang banyak telah meyakinkan mahkamah OKT telah memberikan

penjelasan yang jujur tentang kemampuan beliau membiayai projek pembinaan rumah beliau.

[273] Mahkamah berpuas hati dengan penjelasan OKT bahawa segala transaksi wang yang wujud dalam kes ini adalah berpunca dari sumber kewangan yang sah dan telah dijelaskan dan tidak sama sekali berhubung kait dengan sumber haram menurut Akta.

[274] Mahkamah juga mendapati daripada kesemua pertuduhan AMLATFPUAA yang dibicarakan di hadapan saya ini, pihak Pendakwaan telah gagal mengemukakan sebarang bukti dokumentar bagi menyokong keterangan saksi-saksi pendakwaan bahawa wang terlibat telah diserahkan oleh OKT kepada Kontraktor-kontraktor yang terlibat dalam pembinaan rumah OKT. Malahan Mahkamah juga mendapati pihak Pendakwaan gagal membuktikan adanya *money trail* bagi membuktikan wang tersebut diperolehi oleh OKT dari sumber yang haram.

[275] Adalah prinsip undang-undang yang mantap, walaupun sesebuah mahkamah mungkin akan memandang dengan kesangsian pembelaan yang telah dikemukakan, Mahkamah masih terikat untuk menimbangkan pembelaan tersebut, walaubagaimana lemah sekalipun, dan membebaskan OKT, jika tidak berpuashati bahawa pihak Pendakwaan telah melaksanakan beban bukti yang terletak padanya.

[276] Berdasarkan alasan-alasan di atas mahkamah memutuskan bahawa Pihak Pembelaan telah berjaya menimbulkan keraguan terhadap kes Pihak Pendakwaan. Pihak Pendakwaan telah berjaya membuktikan kes melangkaui keraguan yang munasabah, dengan itu Mahkamah melepaskan dan membebaskan OKT dari kesemua sembilan pertuduhan di bawah seksyen 4(1)(a) AMLATFPUAA 2001.

[O] HUKUMANRayuan OKT

[277] Dalam rayuan mitigasi meringankan hukuman OKT meminta mahkamah mempertimbangkan beliau mempunyai tanggungan dan telah diberhentikan kerja. OKT mempunyai ibu dan bapa yang sedang sakit dan memerlukan rawatan. OKT juga mengalami penyakit kencing manis dan sedang menjalani rawatan. Sebagai pesalah pertama OKT memohon diberikan hukuman ringan dan telah mengemukakan kes [*PP v. Kathiselvam Vengathan* [2008] 3 MLJ 386] di mana Mahkamah telah memberikan peringanan hukuman atas faktor kesalahan kali pertama yang dilakukan oleh tertuduh.

[278] Seterusnya Pembelaan telah meruju kes [*PP v. Ravindran & Others* [1993] 1 MLJ 45], di mana Mahamah menyatakan hukuman pemenjaraan yang tinggi akan memberikan impak yang besar kepada keluarga tertuduh.

“...Applying the aboved principal accounting falling conclusion, all the six accused are young, the ages range from 19 to 30 years, except for the second accused, a long prison sentence would therefore certainly affect their families and also own prospect of getting into society again.”

[279] Menurut OKT beliau telah insaf dan berjanji tidak akan mengulangi kesalahan tersebut dan sekiranya Mahkamah ini memberikan satu hukuman pemenjaraan, keluarga yang ditinggalkan oleh tertuduh ini akan terjejas. *Sumirah v. Pendakwa Raya* [2016] MLJ 1972.

Hujah Pemberat Pihak Pendakwaan

[280] Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana berhujah OKT telah dituduh dengan pertuduhan yang berat memperuntukan hukuman berat di bawah Seksyen 24 iaitu didenda tidak kurang 5 kali ganda daripada jumlah atau nilai suapannya, dan dipenjara selama tempoh tidak melebihi 20 tahun.

[281] Pihak Pendakwaan memohon agar OKT diberikan hukuman yang setimpal dan berbentuk pengajaran atas faktor-faktor tersebut, yang pertama adalah atas kepentingan awam. Hukuman mestilah melambangkan pencegahan supaya masyarakat sedar agar kesalahan ini adalah suatu kesalahan yang serius dan tidak melakukan kesalahan ini seperti mana kes *PP v. Loo Choon Fatt* [1976] 1 LNS 102; *The criminal law is publicly enforced, not only with the object of punishing crime, but also in hope of preventing it.*

[282] Seterusnya hukuman mahkamah perlu melambangkan bahawa Mahkamah telah menjalankan amanah yang mana serius isu-isu jenayah seperti mana kes **Loo Choon Fatt** “..the Courts will not be performing their function honestly if the seriousness of the situation is not reflected in the sentence imposed or if the sentence appears to defeat the object of the statute.”

[283] Mahkamah juga perlu memberi mesej dan amaran kepada masyarakat. Justeru dalam memimpin pandangan orang ramai, Mahkamah perlu menjatuhkan hukuman yang berat dan bersifat *deterrent* agar masyarakat sedar bahawa tidak ada tolak ansur dalam isu jenayah rasuah. Dalam kes [*PP v. Dato' Waad Mansor* [2005] 1 CLJ 421] telah diputuskan:-

“..The offence of corruption, if unabated, is far more reaching in consequences than crimes of robbery, criminal breach of trust or rape. Therefore, the sentences imposed for offences of corruption should be deterrent in nature so as to reflect the gravity of the offences.”

[284] Seterusnya pihak Pendakwaan memohon agar satu hukuman penjara yang berat dikenakan terhadap OKT supaya memberi impak agar kesalahan ini dapat dikekang supaya tidak menular di kalangan masyarakat dan memberi hukuman secara spesifik kepada OKT dan telah merujuk kepada kes *PP v. Hamidon Bin Mat Yatim* [1995] 3 CLJ 724 yang mana menyatakan:-

“...The offence should be in prison and such a sentence would be consistence with the annomity of the offence committed by him.”

[P] KEPUTUSAN MAHKAMAH

[285] Saya mengambil maklum bahawa undang- undang memberikan budi bicara sepenuhnya kepada Hakim Bicara untuk menentukan hukuman yang sepatutnya dijatuhkan ke atas pesalah tetapi kuasa ini hendaklah dilaksanakan secara adil dan saksama selaras dengan prinsip undang-undang berhubung hukuman.

[286] Perkara ini dijelaskan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Ganesan a/l Nachiappan & Ors v. Pendakwa Raya* [2000] 3 AMR 2621 dijelaskan:-

“The power of sentencing given to a trial court is a discretionary one and in order for us, as the appellate court, to disturb the sentence imposed, we must be convinced that the trial Judge had erred in applying the correct principles of sentencing or had embarked on some unauthorised or extraneous exercise of discretion (see PP v. Loo Choon Fatt [1976] 1 LNS 102; [1976] 2 MLJ 256 and Bhandulananda Jayatilake v. PP [1981] 1 LNS 139; [1982] 1 MLJ 83).”

[287] Pandangan yang sama ditegaskan dalam kes *Tan Sri Abdul Rahim Mohd Noor lwn. PP* [2001] 1 CLJ 645 di halaman 653 di mana Mahkamah menyatakan:-

*“Kuasa penghukuman adalah terletak di atas budibicara mahkamah yang membicarakan sesuatu kes. Mahkamah tersebut mempunyai hak dan tanggungjawab samada akan bersikap lembut atau keras, tetapi budibicara tersebut hendaklah dilaksanakan menurut prinsip-prinsip penilaian hukuman yang telah diterima pakai selama ini. (Sila lihat *Public Prosecutor v. Khairuddin* [1982] 1 MLJ 331).”*

[288] Dalam kes *Lim Guan Eng v. Public Prosecutor* [1998] 3 CLJ 769 hakim Gopal Sri Ram, HMR dalam menyampaikan keputusan Mahkamah Rayuan antara lain menyatakan seperti berikut:-

“ Suffice to say that a court should, when sentencing an accused, take into account all considerations, relevant to the case, including the gravity of the offence, the circumstances surrounding the commission of the offence, the antecedents of the accused, the deterrent effect that punishment is to have, any factor that warrants special attention either in favour or against the accused and above all the public interest. Reasons must be given for imposing a particular sentence to enable an appellate court to ensure that there has been no error in principle.”

[289] Dalam menjatuhkan hukuman mahkamah telah mempertimbangkan OKT sebagai seorang penjawat awam telah mengkhianati amanah yang telah diberikan kepada beliau sebagai penjawat awam. Beliau telah mengambil kesempatan daripada kedudukan beliau sebagai penjawat awam untuk meraih keuntungan peribadi. Justeru Mahkamah mendapati OKT perlu diberikan hukuman penjara setimpal dengan kesalahan yang telah dilakukan.

[290] Kesalahan rasuah telah menjadi barah dan telah banyak mengakibatkan kerugian kepada negara kita. Bagi memberikan kesedaran kepada orang awam bahawa rasuah adalah ancaman kepada negara ini, satu hukuman penjara yang setimpal perlu diberikan.

[291] Dalam menjatuhkan hukuman dalah perlu untuk merujuk kes [PP v. Dato Waad Mansor [2005] 1 CLJ 421, berhubung prinsip hukuman rasuah.

“the offence of corruption, if unabated or undeterred, is more far reaching in its consequences than the crime of robbery, criminal breach of trust or rape. Thus, we feel that the sentences imposed for offences of corruption should be deterrent in nature so as to reflect the gravity of the offence.”

[292] In *Goh Leng Sai v. Regina* [1958] 1 LNS 24; [1959] 25 MLJ 121 (HC), telah dinyatakan :-

“In cases of corruption, it is necessary to impose a sentence of imprisonment as a sentence of fine has no deterrent effect.

[293] Pada pendapat Mahkamah, hukuman penjara empat tahun yang dijatuhkan adalah setimpal dengan kesalahan yang dilakukan dengan mengambil kira trend hukuman yang dijatuhkan di Mahkamah-mahkamah negara ini. OKT juga akan dikenakan hukuman buang kerja oleh jabatan majikan beliau dan ia cukup untuk memberikan pengajaran kepada beliau agar tidak mengulangi kesalahan yang sama.

[294] Setelah Mahkamah meneliti dan mempertimbangkan segala keterangan saksi-saksi pihak Pembelaan dan juga setelah Mahkamah menilai keseluruhan keterangan yang telah dikemukakan dalam perbicaraan ini, Mahkamah memutuskan seperti berikut:-

PERTUDUHAN RASUAH SESKYEN 16(a)(A) ASPRM 2009

MA-61R-36-10/2018

- 1) Pertuduhan Pertama – OKT dilepaskan dan dibebaskan

- 2) Pertuduhan Kedua – OKT dilepaskan dan dibebaskan
- 3) Pertuduhan Ketiga – OKT dipenjara 4 tahun dan Denda RM145,000 tidak bayar 6 bulan penjara.

MA-61R-37-10/2018

- 1) Pertuduhan Pertama – OKT dipenjara 2 tahun dan Denda RM37,000, tidak bayar 6 bulan penjara.
- 2) Pertuduhan Kedua – OKT dipenjara dua tahun dan Denda RM60,000, tidak bayar 6 bulan penjara.
- 3) Pertuduhan Ketiga – OKT dipenjara dua tahun dan Denda RM52,000, tidak bayar 6 bulan penjara.

MA-61R-38-10/2018

- 1) Pertuduhan Pertama – OKT dipenjara dua tahun dan Denda RM25,000, tidak bayar 6 bulan penjara.

MA-61R-39-10/2018

- 1) Pertuduhan Pertama – OKT dipenjara dua tahun dan Denda RM22,000, tidak bayar 6 bulan penjara.

PERTUDUHAN PINDAAN AMLATFPUAA SEKSYEN 4(1)(a)

MA-61R-5-03/2019

- 1) Pertuduhan Pindaan Pertama – OKT dilepaskan dan dibebaskan.
- 2) Pertuduhan Pindaan Kedua – OKT dilepaskan dan dibebaskan.
- 3) Pertuduhan Pindaan Ketiga – OKT dilepaskan dan dibebaskan.



MA-61R-6-03/2019

- 1) Pertuduhan Pindaan Pertama – OKT dilepaskan dan dibebaskan.
- 2) Pertuduhan Pindaan Kedua – OKT dilepaskan dan dibebaskan.
- 3) Pertuduhan Pindaan Ketiga – OKT dilepaskan dan dibebaskan.

MA-61R-7-03/2019

- 1) Pertuduhan Pindaan Pertama — OKT dilepaskan dan dibebaskan.
- 2) Pertuduhan Pindaan Kedua — OKT dilepaskan dan dibebaskan.
- 3) Pertuduhan Pindaan Ketiga — OKT dilepaskan dan dibebaskan.

[295] Kesemua hukuman berjalan serentak. Mahkamah juga membenarkan permohonan pihak pembelaan untuk menangguhkan perlaksanaan kesemua hukuman sehingga rayuan dilupuskan di Mahkamah Tinggi.

(MOHD NASIR HJ NORDIN)

Hakim Mahkamah Sesyen 1

Melaka.

Tarikh: 21 OKTOBER 2020

KAUNSEL:

Bagi pihak pendakwa raya - TPR Zander Lim Wai Keong, Timbalan Pendakwa Raya; Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

PUTRAJAYA.



Bagi pihak pendakwa raya - TPR Norsyarina Raizan, Timbalan Pendakwa Raya; SPRM Johor

JOHOR.

Bagi pihak peguambela - Mohamed Imran Mohamed Sam; T/n Nor Shahid Abd Malik & Associates

No. 33-02, Jalan Adda 3/1, Taman Adda Heights
81100 Johor Bahru

JOHOR.

Bagi pihak peguambela - Mohd Razak Sharif; T/n M R Sharif & Co

No. 112A, Tingkat 1
Jalan Sultanah, 83000
Batu Pahat, Johor Bahru

JOHOR.

Kes-kes yang dirujuk:

Balachandran v. PP [2005] 1 CLJ 85

Looi Kow Chai & Anor v. PP [2003] 1 CLJ 734

Zaini Nyak Othman v. PP [1999] 4 CLJ 765

PP lwn. Rahiman Selamat & Kes Yang Lain [2003] 1 LNS 754; [2015] 3 CLJ 92

Azmi Osman v. PP & Another Appeal [2015] 9 CLJ 845

PP v. Gan Kiat Bend & Another case [2011] 8 CLJ 951

Ang Kok San v. Pendakwa Raya [2013] 1 LNS 181

Mohd Haikal Mohd Khatib Saddaly & Ors v. Public Prosecutor [2011] 5 CLJ 369; [2009] 4 MLJ 305

PP v. Saimin & Ors [1971] 1 LNS 115

Thavanathan a/l Balasubramaniam v. PP [1997] 2 MLJ 401

Ku Yahya Ku Bahri v. PP [2000] 3 CLJ 162

Hairul Afizul v. PP [2009] 1 CLJ 280

PP v. Kuala Dimensi Sdn Bhd & Ors [2019] 3 CLJ 650

Ganapathy A/L Rengasamy v. PP [1998] 2 CLJ 1

Ah Mee v. PP [1967] 1 LNS 3

Mohamed Alias v. Public Prosecutor [1981] 1 LNS 200

PP v. Kathiselvam Venggathan [2008] 3 MLJ 386

PP v. Ravindran & Others [1993] 1 MLJ 45

Sumirah v. Pendakwa Raya [2016] MLJ 1972

PP v. Loo Choon Fatt [1976] 1 LNS 102

PP v. Dato' Waad Mansor [2005] 1 CLJ 421

PP v. Hamidon Bin Mat Yatim [1995] 3 CLJ 724

Ganesan a/l Nachiappan & Ors v. Pendakwa Raya [2000] 3 AMR 2621

Tan Sri Abdul Rahim Mohd Noor lwn. PP [2001] 1 CLJ 645

Lim Guan Eng v. Public Prosecutor [1998] 3 CLJ 769

Goh Leng Sai v. Regina [1958] 1 LNS 24; [1959] 25 MLJ 121 (HC)

Perundangan yang dirujuk:

Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, ss. 3, 4(1)(a), 16(a)(A), 17(a), 19(1), 24, 50(1)(3), 52

Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan Dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001, ss. 3, 4(b), (1)(a) (b), (2)(a), (4), 70(1), Jadual Kedua

Akta Pencegahan Rasuah 1997, s. 44

Akta Pencegahan Rasuah 1961, s. 18

Akta Keterangan 1950, ss. 118, 133, 134

Kanun Keseksaan, ss. 162, 165



[2020] 5 LNS 130

Legal Network Series

Kanun Tatacara Jenayah, ss. 152(2), 156, 173(f), (h), 182A, 422